


**Jilid IV  
No. 8**



**Hari Selasa  
5hb Mach, 1968**

# **PERBAHATHAN PARLIMEN**

**DEWAN NEGARA (SENATE)**

**PENYATA RASMI**

**PARLIMEN MALAYSIA YANG KEDUA  
PENGKAL KEEMPAT**

**KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Rgn. 1123]**

**RANG UNDANG<sup>2</sup>—**

**Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan, 1968—Bachan Kali Yang Kedua  
dan Ketiga [Rgn. 1131]**

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA (SENATE)**

*Penyata Rasmi*

---

Jilid IV

Dewan Negara yang Kedua Penggal Keempat

No. 8

---

*Hari Selasa, 5hb Mach, 1968*

*Persidangan bermula pada pukul Sa-puluh pagi*

YANG HADZIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMMAD YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ TAN SRI TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M., O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P. Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN GAN TECK YEOW, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
- „ TUAN KOH KIM LENG (Melaka).
- „ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).

- Yang Berhormat **TUAN MOHAMAD ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).**
- „ **DATU PENGIRAN MOHMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).**
- „ **TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Di-lantek).**
- „ **TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).**
- „ **DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).**
- „ **TUAN S. P. S. NATHAN (Di-lantek).**
- „ **NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Di-lantek).**
- „ **TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, M.B.E. (Sarawak).**
- „ **TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).**
- „ **TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Di-lantek).**
- „ **DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).**
- „ **TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Di-lantek).**
- „ **TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).**
- „ **TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).**
- „ **TUAN WILLIAM TAN (Di-lantek).**
- „ **TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).**
- „ **DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).**
- „ **DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).**
- „ **DATO' WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, D.J.M.K. (Kelantan).**
- „ **WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).**
- „ **TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).**

**YANG TIDAK HADZIR :**

- Yang Berhormat **Menteri Tidak Berjabatan, YANG BERBAHAGIA TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Di-lantek).**
- „ **TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Di-lantek).**
- „ **TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Pulau Pinang).**
- „ **DATO' O. K. K. INDAN BIN KARI, P.D.K. (Di-lantek).**
- „ **RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).**
- „ **TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N., S.M.K., J.P. (Kedah).**
- „ **DATO' S. O. K. UBAlDULLAH, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).**

**YANG HADZIR BERSAMA :**

- Yang Berhormat **Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).**
- „ **Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).**
- „ **Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).**
- „ **Menteri Muda Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).**

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*  
*kan Meshuarat*)

## JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

### PENGAMBILAN BUROH<sup>2</sup> DARI MALAYSIA BARAT UNTUK MALAYSIA TIMOR (SHARAT<sup>2</sup> DAN LAYANAN<sup>2</sup>)

1. **Tuan Saidon bin Kechut** bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) apa-kah syarat<sup>2</sup> dan layanan<sup>2</sup> yang di-janjikan kepada buroh<sup>2</sup> yang di-ambil di-Malaysia Barat untuk bekerja di-Malaysia Timor—Sabah dan Sarawak;
- (b) sa-lama buroh<sup>2</sup> itu bekerja di-Malaysia Timor, ada-kah Kerajaan menerima sungutan<sup>2</sup> tidak puas hati terhadap layanan yang di-beri dan sa-bagai-nya.

**Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan):** Tuan Yang di-Pertua, buroh<sup>2</sup> yang di-ambil di-Malaysia Barat untuk bekerja di-Sabah tergolong di-dalam dua jenis:

- (i) mereka yang di-ambil di-bawah ranchangan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia; dan
- (ii) mereka yang di-ambil di-luar daripada ranchangan Lembaga tersebut.

Sharat<sup>2</sup> dan layanan<sup>2</sup> pekerjaan yang di-tawarkan kepada kedua<sup>2</sup> jenis buroh<sup>2</sup> tersebut ada-lah terta'alok di-bawah Ordinance Perburohan Sabah yang pada sa-tengah<sup>2</sup>-nya ada-lah serupa dengan Ordinance Penggajian yang berkuat kuasa di-Malaysia Barat. Berkenaan dengan perkara (i) pekerja<sup>2</sup> yang di-ambil di-bawah ranchangan Lembaga tersebut walau bagaimana pun ada-lah di-beri gaya galakan tambahan saperti berikut:

- (1) apabila genap tempoh perkhidmatan sa-lama dua tahun yang memuaskan dengan majikan yang mendaftarkan dengan Lembaga tersebut, mereka ada-lah di-benarkan menetap di-Sabah jika sa-kira-nya mereka memutuskan demikian itu dan hal

yang demikian mereka ada-lah layak untuk di-timbangan bagi mengambil bahagian di-dalam Ranchangan<sup>2</sup> Tanah Penempatan di-Sabah. Sa-kira-nya mereka tidak mahu menetap di-Sabah, maka boleh-lah mereka kembali ka-Malaysia Barat dengan perbelanjaan Lembaga.

- (2) mereka akan di-bayar elaun gangguan sa-banyak \$100 atau disturbance allowance oleh Lembaga sa-kira-nya mereka diikuti oleh keluarga<sup>2</sup> mereka atau \$50 sa-kira-nya mereka maseh bujang.
- (3) mereka akan di-bayar belanja hidup atau subsistence allowance di-dalam perjalanan sa-kira-nya tidak ada atoran dibuat oleh Lembaga bagi mengadakan makanan saperti keadaan berikut:

\$3 sa-hari bagi tiap<sup>2</sup> pekerja;

\$3 sa-hari bagi tiap<sup>2</sup> tanggungan yang ikut sama yang berumur 3 tahun ka-atas;

\$1.50 sa-hari bagi tiap<sup>2</sup> tanggungan yang ikut sama yang berumur 3 tahun ka-bawah.

- (4) mereka akan di-beri bayaran sa-banyak \$5 sa-bulan apabila genap 24 hari bekerja di-dalam bulan tersebut oleh majikan sahingga kepada satu masa yang lain apabila Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di-perluaskan ka-Sabah.

Berkenaan dengan (2) ranchangan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia tidak di-perluaskan ka-Sarawak dengan syarat<sup>2</sup> dan layanan<sup>2</sup> pekerja buroh<sup>2</sup> yang di-ambil di-Malaysia Barat untuk bekerja di-Sarawak ada-lah terta'alok di-bawah Ordinance Perburohan di-dalam negeri itu.

Sungutan<sup>2</sup> yang lazim-nya di-terima daripada pekerja<sup>2</sup> yang di-hantar ka-Sabah pada sa-takat ini ia-lah:

- (1) Belanja hidup yang tinggi disana, ia-itu tinggi sedikit daripada sini.

- (2) Kurang-nya berbagai<sup>2</sup> jenis makanan seperti beras, susu, ikan masin, minyak masak dan lain<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> makanan yang mustahak di-dalam kedai<sup>2</sup> di-estate<sup>2</sup>.
- (3) Pertukaran yang sering kali berlaku di-dalam kadar pembayaran gaji mengikut sistem upah ikut banyak bagi pekerjaan seperti merumput.

Bagi kesulitan (1) itu mengenai perbelanjaan hidup yang tinggi, ini adalah satu kesukaran yang tidak dapat di-kuasai pada masa ini. Walau bagaimana pun pekerja<sup>2</sup> di-Sabah di-bayar lebeh kurang 20% tinggi daripada kadar gaji yang terdapat di-Malaysia Barat pada masa ini dan ini patutlah mengimbangkan belanja hidup yang tinggi itu.

Bagi (2) majikan<sup>2</sup> telah pun di-minta mengadakan jenis<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> makanan yang lebeh murah untuk di-jual di-dalam kedai<sup>2</sup> di-estate<sup>2</sup>.

Bagi kesulitan (3) ini telah pun di-bincangkan oleh Lembaga dan majikan<sup>2</sup> telah pun di-nasihatkan supaya jangan selalu menukarkan kadar<sup>2</sup> itu atau apa pun chara pembayaran-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah jawapan yang saya dapat beri bagi pehak Menteri Buroh yang tidak hadir di-sini.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Saya ingin mendapat penjelasan buroh<sup>2</sup> yang hendak pergi ka-Sabah dan ka-Sarawak—Malaysia Timor ini—ia-lah kita tahu buroh<sup>2</sup> yang kurang pengertian dan pengalaman dalam soal<sup>2</sup> pentadbiran. Jadi ada-kah permohonan<sup>2</sup> yang ingin hendak menjalankan perburohan di-Sabah dan di-Sarawak pehak Kementerian yang berkenaan telah memberikan pengertian yang mendalam dengan sharat<sup>2</sup> dan chara kerja<sup>2</sup> dan keadaan<sup>2</sup> yang ada di-sana sa-belum lagi dia itu di-minta penguasaan-nya dan sanggup hendak pergi ka-Sabah dan Sarawak?

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tiap<sup>2</sup> sa-orang sa-belum dia melakukan satu<sup>2</sup> pekerjaan wajib bagi dia memuaskan hati-nya sendiri ka-mana-kah dia akan

pergi dan apa-kah akan berlaku kepada diri dia. Jadi saya rasa buroh<sup>2</sup> ini sendiri sudah mengambil tahu daripada pehak<sup>2</sup> yang berkenaan keadaan yang ada di-tempat dia akan pergi itu dan sa-kira-nya dia bertanya kepada Kementerian Buroh sudah tentu saya rasa Kementerian itu akan memberi pertolongan.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Sadikit lagi pertanyaan, Tuan Yang di-Pertua. Merojok kepada apa yang di-sebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi ia itu pembayaran gaji yang di-beri di-Sabah dan di-Sarawak kepada buroh<sup>2</sup> dari Malaysia ini di-lebuhkan 20 peratus kerana memikirkan soal tinggi-nya belanja hidup. Jadi kalau soal tinggi-nya belanja hidup di-Malaysia Timor ini seperti yang di-tegaskan oleh Menteri yang berkenaan, jadi saya perchaya masalah yang besar yang mendatangkan tidak puas hati ia-lah soal belanja hidup yang tinggi dan saya rasa kalau sa-chara bekerja tentu-lah bagi pehak buroh<sup>2</sup> kita ini tidak bagitu mendatangkan kesusahan yang berat. Jadi, ada-kah Kerajaan atau Menteri yang berkenaan berchadang hendak menambahkan lagi bayaran pendapatan buroh<sup>2</sup> kita di-Sabah?

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, buroh<sup>2</sup> ini adalah di-bawah tanggung-jawab majikan<sup>2</sup> bukan daripada tanggung-jawab Kerajaan Sabah. Oleh kerana itu Kerajaan Sabah atau Kerajaan Pusat tidak-lah bertanggung-jawab untuk memberi gaji yang lebeh jikalau tidak chukup akan tetapi rasa saya kata orang, "lagi besar periok, lagi banyak kerak-nya". Jika banyak mana gaji sa-kali pun jika kita tidak jaga supaya jangan jadi kerak, nasi itu kita masak betul<sup>2</sup> tentu menchukupi. Jadi, oleh kerana itu bagaimana pun jikalau sa-telah buroh<sup>2</sup> ini menjalankan kehidupan mereka dengan chara berjimat chermat tidak menchukupi juga saya rasa tidak-lah menjadi keberatan bagi Kementerian Buroh untuk meminta dan menasihatkan majikan<sup>2</sup> itu jikalau dia berkehendakkan buroh dan buroh<sup>2</sup> tak mahu pergi tentu-lah bagi satu induce-ment atau galakan; itu terpulang-lah kepada majikan. Sekian sahaja.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang puas hati dengan penjelasan ini, ia-itu masalah, "besar periok, besar kerak-nya". Saya rasa pepatah ini kita umpamakan orang yang berkemampuan dan orang yang hidup mewah, tetapi dari segi kaum buroh ini kita tahu satu gulungan yang menderita. Masaalah yang ada pada kaum buroh pada hari ini ia-lah masaalah penderitaan dan tekanan dari segi pencharian hidup. Jadi, saya suka menyatakan dan meminta Menteri yang berkenaan supaya memandang kedudukan kaum buroh bukan dari segi kemewahan "besar periok besar kerak-nya", tetapi dari segi penderitaan hidup. Yang saya minta walau dengan chara badan atau majikan yang bertanggung-jawab, tetapi kalau Kerajaan kita telah pun menghantar dan berchampur tangan dalam perkara ini tentu-lah sa-suatu dapat di-laksanakan untuk kebaikan mereka.

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya katakan tadi ini semua kedudukan sa-suatu majikan atau pekerja<sup>2</sup> ada-lah di-atas soalan supply and demand. Jikalau ada pehak yang berkenaan berkehendakkan sa-suatu, ia-itu macham majikan sana berkehendak buroh. Jikalau buroh<sup>2</sup> di-sini tidak mendapat chukup belanja sara hidup di-sana atau gaji sudah tentu mereka itu tak hendak pergi. Tetapi, jikalau mereka itu hendak pergi berma'ana dia fikir ada chukup bagi diri dia, jikalau tak chukup tentu-lah dia tak mahu pergi dan ini menjadi satu chara untuk mempengaruhi majikan<sup>2</sup> supaya memberi gaji yang lebeh, bagaimana pun perkara ini saya ingat tentu-lah majikan ada bertimbang rasa dalam perkara ini.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Adakah benar bahawa saya dengar bahawa beberapa orang buroh<sup>2</sup> yang pergi ka-Sabah itu dia tidak puas hati lari balek ka-Malaya?

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Ada, Tuan Yang di-Pertua, tak puas hati ini boleh jadi macham<sup>2</sup>, kerana apa tidak puas hati oleh kerana kita sendiri menchari penyakit itu. Kerana boleh jadi dia tak puas hati, kerana gaji pendapatan dia kurang kerana

dia tidak membuat kerja dengan sa-penoh-nya. Jikalau kerja konterek dia patut bekerja 8 jam sa-hari, dia hanya mahu bekerja 4 jam sa-hari; ini berma'ana dia tak dapat chukup gaji, jadi tak chukup-lah belanja hidup-nya. Ini ada kedengaran. Jadi, kalau dia lari balek itu salah siapa, Tuan Yang di-Pertua? Itu salah dia-lah sendiri.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Jawab pertanyaan saya dahulu. Saya bertanya ada-kah benar bahawa sa-tengah<sup>2</sup> orang buroh yang pergi itu tidak puas hati, lari balek ka-Malaya. Saya tanya benar-kah lari balek ka-Malaya itu?

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Ada yang balek saya dengar.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya bertanya kapada Yang Berhormat Menteri tentang buroh ini, ia-itu soalan yang pertama di-mana-kah mereka ini bekerja sa-bagai buroh, dan yang kedua-nya berapa ramai-kah bilangan buroh yang telah di-hantar daripada negeri ini ka-Malaysia Timor?

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Buroh<sup>2</sup> ini ada-lah dalam estate<sup>2</sup> di-kebanyakan yang saya tahu, kalau saya tidak silap kerana saya sendiri bukan Menteri Buroh dan apa yang saya dengar ada-lah di-sabelah Pantai Timor di-Sabah sa-belah Tawau dan sa-bagai-nya, dan berkenaan dengan berapa banyak-kah buroh<sup>2</sup> itu saya minta-lah notis terlebeh dahulu.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengetahui di-Sabah itu, ada-kah suatu badan yang mengambil tahu di-atas hal ehwal orang<sup>2</sup> dari Malaysia Barat, yang di-hantar pergi bekerja sa-bagai buroh di-Sabah sana. Jika mereka dapat ke-susahan atau mendapat layanan yang burok daripada majikan<sup>2</sup> mereka, kapada siapa-kah mereka dapat membuat rayuan. Tiga orang buroh, peranakan Kedah, beserta dengan keluarga-nya jumlah empat belas orang telah balek daripada Sabah. Mereka kata, pada mula<sup>2</sup> mereka sampai di-Sabah, mereka di-layani menurut perjanjian, di-beri tempat duduk dan di-bayar gaji dengan betul. Sa-telah lama

mereka di-sana, mereka tiada di-layan dengan sewajar-nya. Mereka di-beri gaji ikut banyak tandan kelapa sawit yang mereka potong dan memikul ka-tempat perhimpunan. Oleh sebab makin sa-hari makin jauh perjalanan mereka dari tempat memotong tandan kelapa sawit itu ka-tempat perhimpunan-nya, tiada-lah boleh mereka memikul banyak<sup>2</sup> tandan, sa-hingga sa-sudah-nya sa-orang dapat chuma \$15 sa-bulan, tiada menchukupi habuan sara hidup family mereka. Mereka tiada tertahan lagi dudok menderita di-sana dan mereka pinta berhenti kerja dan mereka di-hantar oleh majikan mereka ka-Singapura. Di-Singapura, mereka tiada ada wang untok belanja dan dengan kasihan rahim askar<sup>2</sup> Melayu mereka di-beri makan dan di-hantar ka-seberang Johor Bahru. Maka dengan pertolongan orang<sup>2</sup> Johor pula, mereka kesudahan-nya, sa-telah mengalami beberapa kesusahan, baharu-lah sampai ka-Kedah. Perkara ini telah pun di-siarkan dalam surat khabar Utusan Melayu—barangkali ini telah dapat perhatian Menteri Buroh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir itu lebeh daripada pertanyaan.

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap dengar tadi, agak saya Ahli Yang Berhormat itu mengatakan mereka itu mengangkut tandan kelapa, agak saya, tetapi dia dapat \$15 satu hari, kata Ahli Yang Berhormat. Kalau dia dapat \$15 dalam satu hari, ini chukup mewah, jadi tidak patut ada satu komplek.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam:** Tuan Yang di-Pertua, saya pintak ma'af. Sa-benar-nya \$15 sa-bulan bukan sa-hari.

**Tan Sri Haji Mohd. Noah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tumpang bertanya, yang pertama-nya, ada atau tidak sa-orang Pegawai Kebajikan umpama-nya untok menjaga buroh<sup>2</sup> yang pergi ka-sana daripada orang yang di-lantek oleh pehak Kementerian Buroh bagi menjaga sama ada orang<sup>2</sup> itu bila hendak balek, atau sampai di-sana. Ada atau tidak pegawai yang saperti ini? Yang kedua-nya, ada-kah atau tidak satu jaminan yang pehak Kementerian ini akan menimbangkan oleh sebab harga barang<sup>2</sup> itu lebeh

daripada 20 peratus tinggi daripada Tanah Melayu di-sini, tetapi dengan di-beri 20 peratus tambahan itu tidak chukup sa-bagaimana yang di-terima banyak aduan<sup>2</sup> daripada orang<sup>2</sup> yang balek itu. Boleh-kah di-timbangkan untok di-beri jaminan supaya di-tambahkan elaun mereka itu?

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat-lah menjawab sama ada sa-orang pegawai Kebajikan daripada Kementerian Buroh di-sana kerana saya ini menjawab bagi pehak Menteri Buroh yang tidak ada di-sini. Yang kedua, untok menimbangkan supaya Kerajaan memberi satu jaminan, ia-itu 20 peratus itu tidak chukup tambah lagi, jadi di-sini Kerajaan tidak boleh memberi jaminan kerana Kerajaan bukanlah menjadi majikan, tetapi Kerajaan boleh menasihatkan kapada majikan itu, tetapi untok memberi jaminan tidak boleh-lah, Tuan Yang di-Pertua.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan apa yang saya chakapkan tadi, sa-kira-nya Menteri Buroh hendak mengetahui dengan halusi perkara ini, saya boleh atorkan buroh<sup>2</sup> itu menemui-nya di-Alor Star.

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukachitalah jikalau Ahli Yang Berhormat ini dapat menulis dengan tepat-nya keadaan buroh<sup>2</sup> yang terlibat itu kapada Kementerian Buroh supaya dapat menerangkan kedudukan apa yang sa-benar-nya.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam:** Tuan Yang di-Pertua, yang sa-betul-nya pegawai dari Pejabat Buroh itu pergi bersama<sup>2</sup> saya berjumpa dengan mereka itu.

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat itu hendak membawanya kapada Kementerian Buroh, saya rasa tidak ada halangan.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam:** Tuan Yang di-Pertua, yang sa-elok-nya pegawai tersebut pergi ka-tempat saya sana, kalau bawa di-sini payah-lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan pertanyaan lagi.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN, 1968

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (4hb Mach, 1968).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya mengerti dengan sebab ada perselisihan faham pada petang sa-malam, ia-itu ada beberapa orang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah tidak dapat kesempatan berucap dalam perbahathan Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tahun 1968. Jadi, saya telah mengambil keputusan untuk memberi peluang kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang hendak berucap, boleh-lah berucap pada hari ini.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil peluang untuk mengucapakan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri atas keputusan yang bijaksana itu. Dan pendirian saya pada sa'at ini dalam mengambil bahagian membahathkan Rang Undang<sup>2</sup> Belanjawan bagi tahun 1968 akan saya terangkan satu persatu yang saya harap pehak Kerajaan akan mengambil perhatian yang sa-benar<sup>2</sup>-nya bukan kerana saya dari pehak Pembangkang menjadi perhatian kepada sa-tiap kata<sup>2</sup> yang di-keluarkan oleh wakil<sup>2</sup> ra'ayat sama ada direct atau indirect—Pembangkang atau bukan Pembangkang yang menyuarakan pendapat dan hasrat ra'ayat yang patut di-hormati di-dalam negara demokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di-Dewan Ra'ayat yang memakan masa hampir dua jam telah pun di-debatkan dengan panas dan panjang lebar, boleh di-katakan tiap<sup>2</sup> inchi di-bahathkan di-dalam Dewan Ra'ayat itu. Dan saya tidak-lah hendak mengulang-nya, mengupaskan isi ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu, oleh sebab semua kita telah mengikutinya dan Ahli<sup>2</sup> Dewan

Ra'ayat dengan sa-chara luas telah membahathkan-nya. Tetapi apa yang saya akan kemukakan dalam sidang ini ia-itu-lah pengakuan dan penjelasan daripada Menteri Kewangan dalam ucapan-nya di-dalam bagitu chara jimat-chermat yang telah di-lakukan oleh Kerajaan, tetapi walau bagaimana sa-kali pun pada akhir tahun 1967, di-dapati belanjawan negara deficit—kekurangan sa-banyak \$50 juta.

Saya fikir maseh ada lagi lobang<sup>2</sup> di-chelah<sup>2</sup> perkataan jimat-chermat yang di-laksanakan oleh Kerajaan yang menyebabkan wang tidak dapat di-selamatkan, malah kita kekurangan sa-banyak \$50 juta pada tahun yang lalu. Oleh yang demikian tentu ada sebab<sup>2</sup> yang menasabah bagi pehak Kerajaan dan keadaan yang menasabah yang boleh menyatakan oleh pehak Kerajaan bagi mempertahankan kechuaian, kalau hendak di-katakan kechuaian yang menyebabkan dalam chara berjimat-chermat tetapi maseh lagi kita terlibat kekurangan sa-banyak \$50 juta, maka alasan<sup>2</sup> itu hampir sama dengan alasan<sup>2</sup> negeri yang kurang wang dalam negara Persekutuan ini yang tidak boleh di-persoalkan. Kalau pehak negeri<sup>2</sup> mahu di-persoalkan tentang kekurangan wang mereka yang mendapat punch<sup>2</sup> hasil yang terlalu terbatas oleh kerana ada-nya Undang<sup>2</sup> Perlembagaan dan Perjanjian Persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan-lah yang lebeh dapat di-persoalkan tanggong-jawab yang telah dapat memungut wang bagitu banyak dari segala macham sumber akan tetapi telah membelanjakan dengan tidak bagitu chermat sa-hingga dalam berjimat-chermat pun terdapat lagi kekurangan dengan tiba<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya pergi lebeh jauh, sukachita-lah saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkatakan sa-suatu mengenai dengan national mengenai dengan kebangsaan kita, bahawa sa-tahun yang lalu pada 3hb Mach, 1967, Dewan Ra'ayat telah meluluskan satu Rang Undang<sup>2</sup> yang sekarang menjadi Undang<sup>2</sup> ia-itu apa yang di-katakan Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan. Bagi

pehak saya dan ra'ayat negeri ini yang chintakan bahasa kebangsaan dengan membacha dan mudah memahami sa-tiap patah perkataan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> yang telah di-luluskan dan sekarang telah menjadi undang<sup>2</sup> mulai dari 1hb September, 1967, mengerti bahawa Rang Undang<sup>2</sup> itu yang sekarang ini menjadi Undang<sup>2</sup> benar<sup>2</sup> tidak akan melaksanakan bahasa kebangsaan, tetapi dia akan mengechewakan buat sa-lama<sup>2</sup>-nya, sebab kalau Perlembagaan 1957, menyebutkan ada batasan-nya untuk kegunaan bahasa Inggeris sa-lama 10 tahun sa-lepas Merdeka akan di-semak kembali, Undang<sup>2</sup> yang telah di-kuat-kuasakan sekarang ini tidak menyebutkan beberapa kurun akan di-semak sa-mula.

Sa-tahun berlalu, Tuan Yang di-Pertua, negara yang chuba mahu bertolak ansor, Kerajaan Perikatan yang memberi jaminan bahawa dia akan melaksanakan dengan chara yang lemah lembut, tetapi sampai hari ini kita maseh mendapati bahawa bahasa kebangsaan kita terkubor oleh bahasa Inggeris di-samping kekechewaan kita oleh kerana ada-nya perasmian bahasa<sup>2</sup> lain yang mengkechewakan seluroh kehendak, seluroh kemahuan dan seluroh hasrat ra'ayat bumiputera negeri ini.

Dewan ini sendiri, Tuan Yang di-Pertua, Rumah Parlimen yang bertuah di-sogok<sup>2</sup>kan sa-suatu yang mengkechewakan negara ini oleh kerana kelemahan<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> tolak-ansor, Bill atau Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan di-Dewan Ra'ayat dan sekarang di-Dewan Negara ini lebeh banyak jumlah-nya yang tertulis di-dalam bahasa penjajah (Inggeris) daripada tertulis dalam bahasa kebangsaan, pada hal kita telah masuk tahun ka-sabelas dari tahun kemerdekaan. Kalau ada sa-suatu yang paling malang, maka ini-lah dia yang paling malang bagi kita, kerana Kerajaan sendiri tidak sanggup menghormati, Kerajaan sendiri tidak sanggup mengamalkan-nya untuk memberi chontoh bagi melaksanakan bahasa kebangsaan. Percentage Sekolah<sup>2</sup> Inggeris lebeh tinggi dari tahun ka-tahun, percentage guru<sup>2</sup> sekolah Inggeris lebeh tinggi dari sa-tahun ka-satahun dan sa-lama ada lalang, padi tidak akan subur sa-lama<sup>2</sup>-nya.

Tuan Yang di-Pertua, benar<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> itu telah pun menyebutkan ia-itu Dewan<sup>2</sup> Parlimen ini (Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara) dan Dewan<sup>2</sup> Negeri boleh di-benarkan, dengan izin, menggunakan bahasa kebangsaan, yang saya telah merasa sangat mushkil pada waktu membahathkan Undang<sup>2</sup> ini, sebab membenarkan Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara menggunakan bahasa lain dari bahasa Melayu ka-bahasa Inggeris dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu yang lojik. Sebab anggota<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara tidak semua-nya dari Malaysia Barat, tetapi juga dari Malaysia Timor. Tetapi di-dalam perbahathan dahulu saya telah sangat mushkil, mengapa Dewan<sup>2</sup> Negeri di-Malaysia Barat maseh mahu di-benarkan menggunakan bahasa Inggeris, walau pun dengan izin. Kerana dia tidak melihatkan soal orang<sup>2</sup> dari Malaysia Timor yang di-dalam Perjanjian Malaysia akan berlaku kuat-kuasa bahasa rasmi, bahasa kebangsaan sa-sudah 10 tahun hari Malaysia.

Keterangan<sup>2</sup> yang di-beri oleh bapa<sup>2</sup> negara kita ini untuk menyedapkan hati ia-lah pehak majlis<sup>2</sup> yang rasmi akan mempertimbangkan dan akan membenarkan penggunaan bahasa lain dari bahasa kebangsaan yang telah dirasmikan itu, jika di-dapati Ahli itu tidak mempunyai kebolehan-nya dalam menggunakan bahasa kebangsaan. Tetapi malang-nya perlaksanaan itu tidak ada. Saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, terlalu bermurah hati. Saya dengan segala hormat-nya menyatakan sangat dukachita bahawa ada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Dewan ini dan di-Dewan Ra'ayat yang tertentu dapat di-ketahui oleh kita semua boleh berbahasa kebangsaan, tetapi kapada mereka yang di-ketahui boleh berbahasa kebangsaan pun maseh di-benarkan menggunakan bahasa Inggeris. Kebenaran di-beri itu ada-lah penchabolon kapada hasrat ra'ayat dan sa-lama di-Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini sendiri pun tidak dapat mengamalkan bahasa kebangsaan dan tidak ada galakan. Bagaimana-kah hendak di-minta ra'ayat menghormati bahasa kebangsaan, kalau ketam telah berjalan mereng, bagaimana chara

hendak melateh anak-nya untok hendak berjalan lurus. Akibat-nya tidak ada penghormatan kepada bahasa kebangsaan sama sa-kali di-mana<sup>2</sup> juga jua sa-hingga beberapa Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan telah di-tutup di-Johor, di-Perak—itu yang tersiar dalam akhbar akibat dari kurang-nya orang<sup>2</sup> yang menghantar anak-nya ka-Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan. Apa-kah kebangsaan bagi negara kita ini untok menunjokkan image-nya yang dia mempunyai satu bahasa kebangsaan alat penyatuan segala keturunan warganegara di-dalam negeri ini tidak ada dan barang-kali tidak akan terjadi sa-lama<sup>2</sup>-nya.

Saya sa-orang warganegara saperti juga Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain di-dalam Dewan ini, warganegara Persekutuan, saya memohon dan meminta mari kita menunjokkan contoh yang kita dengan segala apa ikhtiar dan daya upaya kita membuktikan bahawa kita mempunyai kejujoran benar<sup>2</sup> kepada negara ini dan hal berbangga dengan kebangsaan kita dan bahasa kebangsaan kita. Chuba kita pakai pepatah jahat, "by hook or by crook" kita mahu chubakan juga gunakan bahasa kebangsaan kita ini. Chuba kita merangkak<sup>2</sup> supaya bahasa ini dapat kita gunakan, kerana yang tidak mahu menggunakan sa-lain daripada Pembangkang ia-lah Ahli<sup>2</sup> daripada Parti Pemerintah sendiri, parti yang telah menjadikan ini satu symbol dan slogan dalam perjuangan kemerdekaan dahulu, dan parti yang berjanjikan ra'ayat akan melaksanakan bahasa kebangsaan ini dan dari mereka-lah yang paling mengkechewakan.

Sa-tahun yang telah lalu, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan telah di-bentangkan dan ra'ayat Melayu yang tidak sempit dada mereka telah mengadakan tunjok perasaan menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan ini, sangat malang-nya bagi Negara Malaysia. Mereka yang di-chatet di-dalam sejarah sa-bagai orang yang menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan bukan daripada gulongan yang lain, bukan daripada gulongan yang mahu mempertahankan bahasa Inggeris, bukan daripada gulongan yang mahu mempertahankan kepentingan bahasa<sup>2</sup>

lain, tetapi dari gulongan orang<sup>2</sup> yang chintakan bahasa kebangsaan sendiri. Sangat-lah tidak aneh, sangat-lah tidak ajaib kira-nya orang<sup>2</sup> yang boleh kita kata orang<sup>2</sup> Indonesia, orang<sup>2</sup> Indonesia menggelarkan kepada orang<sup>2</sup> Indonesia yang suka berbahasa Belanda sa-bagai Belanda<sup>2</sup> hitam, kalau orang<sup>2</sup> itu yang mengadakan demonstrasi, orang<sup>2</sup> itu yang mengadakan tunjok perasaan dengan sa-wenang<sup>2</sup>-nya bagi membantah Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan; itu tidak-lah ajaib dan itu tidak-lah pelek. Tetapi yang pelek di-negara kita Malaysia ini, orang yang chintakan bahasa kebangsaan terpaksa berarak, terpaksa menunjokkan perasaan dan Kerajaan telah menyediakan lori<sup>2</sup> merah untok menghentamkan pahlawan<sup>2</sup> bangsa untok menangkap pemimpin<sup>2</sup> bahasa kebangsaan dan pejuang<sup>2</sup> kebangsaan yang telah berjuta<sup>2</sup> ra'ayat dan Kerajaan berbelanja bagi maksud mengembangkan bahasa kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, bukti itu-lah Kerajaan telah menyusun kechegasan-nya ia-itu pehak Polis mengawasi sa-tiap gerak-geri orang yang chuba untok menimbulkan perasaan, membakar perasaan dalam soal menentang Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan yang mengkechewakan perjuangan dan hasrat ra'ayat negeri ini yang sa-benar-nya. Alhamdulillah, Kerajaan yang telah insaf yang sangat bersedeh dan tidak dapat mengawal dan yang sa-benar-nya bukan Kerajaan yang berjaya mengawal, tetapi sifat sa-mula jadi yang sederhana dari bangsa Melayu itu-lah yang menyebabkan tidak ada tunjok<sup>2</sup> perasaan liar dan kekachauan. Kerana sikap sedia tundok, menerima nasihat dan sanggup ber-tenang, siapa-kah yang menyangka bahawa sa-suatu yang telah di-anggap pada mula-nya bakal yang menimbulkan kekachauan yang pehak Kerajaan telah bersedia dengan semua kekuatan telah tidak menjadi apa<sup>2</sup>. Tetapi sa-suatu yang tidak di-sangka<sup>2</sup> oleh kerana kejatohan nilai wang pound British menyebabkan timbul-nya hurahara di-dalam negara kita.

Sekarang pehak Kerajaan tidak mahu menimbangkan shor<sup>2</sup> dari luar, tidak mahu menimbangkan permintaan dari dalam Dewan Ra'ayat dan juga

dari Dewan Negara bagi mengadakan sa-buah Surohanjaya bagi menyiasat peristiwa ini, kerana takut hasil daripada penyiasatan itu sendiri akan menchetuskan sa-suatu yang lain. Saya sukachita-lah meminta kepada Kerajaan supaya mengishtiharkan bahawa seluroh tanggung-jawab yang telah mengakibatkan rusohan di-Pulau Pinang dan di-tempat<sup>2</sup> lain ada-lah tanggung-jawab kechuaian Kerajaan sendiri. Sebab kita mengikuti-nya sedikit demi sedikit dan mahu memahami yang betul<sup>2</sup> dan telah kita faham bahawa Kerajaan harus memikul tanggung jawab, tetapi malang-nya Kerajaan chuba memeson<sup>2</sup>kan dan melarikan diri daripada kenyataan yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas daripada peristiwa yang mengharukan itu dan telah merosakkan benar<sup>2</sup> image Malaysia yang telah rosak di-luar negeri, datang-lah Minggu Perpaduan yang di-ambil sempena daripada hari lahir-nya Bapa Malaysia Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj dan saya dan tuan<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Rumah ini juga tentu sama<sup>2</sup> sedang berdo'a samuga perjalanan Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri ka-Indonesia dan balek dan segala usaha<sup>2</sup>-nya untuk menchari jalan mendapat persefahaman dan penyesuaian bagi mendekatkan lagi kita dengan negara tetangga kita itu akan berjaya. Mengambil sempena hari lahir-nya beliau itu-lah di-jadikan Hari Minggu Perpaduan. Sangat-lah berharap pemimpin<sup>2</sup> besar ini hendak melihat wujud-nya satu bangsa Malaysia yang bersatu saperti sangat-lah berharap Sir Gerald Templer hendak melihat wujud-nya satu kebangsaan Malayan yang bersatu. Akan tetapi sa-hingga hari ini jika satu research di-buat, jika satu kajian di-buat dan di-pelajari peluang<sup>2</sup> untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu itu bukan bertambah hampir, tetapi dia ada-lah bertambah jauh daripada matlamat. Sebab<sup>2</sup>-nya, Tuan Yang di-Pertua, bak kata pantun Melayu:

Kokok kata ayam,

Kichau kata murai.

Sudah bongkok dek menganyam,

Salah dari mulai.

Kesalahan politik daripada mula lagi yang di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan sama ada mereka sedar atau tidak sedar, bukan sahaja telah ngechewakan tujuan politik Parti Perikatan, tetapi telah memperjudikan nasib ra'ayat dan generation ra'ayat negeri ini dalam satu keadaan yang sangat merbahaya di-masa hadapan. Untok membangunkan satu bangsa Malaysia yang bersatu, Kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak, tetapi saya perchaya hasil-nya samakin jauh dan bagaimana-kah chara yang dapat di-buat untok kembali mendekatkan usaha<sup>2</sup> menchapai satu bangsa yang bersatu. Bagi kami dari Persatuan Islam sa-Tanah Melayu mahu supaya Rupa Bangsa negeri ini di-kenali sa-bagai Melayu. Di-kenali sa-bagai Melayu itu tidak pula bererti satu pengertian yang sempit yang di-mana orang Melayu menjadi tuan dan seluroh keturunan yang bukan Melayu yang menjadi warganegara negeri ini akan di-usir, tidak demikian tujuan kita. Apa yang kita mahu Rupa Bangsa Melayu itu hendak-lah di-kenali kerana memang rupa bangsa itu ada-lah identity bagi negeri ini, kerana negeri ini walau apa pun yang di-katakan dia ada-lah berasal-nya Melayu, tetapi pehak Kerajaan maseh dengan angan<sup>2</sup> dan khayal hendak menegakkan satu bangsa baharu di-atas kehanchoran bangsa Melayu, tuan punya dan teras bagi kekuatan politik negeri ini. Perbuatan ini, Tuan Yang di-Pertua, satu perbuatan yang sangat salah, satu perbuatan yang di-sifatkan dzalim, dzalim kepada kebangsaan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, tanah ayer kita ini bukan-lah saperti Amerika di-mana tempat seluroh bangsa<sup>2</sup> dari Eropah berhijrah. Bangsa<sup>2</sup> dari Eropah yang mempunyai kebudayaan yang hampir sama, mempunyai ugama yang sama yang telah berhijrah ka-sana dan merompak, merampas dan menindas bumiputra yang di-katakan Red Indian, kemudian di-atas kehanchoran bangsa, pertuan negeri itu yang lemah, mereka menegakkan satu negara dan bangsa baharu dan Malaya bukan begitu keadaan-nya. Malaya dengan sejarahnya mempunyai kedudukan yang di-akuī oleh sejarah-nya bukan sa-takat

sejarah Sang Nila Utama di-Singapura, bukan sa-takat Hang Tuah di-Melaka, tetapi jauh beribu tahun lebeh dahulu mempunyai sejarah yang besar yang dalam Dewan yang mulia ini bukanlah tempat saya menceritakan sejarah Melayu. Jadi, kita mahu, Tuan Yang di-Pertua, sa-suatu itu kembali kepada sejarah. Sekarang Kerajaan mahu Kebangsaan Malaysia. Pada pendapat saya jika Kebangsaan Malaysia yang mahu di-tegakkan, maka Melayu itu, Iban itu, orang Bajau itu, orang Kadazan itu, orang Murut itu dan sebagainya, semua-nya ada-lah rumpun bangsa Melayu. Mereka itu-lah Malaysia original yang asli, bukan-lah Melayu di-humban ka-dalam satu bangsa baharu, tetapi Melayu itu-lah Malaysia, Malaysia itu-lah boleh di-katakan Melayu. Sebab Melayu itu-lah yang menjadi Indonesia, Indonesia itu-lah Melayu. Melayu itu-lah yang di-katakan Filipina dan Filipina itu-lah Melayu. Sebab itu Melayu-lah yang boleh menjadi Malaysia dan Malaysia itu ada-lah Melayu. Kemudian semua warganegara yang bukan keturunan Melayu, mereka ada-lah bangsa Malaysia keturunan<sup>2</sup> lain. Ini dapat di-terima. Tetapi menghancurkan Kebangsaan Melayu dengan tidak mempunyai satu istilah sa-bagai ketuanan bagi negeri ini, seluruh bangsa Melayu yang di-katakan Malaysia itu ada-lah Melayu, ada-lah satu perbuatan yang sangat dzalim yang memperjudikan nasib orang Melayu yang maseh lemah yang telah 11 tahun kita merdeka, tetapi Kerajaan Perikatan gagal dalam usaha-nya untuk menaikkan taraf hidup bangsa Melayu, tetapi sa-makin lama sa-makin mundor ka-belakang. Menaikkan taraf hidup bangsa Melayu dengan beberapa orang daripada director<sup>2</sup> sharikat, itu bukan bererti menaikkan taraf hidup orang<sup>2</sup> Melayu. Itu hanya menimbulkan satu gulongan kapitalis Melayu yang kemudian-nya akan berganding bahu dengan kapitalis yang lain<sup>2</sup> sambil berlumba<sup>2</sup> dengan mereka, sambil bertanding sama<sup>2</sup> mereka, tetapi mereka sanggup berjabat tangan bagi menindaskan gulongan<sup>2</sup> have-not yang mengakibatkan dalam jangka panjang bahaya communism di-dalam negeri ini menular dengan sa-luas<sup>2</sup>-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya, saperti yang telah saya katakan tadi, chita<sup>2</sup> Kerajaan hendak mewujudkan satu Rupa Bangsa baharu yang bernama Malaysia itu makin jauh, sebab di-sa'at yang akhir ini gejala<sup>2</sup> baharu telah timbul pula tuntutan sa-buah Universiti China yang oleh Kerajaan dan oleh Bapa Malaysia mengatakan tidak patut-lah hendak tuntutan Univer-siti China—hendak buat Universiti China—kalau hendak buat juga, wang itu beri-lah untuk kita mewujudkan satu Fakulti China. Anjoran yang merupakan sambutan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman membawa natijah dua kali lima, lima kali dua. Kalau satu Fakulti Bahasa China dapat di-benarkan, sedangkan Fakulti Bahasa Melayu belum ada, chuma ada Jabatan Pengajian Melayu, kalau satu Fakulti Bahasa China dapat di-benarkan, maka apa-kah alasan untuk menolak sa-buah Universiti China pada satu masa akan datang, sebab proses satu<sup>2</sup> perjuangan itu tidak hanya untuk dua tiga tahun, tetapi memakan masa dua ratus atau tiga ratus tahun, dan kami dari PAS tidak hanya memandang sa-suatu itu hanya sa-kadar dihadapan ibu jari, ibu kaki, tetapi kami memandang terlalu jauh ka-hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di-tengah<sup>2</sup> chita<sup>2</sup> hendak menegakkan Bahasa Kebangsaan dan satu bangsa baharu, orang<sup>2</sup> bekas M.C.A. sendiri yang dipelupori oleh bekas ketua pemuda M.C.A. yang di-pechat, kerana tuntutan bahasa China menjadi Bahasa Rasmi, yang sekarang menjadi Yang di-Pertua Kesatuan Guru<sup>2</sup> China sa-Malaya menuntut supaya sa-buah Universiti China di-benarkan dan usaha ka-arrah itu mula di-lancarkan. Siapa-kah yang menjadi backing kepada usaha ini saperti siapa-kah yang telah menjadi backing kepada wujud-nya sekolah<sup>2</sup> China sa-sudah timbul semangat revolution China menentang Manchu ia-lah saudagar<sup>2</sup> daripada Dewan Perniagaan China Malaya, maka demikian-lah juga Dewan Perniagaan China itu-lah juga yang akan menolong mewujudkan sa-buah Universiti China di-Malaya yang Dewan Perniagaan China Malaya itu, dengan segala hormat-nya saya katakan ia-lah

dari M.C.A. sendiri. Perbuatan ini adalah menikam dari belakang Tunku Abdul Rahman. Saya tidak-lah sama sa-kali berniat hendak mengapi<sup>2</sup>kan, saya tidak-lah sama sa-kali berniat untuk menimbulkan sa-suatu yang burok, tetapi saya mahu meminta supaya mereka yang bersahabat yang berjabat tangan, jangan chuba<sup>2</sup> melakukan telunjuk lurus kelinkingking berkait.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam negeri ini Universiti Malaya yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris sudah patut tidak di-adakan sa-sudah sa-puluh tahun kita merdeka. Bahasa Inggeris boleh di-pelajari saperti pernah saya katakan bukan sahaja Inggeris. Linguist Institute patut kita wujudkan, supaya jangan Duta kita yang pergi ka-Bonn di-Jerman hanya pandai berchakap Inggeris—musoh bangsa Jerman—kemudian di-ejek<sup>2</sup> oleh orang Jerman yang memandang kita sa-bagai boneka dari Inggeris yang hanya mengerti satu sahaja bahasa dalam dunia ini sa-lain dari bahasa ibunda—bahasa Inggeris—bahasa putar belit yang di-jalankan oleh saudagar<sup>2</sup> Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu pada beberapa universiti, bukan satu universiti, tetapi kita tidak memerlukan ada universiti<sup>2</sup> yang berchorak perkauman, yang bukan sahaja tidak patut di-adakan dalam sa-buah negara kebangsaan, malah lebeh tidak patut kerana keadaan pertumbuhan negara kita dan keadaan kemahuan kita bagi mewujudkan satu perpaduan nation—perpaduan kebangsaan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau apa pun yang saya katakan, pehak Menteri Kerajaan pernah menjawab dalam Dewan yang mulia ini, PAS boleh mengatakan apa yang dia suka, tetapi kami yang menjadi Kerajaan, kami yang berkuasa membuat apa yang kami suka. Kerana itu apa yang saya boleh kata lebeh dari itu, saya hanya sa-kadar mengingatkan bukan sahaja Ahli Dewan ini dan Dewan yang mulia ini, tetapi menjadikan ingatan sa-bagai sejarah peringatan bagi zuriat kita akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun akan datang—saya maseh berchakap dari segi Jabatan Perdana Menteri—tahun akan datang saperti di-ishtiharkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ia-lah tahun pilehanraya yang di-jangka akan di-jalankan pada bulan Mei tahun 1969. Saya mengharap kerana saya maseh ragu<sup>2</sup> bahawa pilehanraya pada bulan Mei tahun 1969 itu, saya harap mendapat kepastian pilehanraya kebangsaan itu ia-lah Pilehanraya Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri sa-rentak saperti yang di-lakukan pada tahun 1964 kerana bukan sahaja term atau tempoh-nya yang sama, tetapi dari pengalaman yang telah di-lakukan menunjukkan sangat menguntongkan kepada kewangan negara kita sendiri. Maka kerana itu pengertian boleh di-ertikan macham<sup>2</sup>, saya tidak lagi mendapat satu penjelasan yang dapat di-pegang bahawa erti Pilehanraya Kebangsaan yang akan datang pada tahun 1969 kelak ia-lah pilehanraya Dewan Negeri dan Dewan Ra'ayat serentak, mungkin Dewan Negeri akan di-adakan lebeh chepat, mungkin akan di-adakan selang<sup>2</sup> saperti tahun 1959 atau mungkin sama saperti tahun 1964 dan ini perlu ra'ayat di-beri tahu, kerana Kerajaan pun telah memberi tahu tentang akan ada-nya pilehanraya pada bulan Mei, 1969. Kita mahu satu ketegasan supaya jangan timbul saperti apa yang kita kesalkan terhadap sa-buah negeri jiran yang mengadakan pilehanraya sa-chara mengejut dan kita harap Kerajaan bermurah hati untuk memberi penegasan tentang soal ini.

Bila saya memperkatakan soal pilehanraya ini, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menarek perhatian pehak Kerajaan dan khusus-nya kepada Surohanjaya Pilehanraya yang bebas bahawa soal pendaftaran undi, yang dari pengalaman kita, baik PAS atau pun Parti Perikatan atau juga parti<sup>2</sup> lain dari pengalaman kita telah dapati banyak kerugian dengan sistem ini.

Pendaftaran pengundi yang di-jalankan dari rumah ka-rumah oleh pehak Surohanjaya Bebas pada dasar-nya saperti yang pelaksanaan-nya di-jalankan oleh manusia<sup>2</sup> yang di-bayar elaun atas nama Surohanjaya Bebas. Manusia<sup>2</sup> itu memihak dan oleh kerana mereka itu memihak kadang<sup>2</sup>-nya orang<sup>2</sup> parti

“A” yang pergi mendaftar dia tahu rumah ini orang kuat parti “B” maka dia tidak mahu mendaftar, atau dihilangkan chatetan atau kalau di-lihat; saya sendiri pernah mencheritakan hal ini, saya tidak ada di-rumah, tetapi tidak bererti saya tidak ada dalam dunia ini, saya tidak di-masokkan dalam pendaftaran. Tetapi bila sampai pada satu masa waktu mengundi tiba<sup>2</sup> orang parti “B” sudah dapat di-beli oleh orang parti “A”, tetapi sayang waktu itu orang parti “B” yang telah boleh menyokong parti “A” tidak ada nama-nya di-dalam buku pendaftaran dan tidak boleh mengundi, demikian sa-balek-nya dan ini satu kerugian kebangsaan. Dan saya sangat-lah gembira membaca berita pehak Pengerusi Surohanjaya Pilehanraya ini, Dato’ Ahmad Perang, baharu<sup>2</sup> ini mengatakan akan chuba, jika di-izinkan, akan menjalankan satu sistem pendaftaran sa-panjang masa, saya rasa ini sangat baik bagi negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan sangat baik initiative ini dan saya harap ini dapat di-jalankan bagi tahun<sup>2</sup> yang akan datang, tetapi saya tidak begitu berkenan dan tidak pula begitu gemar dengan shor yang di-kemukakan oleh Tunku Perdana Menteri supaya perbelanjaan bagi sa-sa-orang chalun tidak di-bataskan. Perbelanjaan sa-orang yang tidak di-bataskan, bagi peringkat ini menguntongkan bagi Perikatan. UMNO pun merasa untong, Parti Perikatan merasa sangat untong. Parti<sup>2</sup> yang miskin tidak dapat berbelanja banyak, parti<sup>2</sup> yang kaya yang boleh belanja dengan sa-wenang<sup>2</sup> tetapi tidak boleh di-da’awa di-dalam mahkamah tentu-lah parti yang kaya itu untong dan senang. Tetapi kalau sa-kira-nya Perikatan pechah mithal-nya, UMNO yang miskin, macham PAS pun akan merasa sakit, sebab itu shor ini patut di-timbangkan sa-mula, apa-tah lagi bila di-kaji kepentingan zaman jangka panjang. Pilehanraya yang berdasarkan perbelanjaan wang erti-nya bukan pilehanraya yang bebas, tetapi pemberian wang ringgit daripada orang<sup>2</sup> kaya dengan sa-chara berkuasa<sup>2</sup> dan sa-wenang<sup>2</sup>-nya bagi mewujudkan satu masharakat abdi moden akan menjadi hamba di-perkotak-katekan oleh

gulongan kapitalis yang menguasai politik dengan kemewahan dan kekayaan mereka itu dan ini akan membawa penyesalan sa-lama-nya.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya sukachita-lah hendak meminta perhatian pehak Kerajaan supaya di-adakan satu Undang<sup>2</sup> yang di-jadikan undi wajib seperti yang telah di-jalankan di-beberapa negeri, Australia mithal-nya, Singapura juga menjalankan sistem undi wajib dan menjalankan sistem undi wajib ini sangat menguntongkan melihat kepada beberapa kali kejadian<sup>2</sup> pilehanraya yang percentage-nya (peratus) jumlah pengundi itu kadang<sup>2</sup> merusut jauh sangat daripada jumlah peratus<sup>2</sup> yang dahulu pun telah merusut pula. Saya fikir sangat-lah bijaksana bagi Kerajaan untuk mengadakan sistem wajib mengundi bagi sa-tiap ra’ayat dan tidak akan timbul-lah tudoh-menudoh dan rasa tidak puas seperti yang kami pehak PAS pernah mengalami, ia-itu ada orang<sup>2</sup> yang mahu mengundi PAS, tetapi di-pujuk supaya menukar fikiran. Apabila mereka itu tidak sanggup menukar fikiran, mereka di-gunakan segala ikhtiar dengan *hooligan* atau tidak *hooligan*, menawarkan wang supaya kad pengenalan mereka itu diserahkan kepada pehak menawar wang supaya mereka besok jangan keluar mengundi oleh kerana tidak ada kad pengenalan, ambil-lah wang luar sampai \$5 sa-orang dan kejadian ini benar<sup>2</sup> berlaku dan di-antara kejadian ini yang benar<sup>2</sup> telah kami laporkan kepada pehak polis dalam peristiwa pilehanraya kechil di-Kelantan, di-kawasan Gua Periok, di-kawasan Pasir Mas Ulu. Supaya jangan ada lagi tudoh menudoh dan rasa tidak senang, tidak puas dan jemu dengan demokrasi sa-paroh masak ini patut benar Kerajaan menimbangkan di-adakan sistem wajib mengundi.

Apa-kah, Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang sedang menjadi rebutan ini tidak di-perhatikan perkembangan politik-nya? Sa-benar-nya dunia luar memerhati dan mengikuti dengan teliti perkembangan politik di-negara kita, sa-kali pun mahu di-sembunyikan. Di-dalam pilehanraya kechil Pasir Mas Ulu dan Kelantan Hilir, beberapa

orang professor dari Amerika telah datang ka-sana yang kalau kita lihat pada rupa dan pakaian mereka kita hanya melihat mereka itu ia-lah sa-orang atau orang<sup>2</sup> tourist (pelanchong) yang berjalan kaki; di-sa'at<sup>2</sup> yang akhir baharu mereka itu datang dengan menukar pakaian lain dan memperkenalkan diri mereka professor dari sa-buah universiti yang datang-nya untuk meninjau dari dekat untuk mengetahui sa-dalam<sup>2</sup>-nya perkembangan politik di-negeri ini. Walau pun apa yang mahu di-sembojikan oleh Kerajaan, mahu di-chanangkan konon-nya demokrasi telah berjalan dengan baik di-Malaya ini, tidak ada satu pun yang telah dapat menyembunyikan perkara ini kepada pengetahuan professor<sup>2</sup> yang menyamar diri sa-bagai tourist<sup>2</sup> (pelanchong<sup>2</sup>) jalan kaki daripada menemui sa-tiap ra'ayat dan *interview* dengan beberapa orang, mendengar kempen<sup>2</sup> PAS, mendengar kempen<sup>2</sup> Perikatan memerhati seluruh suasana dan membuat satu conclusion (satu kesimpulan) bahawa demokrasi tidak ada di-Tanah Melayu—di-Malaysia ini.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Di-mana ada?

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, kadang<sup>2</sup> suara yang timbul itu, saya anggap tidak dengar dan tidak payah di-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu image negara kita ini baik. Apa yang kita lakukan tegoran ini bukan untuk memburokkan negara tetapi memberi tegoran bagi maksud menambah baik bagi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya menyebutkan lagi ialah soal perlantikan Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara. Mengikut Perlembagaan tiap<sup>2</sup> Negeri di-bolehkan memilih dua orang ka-Dewan Negara ini dan yang lain daripada jumlah Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara yang telah lebeh datang daripada Negeri di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang mengikut kaedah Perlembagaan di-lantek dari siapa yang di-tunjuk oleh Perdana Menteri. Tetapi Perlembagaan mengatakan, perlantikan sa-saorang Ahli Dewan Negara yang di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung itu berdasarkan sa-suatu sama ada mewakili golongan yang terkechil di-dalam negara kita ini atau pun sa-suatu mewakili kepentingan<sup>2</sup> atau kebudayaan yang tertentu di-dalam negara kita ini. Tetapi sa-panjang yang kita sama mengetahui perlantikan<sup>2</sup> yang telah di-lakukan atas nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung, kita tidak faham mewakili apa-kah mereka itu. Kita tidak mengerti, ra'ayat hairan dan dunia yang mengikuti Malaysia ini pun bingung di-mana Perlembagaan-nya, di-mana pelaksanaan-nya. Saya mengharapakan pehak Kerajaan tolong menyebutkan satu demi satu sa-tiap Ahli Dewan Negara yang di-lantek, chuba tolong sebutkan satu demi satu apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya, kerana kepentingan apa-kah mereka itu di-lantek supaya dapat ra'ayat mengetahui ada orang di-lantek kerana mewakili seni muzik, ada orang di-lantek kerana mewakili soal kebudayaan kerana dia *expert*, ada orang di-lantek kerana mewakili kepentingan<sup>2</sup> tani, ada orang di-lantek kerana kepentingan<sup>2</sup> itu dan ini dan sa-bagai-nya. Saya minta supaya Kerajaan chuba membuat kenyataan tiap<sup>2</sup> sa-orang Ahli Dewan Negara di-lantek sebab<sup>2</sup> apa. Saperti yang ada di-dalam Dewan ini, kita tahu ada sa-orang Ahli Yang Berhormat yang di-lantek kerana kepentingan orang asli, ada sa-orang sahabat kita Ahli Yang Berhormat yang di-lantek kerana kepentingan golongan kechil kaum Nasrani di-negeri Malaysia ini dan lain<sup>2</sup> lagi kita mahu apa sebab mereka di-lantek—kenyataan ini harus di-beri tiap<sup>2</sup> peribadi yang di-lantek.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachitalah hendak berchakap sadikit dalam soal politik luar negeri yang kebetulan Menteri Luar kita ia-lah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri juga. Sampai hari ini dasar luar negeri kita ini maseh belum dapat di-pegang sakali pun, saya telah nampak terlalu meret ka-barat tidak *neutral*, tetapi saya kata tidak boleh di-pegang, sebab bila berlaku pemogokan kilang Ford di-Amerika yang mengakibatkan kejatohan harga getah di-sambong dengan pehak Kerajaan Amerika sendiri menjual stock-nya, simpanan getah-nya,

menjadikan negara kita ini menerima kerugian beratus<sup>2</sup> juta ringgit kepada hasil *export* getah dan juga ra'ayat menderita kerana ra'ayat sa-lama ini telah di-galakkan menanam getah.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari itu saya perchaya kalau dasar negara ini *liberal*, *liberal* ekonomi-nya, maka kerana hasrat<sup>2</sup> mahu untong dengan menchari wang, dasar bebas tetapi chenderong ka-barat sudah mula menunjukkan belang-nya yang membimbangkan dan tidak boleh di-pegang. Kepentingan perniagaan getah telah menyebabkan kita bermain mata dengan Kedutaan Russia di-Bangkok, membawa akibat kepada pembukaan *Attache* Perdagangan yang membawa akibat kepada pembukaan Kedutaan Moscow dan Kuala Lumpur.

Sa-waktu kami di-serang oleh pehak Kerajaan sa-bagai *pro-Communist*, saka-li pun kami tidak, kami ada-lah Muslim yang memperjuangkan ideology Islam, tidak ka-barat dan tidak ka-timor, Kerajaan lupa kepada apa yang sa-benar-nya sa-mata<sup>2</sup> kerana politik. Tetapi sekarang Kerajaan terpengaruh oleh kerana kewangan daripada gulongan capitalist, terpengaruh itu sudah menjadikan keluar kata<sup>2</sup> baharu, Communist ini baik dan tidak mengapa chuma Communist China yang jahat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berchakap panjang, tetapi saya mahu katakan Moscow atau Peking sama di-dalam chita<sup>2</sup> dan tujuan-nya untuk mengembangkan Communist di-dunia ini, dan sangat-lah malang bagi negara kita berjabat tangan tanpa mempunyai persediaan<sup>2</sup> yang *concrete* di-jiwa ra'ayat; Malaya tidak mempunyai satu persediaan *concrete*, persediaan *concrete* itu ia-lah *ideology*, tidak mempunyai satu akidah, tidak mempunyai prinsipel hidup kechuali liar, *liberal* liar, chara yang di-tinggalkan oleh penjajah, sebab itu ra'ayat kita boleh di-mainkan melalui kegiatan<sup>2</sup> *subversive* yang halus, yang lichin, yang lebeh halus, yang lebeh lichin, yang menyebabkan lari dari mulut harimau masuk mulut buaya.

Negeri kita tidak mempunyai asas, satu akidah yang boleh di-pegang sa-lain daripada apa yang di-kata, tetapi tidak di-amalkan. Saya kata satu

akidah sa-lain daripada Communist, sa-lain daripada liberal demokrasi yang sudah mulai *bankrupt* ia-lah Islam yang menjadi ugama negara ini. Ini tidak berarti penekanan terhadap bukan Muslim, ra'ayat di-dalam negeri ini, tetapi kita hanya mahu menulis dan mengatakan tetapi tidak sanggup meng-amalkan; kita tidak mempunyai akidah yang di-punyai oleh Kerajaan kita ia-lah shaer<sup>2</sup>, membuat masjid, membuat kuel, membuat church dan sa-bagai-nya. Ini shaer<sup>2</sup> bukan akidah, bukan prinsip bukan ideology, tetapi ini ada-lah shaer. Dalam sa-buah negara bagi satu bangsa mesti mempunyai akidah, pegangan hidup yang mempunyai akar yang dalam bertapak di-bumi. Daripada kaedah ini-lah akan terlahir-nya shareat law and order. Daripada shareat law and order ini akan melahirkan pula shiar, tetapi negara kita mendahulukan shiar. Symbol<sup>2</sup> kosong yang menyebabkan dada umat ini dada POP berisi dengan POP yang mudah pemuda<sup>2</sup>-nya di-bawa ka-mana sahaja akidah daripada meleset-nya ekonomi dan perut kosong maka membawa masuk Kedutaan Kominis di-negara ini ada-lah perbuatan pengkhianat yang paling besar yang tidak memikir yang lain sa-mata<sup>2</sup> untuk penjualan getah bagi kepentingan kaum pemodal<sup>2</sup> yang merasa di-mana boleh mendapat untong di-situ walau pun badan shaitan sanggup perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, Negara China Kominis sudah mulai membeli getah tidak dari Singapura, tetapi terus daripada pelabohan Pulau Pinang, beberapa kapal telah membawa getah dari Pulau Pinang, tetapi ini ada-lah umpan—umpan politik mereka. Dua Negara besar dunia yang tidak mengadakan kilang synthetic rubber, dua negara besar dunia yang tidak mengadakan kilang getah tiruan, mengapa mereka tidak akan memberi kesanggupan untuk membuat kilang getah tiruan, seperti Jepun, seperti England, Amerika seperti Jerman? Mereka mempunyai kesanggupan malah lebeh dari itu. Mengapa mereka tidak mengadakan kilang getah tiruan? Mereka mahu ini sa-bagai ikhtiar umpan bagi memasokkan jarum membeli negara<sup>2</sup> kechil, membeli negara<sup>2</sup> miskin yang

di-permain<sup>2</sup>kan oleh kuasa Barat, kerana kuasa Barat mahu negara kecil menjadi hamba mereka. Di antara dua perjuangan kuasa<sup>2</sup> besar dunia ini, kita di-lambong<sup>2</sup> dan kita hanyut<sup>2</sup> pula, kerana tidak punya akidah, tidak mempunyai pegangan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang saya dapat tahu, pehak Kominis China telah mula membeli getah dari Malaysia, tetapi dia telah menawarkan kepada Kerajaan Malaysia supaya diberi peluang kepada-nya untuk membuka Bank of China. Saya perchaya, dan saya faham, Kerajaan mengerti sebab<sup>2</sup> mengapa Bank of China tidak di-benarkan padahal dahulu pernah di-benarkan sa-bentar. Saya perchaya dan saya mengerti, tetapi ini ada-lah syarat untuk membeli getah *direct* dari Malaysia, ia akan menolong negara ra'ayat kita, khusus-nya saudagar<sup>2</sup>. Apa-kah daya upaya Kerajaan untuk mempertahankan sikap bagi jangka panjang daripada tekanan<sup>2</sup> nafsu kaum pemodal yang mahu menchari untong tanpa memikirkan akibat? Berapa lama-kah Kerajaan ini sanggup mempertahankan kerana sa-panjang yang kita tahu Bahasa Kebangsaan yang terchatet bagitu jelas dalam Perlembagaan pun telah terkorban kerana nafsu tekanan yang Kerajaan Perikatan yang tidak mempunyai teras dan akan dalam tidak dapat mempertahankan. Kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengingatkan bahawa ra'ayat negeri ini sedang memperhatikan kebijaksanaan Kerajaan Perikatan dan tidak mengharap<sup>2</sup>kan kesilapan<sup>2</sup> yang lebeh banyak di-buat-nya sa-sudah melakukan beribu<sup>2</sup> kesilapan semenjak daripada tahun 1955 sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, *image* Malaysia yang telah jatuh, jatuh lagi sa-waktu berlaku rusohan, di-aku<sup>2</sup> oleh pehak Kerajaan sendiri, dan ini Kerajaan hendak-lah chuba memikirkan bagaimana mengatasi-nya. Sebab Duta<sup>2</sup> yang kita kirim keluar negeri, yang di-kirim ka-Amerika Sharikat, menurut yang saya dengar, orang<sup>2</sup> Amerika memandang pengirisan Duta kita ka-sana tidak menolong bagi Malaysia, dan Duta yang di-katakan oleh orang<sup>2</sup> Amerika Sharikat tidak menolong

Malaysia itu, itu-lah pula yang di-anggap oleh Kerajaan sa-orang *diplomat* yang paling baik yang bakal di-kirim ka-Moscow sa-bagai Duta Malaysia yang pertama ka-negeri Kominis Russia. Patut-nya Kerajaan memerhati perkara ini sebab pengenalan bangsa Malaysia perlu di-tunjokkan dengan sa-jelas<sup>2</sup>-nya yang bukan kerana saya fanatik tetapi dalam tempoh ini pengenalan negara Malaysia itu mesti-lah di-ketengahkan dengan orang<sup>2</sup> Melayu sendiri menjadi Duta. Sa-hingga beberapa masa akan datang perubahan ini boleh di-tukar bukan kerana anti bukan Melayu, tetapi image Malaysia ini menghendaki. Apa yang telah berlaku di-United Nations, di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu? Dalam soal India dan Pakistan yang mengakibatkan putus perhubungan Pakistan dan Malaysia yang berperang India dengan Pakistan, yang putus hubungan diplomatik Pakistan dengan Malaysia. Lain bengkak, lain menanah, akibat daripada kita meletakkan orang yang tidak tepat; kerana itu nama Malaysia terchorek dengan arang bagi sa-bahagian negara<sup>2</sup> lain. Ini hendak-lah di-perbaiki dan wakil kita di-sana walau pun di-anggap sa-bagai sa-orang yang paling ahli dalam undang<sup>2</sup>, tetapi dia tidak dapat menunjukkan nama baik Malaysia oleh kerana sebab<sup>2</sup> tertentu, kerana kita ada-lah satu bangsa yang baharu *grow up* yang baharu hendak bangun, belum lagi berakar tunjang, yang belum ada sifat<sup>2</sup> yang sa-benar<sup>2</sup>-nya di-harap<sup>2</sup>. Khabar-nya, Wakil Ketua Perwakilan kita di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu itu yang dahulu-nya di-katakan sa-orang lawyer yang terkenal, ahli undang<sup>2</sup> perlembagaan yang bijak akan di-beri satu jawatan baharu bila kembali sa-bagai Ketua Penasihat Penggubal Undang<sup>2</sup>. Saya memberi ingatan kepada Kerajaan, Negara yang di-mana menyebutkan Islam sa-bagai agama rasmi tidak menghendaki Penasihat<sup>2</sup> yang saperti itu. Negara ini sangat munasabah, bukan memakai penasihat, tetapi memasokkan saperti yang pernah saya sharahkan dua kali dalam sidang Dewan Negara beberapa tahun dahulu, di-dalam Jemaah Penggubal Undang<sup>2</sup> itu Ahli Undang<sup>2</sup> Islam yang lulus daripada Universiti<sup>2</sup> Islam supaya

*identity* negara ini di-kenal dengan baik berdasarkan kepada kelahiran undang<sup>2</sup> yang di-gubal, yang di-bentang, yang di-lulus, yang di-laksanakan dalam negara ini tidak bertentangan dengan Ugama Negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentoh, ia-lah soal negara Persekutuan Asia. Di-dalam Dewan Ra'ayat satu pengshoran telah pun di-buat oleh Yang Berhormat Tun Dr Ismail supaya di-usahakan perjanjian tidak serang-menyerang dan di-ishtiharkan Tenggara Asia kawasan berkechuali. Tunku Perdana Menteri telah memberi jawapan tentang sukarnya membuat satu ikhtiar bagi mendapatkan pengakuan perkechualian, negara berkechuali, kerana contoh telah ada bagaimana Poland telah diserbu oleh Jerman kerana kepentingan setratiji-nya maka dengan kerana itu shor baik pada bunyi-nya tetapi tidak baik pada amalan-nya dan tidak dapat di-amalkan di-dalam keadaan dunia sekarang ini.

Pada hemat saya, Negara Asia ini-lah negara<sup>2</sup> yang hendak di-perkokohkan perpaduan-nya dalam semua segi, tetapi bila kita katakan dalam semua segi termasuklah pertahanan, satu perkara harus di-fikir oleh negara<sup>2</sup> anggota Persekutuan Asia, ada-kah ASEAN dapat hidup subur dan memberi menafa'at yang benar<sup>2</sup> kepada kepentingan semua bangsa<sup>2</sup> di-daerah ini, jika sa-bahagian anggota-nya seperti Thailand dan Filipina menjadikan anggota SEATO, seperti Malaysia kita sa-kali pun tidak menjadi anggota SEATO, tetapi menjadi pengkalan SEATO dengan ada-nya tentera<sup>2</sup> Commonwealth dan pengkalan<sup>2</sup> kapal terbang seperti Betong, Kedah dan Negeri Kelantan ia-lah pengkalan<sup>2</sup> SEATO. Ada-kah layak munasabah dan bermunafa'at dalam jangka panjang? Di-dalam meroboh sa-suatu sikap, di-dalam membuat sa-suatu ikhtiar seperti menchapai sa-suatu yang baik kepentingan kita, saya harap semua negara<sup>2</sup> dalam Tenggara Asia berfikir dalam soal ini supaya kita mendapat hasil yang baik dari usaha kita untuk menyelamatkan kita di-bahagian dunia sa-belah sini.

Saya merasa sangat kechewa memandang kepada langkah Kerajaan yang sangat menyesal nampak-nya, kerana Inggeris akan berundur dari Timor Suez. Pada saya, ini ada-lah satu keadaan yang sangat baik paksa tekukor padi rebah. Sebab dahulu pernah saya katakan, Inggeris tidak menempatkan tentera-nya di-negeri ini dan negeri<sup>2</sup> lain yang bukan negeri-nya, melainkan untuk kepentingan-nya sendiri, kepentingan modal-nya dan kepentingan setratiji. Pernah saya katakan, apa di-harap kepada Inggeris dia bukan Allah Ta'ala. Sekarang orang Inggeris mahu menarek diri kerana memang tidak satu *empire* tidak akan kekal sa-lama-nya; kita ada-lah penghuni dunia yang bersejarah; kita tahu sejarah dunia dan gilang Inggeris itu ada-lah gilang menurun, mata hari-nya bukan *sunshine* tetapi sunset, dia sudah menurun sekarang ini; bukan kerana itu yang kita mahu melarikan diri sa-kali walau Inggeris berada di-puchok langit sa-kali pun kita tidak benar orang lain menempatkan tentera di-negeri ini, apatah lagi di-waktu Inggeris mahu sendiri melarikan dari tanggung jawab-nya kerana kepentingan dan kelemahan-nya sendiri. Tetapi malang-nya Kerajaan kita maseh mengharap<sup>2</sup> dan Australia, New Zealand, negara jiran kita, yang sa-belah rumah, ia-itu selang sa-buah rumah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada 11.40 pagi.*

*Meshuarat di-sambong sa-mula pada pukul 11.55 pagi.*

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN 1968

### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentohkan soal negara Australia yang te'ah memberi kesanggupan untuk mengambil tempat Inggeris apabila Kerajaan Great Britain menarekkan tentera<sup>2</sup>-nya daripada tanah ayer kita ini. Mengikuti surat<sup>2</sup> akhbar dari apa yang di-siarkan kenyataan daripada

Menteri Pertahanan, nampak-nya, pehak Kerajaan kita sangat berbesar hati kerana Australia sanggup mengambil tempat Inggeris sa-sudah pengundoran tentera<sup>2</sup> Inggeris dari Malaysia ini.

Saya rasa, pada pendapat saya, sangat-lah tidak bijaksana bagi Malaysia di-dalam keadaan seperti sekarang ini untuk menyatakan kegembiraannya menerima Australia mengambil tanggung jawab Inggeris, kerana dari segi moral berarti Australia sudah menjadi satu kuasa penjajah yang diterima oleh negara kita kerana lazimnya pendudukan tentera<sup>2</sup> asing di-negeri orang lain ada-lah di-buat oleh negara<sup>2</sup> penjajah. Maksud-nya tentera<sup>2</sup> Australia dengan penoh tanggung jawab memikul tanggung jawab Inggeris di-daerah ini yang di-benarkan oleh kita bukan sahaja memalukan tetapi melanjutkan penghinaan yang lama, kerana memang-lah di-renchanakan tanggung jawab di-Timor Jauh mengikut istilah barat akan di-beri dan sedang di-beri kepada pehak Australia, dan kerana itu kita mesti faham negara Australia itu jiran yang dekat dengan kita sa-patut-nya dia bersama<sup>2</sup> dengan kita dalam segala hal akan tetapi dia anggota SEATO dan dia pula anggota ANZUS yang berarti bukan sahaja melibatkan Inggeris, tetapi juga melibatkan Amerika di-dalam pertahanan negara kita. Maka di-mana-kah dapat kita *stand*, kita berdiri sa-bagai negara berkechuali yang di-harap<sup>2</sup>kan? Apa-tah lagi kedudukan negara ini dengan negara ASEAN yang pada mula-nya tadi telah saya katakan sa-patut-nya anggota<sup>2</sup> ini menchari jalan baharu, supaya tidak menjadi negara anggota SEATO atau pengkalan perjanjian SEATO bagi mewujudkan persekutuan asing yang kuat meliputi segala<sup>2</sup>-nya bukan sahaja tentang kebudayaan, ekonomi tetapi juga politik dan pertahanan? Zaman peralehan itu telah datang, sama ada kita minta atau tidak minta. Kalau mengikut pepatah China, kesempatan itu datang-nya dengan tiba<sup>2</sup> dan pergi-nya dengan tiba<sup>2</sup> pula. Siapa yang pandai mengambil kesempatan di-waktu itu dia dapat, kalau tidak dia akan rugi sa-lama<sup>2</sup>-nya. Ini ada-lah satu kesempatan oleh kerana kita satu bangsa yang lemah tidak sanggup mengusir pengaruh penjajahan

di-negeri kita, dia mahu menarek diri, ini ada-lah satu keadaan yang sangat menguntongkan yang datang dengan chara tiba<sup>2</sup>. Peralehan ini sa-benar-nya harus kita pergunakan bagi membuka jalan, bukan dengan jalan membuat satu perkara yang baharu.

Saya telah katakan tadi bahawa Australia sa-harus-nya menjadi sahabat kita yang karib, kerana dia jiran kita yang hampir—kepentingan dia, keselamatan Australia memerlukan Malaysia, tetapi keselamatan Malaysia tidak memerlukan Australia.

Keselamatan Australia memerlukan Malaysia, kita faham dari perkembangan dunia sekarang ini. Saya katakan kita boleh mengadakan persahabatan dengan Australia dan New Zealand; mereka ada-lah negara jiran yang hampir dengan kita, tetapi tidak boleh kita melangkah jiran kita yang disabelah rumah dalam sa-barang perkara. Sa-patut-nya keselamatan Australia yang di-katakan oleh orang<sup>2</sup> Australia ia-lah pemuda<sup>2</sup> Australia mesti mati di-Malaysia bagi mempertahankan pantai Australia. Jika Australia boleh mengatakan bagitu, mengapa Indonesia tidak boleh mengatakan bagitu bahawa keselamatan Indonesia ia-lah pemuda<sup>2</sup>-nya mati di-Malaysia kerana mempertahankan pantai pulau<sup>2</sup> Indonesia. Siapa yang lebeh dekat Australia dengan Indonesia dengan Malaysia ini? Sejarah telah membuktikan bagaimana Jepun telah mendarat. Jepun mendarat dari tiga tempat di-pantai timor Semenanjung Tanah Melayu. Semenanjung Tanah Melayu saya katakan bukan Federation of Malaysia atau Malaya, Semenanjung Tanah Melayu yang saya katakan dari Segenting Kra sampai ka-Pulau Singapura. Tentera Jepun telah mendarat dari Singgora, bumi Semenanjung Tanah Melayu, terus ka-Haad Yai, tentera<sup>2</sup> Jepun telah mendarat di-bumi Patani di-Semenanjung Tanah Melayu terus ka-Yala dan masuk dan kembali menerusi Kulim dan ka-Taiping, dari Haad Yai terus ka-Alor Star, dari Alor Star terus ka-Kuala Perlis dan terus ka-Pulau Pinang, dari sana menyeberang ka-Sumatera—ini-lah sejarah; dan mendarat lagi di-Kota Bahru, di-pantai Sabah, kemudian melalui pantai Timor, Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sejarah yang mesti di-perhetongkan. Kerana kita telah ada ASEAN, sepatutnya segala-nya lebeh dahulu di-perundingkan, di-rumbokkan, dibicarakan di-dalam mesuarat negara<sup>2</sup> ASEAN. Sa-sudah kita dapat satu kata yang sa-pakat bagi kepentingan kita bersama, kerana kebetulan kita mempunyai kebudayaan yang hampir sama, kemudian daripada itu tidak-lah menjadi salah kepada kita, malah ada-lah sangat baik bagi negara<sup>2</sup> ASEAN mengajak Australia dan New Zealand menjadi anggota bersekutu, mengajak kerjasama yang paling rapat, mengajak berbuat sa-suatu bagi kepentingan bersama. Tetapi sa-belum daripada kita menyatakan gembira kita terhadap langkah Australia, jaga-lah hati kawan<sup>2</sup> kita, jiran yang paling dekat. Peristiwa membentok Malaysia telah menjadi satu kenyataan, maka jangan-lah kita mengulangi kesalahan dua kali ditempat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang saya ingin sentoh dari Kementerian Luar Negeri ini, mengenai apa yang di-heboh<sup>2</sup>kan oleh sa-bahagian ra'ayat negeri ini, ia-itu yang di-katakan Hutang Darah atau Blood Debt. Perkara ini sekarang telah tenang, tetapi kata pepatah Melayu; ayer yang tenang itu jangan di-sangka tiada buaya. Perkara Hutang Darah ini di-timbulkan sa-bagai satu tuntutan kerana kezaliman tentera<sup>2</sup> Jepun dalam masa mereka itu menjajah negara kita. Kezaliman tentera<sup>2</sup> Jepun saya sendiri merasa, hampir<sup>2</sup> kepala saya di-penggal. Saya telah di-ikat di-pohon getah di-Sungai Bakap, kerana saya mula-nya mahu di-tudoh sa-bagai sa-orang spy pehak Inggeris, waktu itu tentera<sup>2</sup> Inggeris maseh berada di-Taiping, tetapi Alhamdulillah, saya selamat kerana banyak orang mengatakan mereka kenal saya, biasa nampak lalu di-situ, dan tidak ada apa<sup>2</sup>; Kempetai belum mengamok, tentera<sup>2</sup> Jepun yang terus bertindak dengan tidak melalui Kempetai waktu peperangan sedang berkechamok tentera Inggeris maseh berada di-Taiping. Erti-nya, kesan dari penjajahan Jepun sa-chara langsung saya menerima telah di-ikat di-pohon getah dan pedang telah berpusing<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, kehilangan nyawa ra'ayat negeri ini bukan-lah satu gulongan sa-mata<sup>2</sup> akibat daripada pena'alokan Jepun. Berpuloh<sup>2</sup> ribu ra'ayat keturunan Melayu terutama di-Kelantan sendiri yang mati menderita, berkudis kerana membuat jalan keretapi di-Burma, dari peristiwa ini beribu<sup>2</sup> janda, beribu<sup>2</sup> anak yatim yang tinggal, berapa banyak pula manusia yang malang itu yang di-bawa Jepun balek ka-tanah ayer kita ini mendapati isterinya telah minta pasah dan kahwin dengan orang lain. Mereka menangis<sup>2</sup> kerana melihat anak yang di-harap<sup>2</sup> akan dapat bersatu kembali dengan isteri dan anak-nya, isteri-nya menyangka dia telah mati, ia minta pasah kemudian itu berkahwin dengan orang lain. Peristiwa<sup>2</sup> yang menyedehkan ini berlaku akibat pena'alokan Jepun. Satu golongan telah menerima tekanan<sup>2</sup> Jepun saperti yang kita ma'alum dan mereka menuntut Hutang Darah.

Perkara yang tidak patut kita jadikan tuntutan kerana ini ada-lah soal perang dan damai, tetapi perkara ini dengan kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman untok menjaga perhubungan antara bangsa dengan bangsa, negara dengan negara, telah di-chari jalan tengah. Kita tahu Jepun telah menawarkan \$25 juta kepada Malaysia yang wang \$25 juta boleh kita lakukan apa<sup>2</sup> yang memberi faedah langsung kepada ra'ayat negeri ini dan keturunan-nya; tetapi daripada apa yang kita tahu, ada pula lain dari rancangan yang mahu mengatakan membangunkan sa-buah universiti kolej di-Pulau Pinang, Kerajaan sanggup membiayai-nya, kemudian timbul satu fikiran baharu, ia-itu supaya Hutang Darah itu di-bayar dengan dua buah kapal yang di-jadikan asas sa-buah pertubohan perkapalan nasional Malaysia. Saya rasa tidak menasabah Hutang Darah yang di-maksudkan ganti-rugi, Hutang Darah yang walau pun di-tuntut oleh sa-bahagian ra'ayat, tetapi hakikat-nya seluroh ra'ayat negeri ini menanggung penderitaan akibat pendudukan Jepun, apabila mahu di-bayar oleh Jepun kita mahu pembayaran itu dengan dua buah kapal untok permulaan membuat sharikat kapal. Ini tidak *permanent*, tidak kekal dan tidak menolong

banyak, yang lebeh penting ia-lah mem-bangunkan sa-suatu di-darat saperti universiti dan sa-bagai-nya, bukan gantian dua buah kapal.

Saya perchaya, kalau wang tunai tidak di-bayar kepada negara kita, bagi pehak ra'ayat yang menderita, sa-banyak \$25 juta tetapi kira<sup>2</sup> \$25 juta di-bayar dengan kapal, kapal yang saya agak jenis yang akan di-beri itu ia-lah dua buah kapal jenis *continent*, barang-kali harga-nya dalam \$8 juta sa-buah. Kalau \$8 juta sa-buah, dua buah baharu \$16 juta. Orang sanggup mem-bayar \$25 juta kepada kita yang boleh kita gunakan untuk kepentingan kebangsaan kita, mengapa kita mahu menerima dua buah kapal yang harga-nya lebeh kurang \$16 juta sahaja, kira<sup>2</sup> pemberian \$25 juta juga? Mengapa kita mahu membodohkan diri kita bagitu? Saya fikir Dewan ini sependapat dengan saya, ada lebeh baik kita mempunyai \$25 juta yang mahu di-bayar oleh pehak Jepun, dan kita belanjakan mengikut apa yang baik bagi kepentingan nasional daripada menerima dua buah kapal yang harga-nya lebeh murah daripada nilai bayaran yang di-janjikan. Kira-nya dua buah kapal ini kita terima, saya harap Kerajaan tidak akan menerima dan tidak akan menerima nasihat yang salah, dua buah kapal ini mahu di-gunakan sa-bagai asas pemodalan sharikat perkapalan kita. Kapal jenis ini, pada pendapat saya, jika ia mahu di-pakai di-sini mempunyai pengkalan-nya atau jeti-nya yang tersendiri dan berbelanja untuk membuat jeti-nya belanja di-laut ma'alum-lah belanja memasang tiang beberapa ratus kaki ka-dalam, mahu piling, saya fikir me-makan belanja kurang lebeh \$5 juta, \$6 juta. Mengapa yang kita mahu memikul sa-suatu yang tidak patut kita pikul? Mengapa kita mesti buat bagitu? Kalau untuk membuat sharikat per-kapalan, sharikat<sup>2</sup> kecil yang ada ber-daftar di-Malaysia sekarang ini boleh di-gabongkan dengan undang<sup>2</sup> di-jadi-kan satu corporation dengan MARA membeli saham-nya dengan bantuan Kerajaan dan jualkan saham-nya ka-pada ra'ayat bagi mewujudkan satu sharikat perkapalan kebangsaan yang boleh berjalan di-sekitar Gugusan

Pulau<sup>2</sup> Melayu, khusus-nya bagi mem-perhubungkan pantai dengan pantai Malaysia, barat dan timor. Untuk mem-buat satu sharikat perkapalan yang besar dalam zaman perlumbaan yang bagini hebat, yang kuasa<sup>2</sup> besar, kuasa<sup>2</sup> laut yang besar boleh memainkan peranan-nya untuk menekan kebang-kitan negara<sup>2</sup> yang baharu membangun, saya fikir ada-lah menasabah melalu<sup>2</sup> ASEAN persatuan ASEAN mahu ikhtiarkan supaya di-bangunkan sa-buah sharikat perkapalan yang besar untuk menghubongi semudera lautan dunia ini bagi membawa keluar dan membawa masok barang<sup>2</sup> bagi negara<sup>2</sup> di-sekitar kita ini, dan wang yang di-janjikan oleh pehak Jepun sa-bagai ganti apa yang di-katakan Hutang Darah itu patut di-terima sa-banyak jumlah yang di-tawarkan, kemudian itu di-fikirkan-lah apa yang lebeh baik; saya fikir kalau Kerajaan telah sanggup menubuhkan sa-buah Universiti Kolej di-Pulau Pinang dengan wang Kerajaan sendiri, wang itu boleh di-gunakan untuk membuat sa-buah Universiti Kolej yang lain di-tempat yang lain pula. Kita bukan memerlu beberapa Universiti Kolej lain boleh bahkan beberapa Universiti yang lain di-dalam negeri kita ini. Saya harap pehak Kerajaan dapat memikirkan kerana ra'ayat seluroh-nya mengikut, kerana ra'ayat seluroh-nya merasa<sup>2</sup> peperangan daripada pemerintah Jepun sa-lama tiga tahun lapan bulan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sadikit ingin saya sentuhkan mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri—maksud saya Kementerian Keselamatan. Kementerian ini mengetahui bahawa orang<sup>2</sup> PAS banyak yang di-tahan, tetapi yang mendukachitakan saya sa-orang ahli PAS berjawatan Setia-usaha Dewan Ulama' PAS negeri Kelantan, telah di-tahan kira<sup>2</sup> pukul 3.00 malam di-rumah-nya sa-waktu dia sampai balek dari Trengganu kerana mem-buat rapat umum, terus di-bawa ka-Kuala Lumpur, kemudian lama ke-luarga-nya menghubongi surat mahu mengetahui di-mana dia berada, mahu berjumpa, ada jawapan dari Kementेरian ini mengatakan dia telah di-kirim-kan ka-Batu Gajah. Maka pehak keluarga ini pun menulis-lah surat<sup>2</sup> mengirim kueh<sup>2</sup> hari raya ka-Batu

Gajah; barang itu semua telah dikembalikan kepada keluarganya dan di-beri tahu dia tidak ada di-Batu Gajah. Kalau dia tidak di-kirirkan ka-Batu Gajah, bererti dia maseh berada di-Kuala Lumpur. Mengapa kejadian sa-macam ini boleh terjadi?

Mengikut kenyataan yang di-sampaikan oleh pehak keluarga mereka, surat hitam puteh ada, jawapan Kementerian dan saya harap perkara ini yang sa-macam ini tidak terjadi lagi. Kerajaan boleh menangkap sebab demokrasi kita membuka pintu pagar tetapi menutup pintu dalam, Undang<sup>2</sup> Human Right, hak asasi manusia itu di-jamin, akan tetapi di-satu pehak lain Parlimen di-beri kuasa oleh Perlembagaan membuat Undang<sup>2</sup> untok menahan orang dengan tanpa bichara, untok menahan siapa sahaja musoh politik dengan segala tuduhan mendatangkan bahaya bagitu dan bagini bagi kepentingan parti politik yang memerintah. Tetapi hubungan kemanusiaan keluarga orang<sup>2</sup> yang di-tahan harus-lah di-timbangkan dengan sudut kemanusiaan. Tidak patut-lah orang berkirim kueh<sup>2</sup> Hari Raya ka-Batu Gajah kerana perchaya orang tahanan itu telah di-kirim ka-Batu Gajah, rupa<sup>2</sup>-nya barang yang di-kirim kembali kerana orang tahanan itu maseh di-Kuala Lumpur, dan baharu sahaja di-kirim ka-Batu Gajah.

Saya tidak mahu berkata apa<sup>2</sup>; saya mengharapakan ke'adilan kerana sa-lain daripada ra'ayat negeri ini memerhatikan ke'adilan berjalan, dunia memerhatikan, ada kuasa yang lain Allah subhanahu wata'ala memerhati ke'adilan yang di-jalankan oleh hamba<sup>2</sup>-nya.

Satu Kementerian lagi yang ingin saya sentoh, ia-itu Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Saya perchaya Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat Dewan ini sapa-dapat dengan saya, Kementerian ini ada-lah satu Kementerian yang sangat penting sa-bagai alat, alat untok membentok, alat untok merumuskan, alat untok membawa ra'ayat kepada satu pemikiran yang boleh mewujudkan chita<sup>2</sup> menjadi satu bangsa, satu negara. Baik melalui radio, T.V., dan filem<sup>2</sup> sangat-lah penting alat<sup>2</sup> ini, dan Kementerian ini memegang peranan yang sangat besar. Tetapi, Kementerian ini,

samapi hari ini, tidak ada bezda charanya dan sikap-nya—saperti dahulu juga. Kementerian ini yang di-harapkan untok menyampaikan suara Kerajaan supaya menyatakan bahawa Kerajaan itu mengutamakan bahasa kebangsaan, tetapi Kementerian ini juga dengan dia punya bangunan baharu Angkasa-puri-nya, saya tengok ada di-siarkan di-akhbar, Tuan Yang di-Pertua, 'Utusan Melayu' di-pejabat Menteri sendiri ada 'on the air' dalam bahasa Inggeris. Satu Kementerian yang di-bayar oleh ra'ayat bermillion<sup>2</sup> ringgit bagi melaksanakan dasar penyiaran mengikut chita<sup>2</sup> Kerajaan, menyuarakan sikap Kerajaan, membimbing ra'ayat dengan alat<sup>2</sup> penerangan telah mengechiwakan semua sa-kali hasrat ra'ayat dan Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentoh soal tidak bengek programme<sup>2</sup> Talivishen, siaran Radio, saya tidak mahu menyentoh soal<sup>2</sup> itu, tetapi saya mahu menyentoh alat *nation* ini dari segi perkembangan demokrasi. Saya mengharapakan supaya Jabatan Penerangan ini sa-lain daripada tugas, khusus-nya, menyampaikan dasar politik negara dia tidak-lah mengkhianati ra'ayat negeri ini dengan menjadi alat kepada parti politik yang memerintah. Dia ada-lah halal untok di-gunakan untok negara bagi kepentingan negara, tetapi ada-lah satu pengkhianatan jika di-biarkan dia membiarkan diri-nya di-peralatkan untok kepentingan parti politik.

Satu chontoh, sa-orang Ahli Yang Berhormat PAS di-Kelantan telah meninggal dunia akibat penyakit darah tinggi. Dia mati pada pukul 3 tengah hari, malam itu terus wayang gambar penerangan datang ka-kampong itu untok mengadakan pertunjukan wayang gambar. Yang aneh-nya pegawai<sup>2</sup> itu sendiri pun mengatakan programme kami 2 minggu baharu hendak datang di-sini, tetapi kerana ada kematian ini hendak bagi tahu-lah pilihan raya sudah dekat. Jadi, erti-nya ini betul<sup>2</sup> di-gunakan untok kepentingan parti pemerintah—erti-nya request, permintaan daripada orang<sup>2</sup> parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil. Penyiaran juga, sa-malam sahabat saya Yang Berhormat Tuan Saidon bin Kechut menyatakan kesal-nya kerana di-Dewan Ra'ayat dapat publicity, ada di-Dewan Ra'ayat dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, yang Dewan Negara ini berchakap banyak tetapi tidak penyiaran. Pada saya itu tidak menjadi soal. Di-beri publicity atau tidak di-beri publicity, tidak menjadi soalan kepada saya. Sa-lama beberapa tahun ini saya tidak mendapat publicity daripada akhbar<sup>2</sup>, dari Radio dan televishen tetapi saya pergi ka-kampong<sup>2</sup> berjumpa dengan ra'ayat sa-chara langsung.

Apa yang penting pada saya dari segi demokrasi, ini ada-lah tahun menghadapi pilihanraya, saya mahu amalan demokrasi itu di-gunakan, di-amalkan betul<sup>2</sup>. Di-dalam pilihanraya kecil kawasan Baling Barat, satu malam 26 haribulan yang lalu, saya bersama<sup>2</sup> dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kelantan di-majlis rapat umum PAS di-Kuala Ketil yang di-hadiri oleh hampir 10,000 orang dan di-antara-nya saya perchaya tidak kurang dari 3,000 terdiri dari orang<sup>2</sup> India dan orang<sup>2</sup> China—ra'ayat Malaysia. Pehak Talivishen telah datang ka-sana mengambil gambar dalam masa kita berpidato, mengambil gambar, suasana yang ada waktu itu sambutan ra'ayat, tepokan<sup>2</sup> gemuruh bukan sahaja daripada orang Melayu tetapi juga daripada orang<sup>2</sup> India dan China yang mengikut sama, ada orang China tidak tepok, orang India tidak tepok, bagitu juga ada orang Melayu yang tidak tepok, tetapi ada yang menepok, dan ini di-filemkan. Malam besok Perikatan pula mengadakan rapat umum di-filemkan, tetapi orang tidak bagitu ramai; itu tidak menjadi soal, yang menjadi soal filem itu telah di-ambil kerana demokrasi; wang ra'ayat telah di-belanjakan kerana mata benda, barang<sup>2</sup>, alat<sup>2</sup>, elaun pegawai<sup>2</sup>, minyak untuk *transport* pergi ka-sana, tetapi filem itu tidak di-putar<sup>2</sup> sampai sekarang di-Talivishen. Apa-kah kerana suasana majlis itu menunjukkan manusia beribu<sup>2</sup>, suasana di-majlis itu menunjukkan pilihanraya dari semua bangsa di-dalam negeri ini sanggup

memberi sambutan kepada PAS, itu mahu di-tutup dari mata ra'ayat, atau apa yang sa-benar-nya demokrasi, demokrasi apa-kah nama-nya kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita bertambah dekat dengan pilihanraya—radio kalau di-Kelantan tiap<sup>2</sup> petang di-bayar untuk orang berzikir barat. Dahulu penzikir<sup>2</sup> barat itu orang<sup>2</sup> PAS atau penyokong<sup>2</sup> PAS, sekarang kerana peluang tiap<sup>2</sup> masa itu ada elaun dia sudah melompat dari PAS kepada Perikatan, bukan kerana Perikatan tetapi kerana wang-nya; kalau dia tidak mahu masuk Perikatan peluang dia berzikir barat hilang. Jadi, sekarang sudah merupakan kempen Perikatan tiap<sup>2</sup> petang melalui berzikir barat dari segi kebudayaan Melayu di-Kelantan. Tidak-kah bermalu kita, tidak-kah ada sedikit malu? Kalau Perikatan mahu menggunakan betul<sup>2</sup> alat<sup>2</sup> negara ini bagi kepentingan parti-nya, saya tidak minta untuk bersharah di-radio, tetapi saya meminta mari kita adakan forum demi forum di-radio, di-talivishen dari sa-masa ka-samasa oleh pemimpin<sup>2</sup> parti politik dan semua parti politik di-dalam tanah ayer kita ini dari segi demokrasi, dari sekarang sampai kepada menghadapi pilihanraya akan datang. Saya bersedia dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, saya sedia dengan Tun Haji Abdul Razak, saya sedia dengan siapa<sup>2</sup> juga untuk berforum tetapi di-talivishen bukan di-cherok<sup>2</sup> bukan bertengkar<sup>2</sup> kerana kita mahu berchakap terus terang untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu sedikit saya hendak menyampok soal Kementerian Buroh. Kementerian Buroh kita ini ada sa-buah Jabatan mendaftar penganggor<sup>2</sup>. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, untuk tidak membohongi diri kita sendiri, jumlah penganggor di-negeri kita yang mendaftarkan nama di-Pejabat Buroh itu sedikit tetapi yang tidak pergi mendaftar lebih banyak daripada jumlah yang di-daftarkan. Itu ada-lah hakikat. Saya harap Jabatan ini boleh bekerja kuat, dan Radio, alat<sup>2</sup> negara yang lain patut memberi galakan kepada

ra'ayat supaya melaporkan diri di-Pejabat Buroh bagi mereka yang menganggor, tetapi Jabatan ini jangan-lah yang menjadi satu Jabatan ada telinga tetapi pekak, ada mata tetapi buta. Dia boleh menerima pendaftaran kerana itu menjadi dasar Kerajaan, tetapi jangan dia hanya menchatet nama, menunggu bila akan di-panggil. Ya, apa yang di-amalkan oleh majikan<sup>2</sup> mengambil pekerja tanpa memikirkan, tanpa bertanya kepada Pejabat Buroh—ini mesti di-betulkan. Tetapi apa yang saya maksudkan, pendaftaran sa-mata<sup>2</sup> tidak-lah menolong ra'ayat. Pendaftaran orang<sup>2</sup> yang menganggor yang di-lakukan oleh Jabatan Buroh yang patut di-galakkan dengan penerangan<sup>2</sup> yang banyak supaya orang mendaftar hendak-lah di-sambong dengan mengambil *statement* (kenyataan). Jabatan Buroh yang menerima pendaftaran orang<sup>2</sup> menganggor hendak-lah mengambil kenyataan<sup>2</sup> orang yang datang itu dari segi hidupnya, peribadi, kalau dia mempunyai isteri, kalau dia mempunyai anak dan sa-bagai-nya, tanggong-nya harus ditanya, di-chatet, dan kalau dia ada-lah orang yang sa-lama belum dapat pekerjaan sudah tentu memikul keadaan yang sangat berat akan menderita hidup-nya di-tengah<sup>2</sup> night clubs dalam tanah ayer kita ini, di-tengah<sup>2</sup> keseronokan orang<sup>2</sup> kaya dalam negeri ini, maka dia menangis kerana perut lapar, orang<sup>2</sup> ini semuanya hendak-lah oleh Jabatan Buroh apabila di-dapati orang ini patut ditolong, sementara dapat kerja, dihantar kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kebajikan Masyarakat harus mengambil tindakan menyiasat orang ini, latar belakang-nya dan keadaan-nya yang sa-benar-nya, dan kita hendak-lah melakukan adil kepada ra'ayat yang malang ini dengan memberi dia bantuan sa-hingga dia dapat bekerja dengan tidak payah dia datang meminta<sup>2</sup>, menunggu belas kasehan pegawai<sup>2</sup> di-Jabatan Kebajikan Masyarakat, kerana dia ada-lah orang yang berhak mendapat bantuan sa-lama dia belum dapat pekerjaan. Negara harus memikul tanggong-jawab ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang-nya sistem negara kita ini, kita ada Kementerian Kebajikan Masyarakat yang ada mempunyai peruntokan untuk membuat rumah orang tua<sup>2</sup>, rumah anak<sup>2</sup> yang tidak siapa yang memungut-nya, tetapi hakikat-nya itu "*State matter*", beri tanggong-jawab kepada negara negeri<sup>2</sup> yang dapat hasil terlalu banyak bagaimana memikul tanggong-jawab Welfare yang menjalankan Pusat Kebajikan, beberapa negeri mempunyai kewangan yang banyak, tetapi siapa yang tidak mengetahui bahawa sa-waktu Persekutuan Tanah Melayu akan di-bentok daripada negeri<sup>2</sup> bekas negeri naungan British "unfederated" dan "Federated Malay States", ada negeri<sup>2</sup> yang telah *developed* dan ada negeri<sup>2</sup> yang *undeveloped*, dan negeri<sup>2</sup> yang belum di-majukan seperti negeri Pantai Timor, negeri<sup>2</sup> yang miskin bukan sebab<sup>2</sup> kemiskinan-nya yang sa-mula jadi, tetapi kerana dia belum di-majukan, bekalan khazanah bumi terlalu luas dan banyak, negeri<sup>2</sup> ini pada semangat perjanjian Persekutuan Tanah Melayu meminta bantuan wang supaya negeri<sup>2</sup> yang kurang di-majukan dan belum di-majukan di-beri bantuan yang lebeh oleh Kerajaan Pusat. Asas<sup>2</sup> persetujuan inilah maka Persekutuan Tanah Melayu telah di-persetujui dan di-bentok, tetapi dengan amalan-nya oleh kerana kepentingan politik telah di-tekan maka negeri<sup>2</sup> yang seperti ini yang tidak maju, yang belum mempunyai sumber<sup>2</sup> hasil yang banyak, bagaimana akan memikul beban untuk menanggung ra'ayat yang lapar yang susah dari segi kebajikan, bagaimana State Welfare Committee-nya boleh bertindak dengan tidak ada wang? Ra'ayat negeri ada hak otomatis menjadi ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu, ra'ayat Malaysia, dan Malaysia berbangga dengan kema'moran, kekayaan, kesenangan dan kemewahan, keamanan dan sa-bagai-nya harus memikul tanggong-jawab terhadap kemiskinan ra'ayat dalam negeri ini, bukan membebaskan negeri<sup>2</sup> yang hanya dapat sumber hasil daripada hasil tanah dan sedikit<sup>2</sup> yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya di-ubah perkara ini, soal welfare menjadi tanggong-jawab kepada Kerajaan Pusat

dan chara-nya ia-lah orang yang menganggor melaporkan diri di-Jabatan Buroh menunggukan kerja, sementara itu kalau dia perlu di-tolong, dia patut di-tolongkan—jangan nanti dia minta sedekah, jangan sampai dia merompak, jangan sampai dia membunuh orang, baharu kita katakan dia jahat, belakang dia jahat, masok jel, sudah masok jel keluar payah mendapat kerja, di-hina dalam masharakat, dia telah di-hukum, beberapa banyak orang yang bersalah tetapi belum dapat di-tangkap yang belum di-hukum kita puja, tetapi orang yang bersalah di-hukum enam bulan jel kena lapar kemudian kita hukum dia pula hukum sa-lama hidupnya tidak mahu di-terima bekerja, bekas tahanan, bekas penjara. Ini adalah bukan kemanusiaan tetapi kezaliman dalam negara bagi menegakkan keadilan. Banyak asas<sup>2</sup> yang mesti diperbaiki, bukan kepentingan siapa, kepentingan national negeri ini tetapi apa yang lazim di-jalankan di-dalam negeri ini kepentingan feudal, kepentingan penjajahan British itu. Apa yang baik di-zaman penjajahan British tidak mesti baik di-zaman kemerdekaan kita, dan ini hendak-lah diubah. Saya minta Kerajaan Persekutuan mengambil tanggung-jawab dalam soal kebajikan kapada ra'ayat yang berganding dengan Jabatan Buroh.

Ada lagi satu perkara. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong-lah ringkaskan sedikit.

**Tuan Amaluddin Darus:** Ia, saya chuba hendak ringkaskan. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bukan keselurohan-nya, tetapi soal yang baharu<sup>2</sup> ini telah terjadi semenjak kita punya Senator baharu yang tak hadir hari ini menjadi Pengurusi MARA chuba melaksanakan keputusan Kongres Bumiputra ia-itu mewujudkan satu Kongres Ulama' bagi membinchangkan soal zakat. Saya sangat mengalu<sup>2</sup>kan Kongres yang saperti itu, dan menguchapkan tahniah sa-tinggi<sup>2</sup>-nya atas daya utama yang telah di-ambil oleh sahabat kita yang tak hadir pada hari ini. Khabarnya dia pergi ka-Mekah sekarang ini

via Moscow, dan hasil daripada Kongres yang tersebut sudah tentu-lah akan pergi ka-negeri<sup>2</sup>, kerana negeri mengikut Perlembagaan menguasai soal<sup>2</sup> ugama. Yang saya mahu menarek perhatian ia-lah masalah Kongres membicharakan hal zakat. Negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penjajahan telah memisahkan politik dan ugama sesuai yang berlaku saperti di-negara<sup>2</sup> Eropah, tetapi di-dalam Islam ugama rasmi negeri kita ini tidak mengerti dan tidak mengenali keputusan saperti itu. Masaalah zakat yang pada asas-nya merupakan satu rukun Islam di-dalam ugama Islam, pada hakikat-nya ia-lah sumber pengumpulan daripada kekayaan ra'ayat untuk mewujudkan keadilan sosial di-kalangan ra'ayat dalam negeri dan dia telah terus menjadi politik engkar dari membayar zakat dalam pandangan Islam murtdah boleh di-hukum bunuh, boleh di-perang daerah<sup>2</sup> yang menentang pembayaran zakat kerana itu ada-lah asas daripada puncha hasil negara bagi mewujudkan keadilan sosial untuk menyelesaikan problem "haves" and "haves-not".

Tuan Yang di-Pertua, malang-nya oleh kerana pemisahan yang telah menjadi kebiasaan pula, sudah lazim "alah bisa, tegal biasa", kata orang tua<sup>2</sup> masing<sup>2</sup> negeri mempertahankan hak-nya—hak-nya apa?—hak-nya hanya memungut zakat—badan zakat fitrah, zakat mal, zakat harta, zakat kekayaan umat Islam ini yang membangunkan negara, kepentingan keadilan sosial ini telah tidak di-buat apa<sup>2</sup>. Sekarang ini, perkara ini telah di-binchangkan dan saya mengalu<sup>2</sup>kan dan saya menguchapkan tahniah, tetapi perkara yang saya mahu sentoh kerana perkara ini bila mana telah sampai ka-peringkat di-setuju<sup>2</sup> nanti, perkara ini akan di-bawa menjadi undang<sup>2</sup>, baharu berkuat-kuasa. Satu perkara yang ingin saya sentohkan di-sini, persetujuan yang telah di-ambil dalam Kongres itu, orang<sup>2</sup> Islam yang membayar income-tax tidak dapat melepaskan tanggung-jawab daripada membayar zakat.

Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> Islam yang dengan undang<sup>2</sup> kalau di-minta membayar income tax sangat-lah

patut dan bertanggung kewajiban mereka lagi membayar zakat, sa-kira-nya mereka berada di-negeri yang mereka itu menumpang sa-bagai minority, mithal-nya, seperti negara Singapura, umat Islam di-sana hidup sa-bagai warganegara ia ada-lah berkewajiban memerintah di-negeri itu dan dia berkewajiban dengan Tuhan dan dari segi ugama-nya untuk memperbaiki masharakat umat Islam dengan mengeluarkan sa-suatu yang wajib atau dasar gotong royong masharakat umat Islam sendiri, tetapi lain hal-nya dengan Malaysia yang meletakkan Islam sa-bagai ugama rasmi. Di-negara Malaysia ini tidak patut terjadi seperti itu, yang sa-patut-nya apabila umat Islam di-kenakan zakat dan memang mesti di-kenakan zakat, maka zakat-nya itu tidak memestikan lagi dia membayar income tax; tetapi malang-nya susah hendak di-bicharakan ini, kerana perkara ini sudah di-jadikan seperti ugama lain, pentadbiran lain dan hakikat-nya negara itu ada-lah satu dan apa yang di-katakan baitulmal, wang zakat bagi kapada baitulmal itu hakikat-nya Treasury—itu-lah hakikat-nya, wang negara, dan puncha zakat itu boleh di-pungut oleh jabatan di-panggil “inland revenue”, apa di-katakan wakaf dalam pengajaran Islam itu boleh di-wujud dengan apa yang di-katakan Jabatan Trustee, tetapi pemisahan yang di-buat oleh penjajah Inggeris itu berlanjutan di-amalkan orang<sup>2</sup> yang tidak mengerti; sa-sudah kita merdeka kita pun memakai Islam sa-bagai ugama rasmi menimbulkan kekachauan di-dalam chara pentadbiran dan memeningkan kepala umat Islam sa-hingga ada ulama' dalam Kongres itu yang di-anjorkan oleh MARA yang sanggup mengatakan, kalau tidak sanggup bayar zakat keluar dari Islam—bagitu mudah sa-kali. Kita kenal ulama' bagaimana itu daripada parti Perikatan yang tidak sanggup menentang tuannya tetapi sanggup menentang orang lain dari tuannya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Islam yang menjadi ugama negara kita ini, mahu tidak mahu, terpaksa saya sen-toh sebab Kongress Bumiputra, kongres ulamak, di-undang<sup>2</sup> kalau di-persetujukan dasar Islam itu sendiri

bukan datang memungut chukai; dasar Islam itu sendiri ia-lah menyampaikan risalah, menyampaikan kebenaran memanggil manusia menyembah Tuhan yang satu—itu hakikat daripada pengajaran Islam. Sa-kira-nya perbuatan yang silap ini di-amalkan Islam membayar income tax wajib pula membayar zakat  $2\frac{1}{2}$  daripada harta simpanan-nya, siapa-kah manusia yang mahu menerima Islam sa-bagai ugama-nya, sa-kali pun dia telah faham Islam baik, kerana kerugian material akibat daripada undang<sup>2</sup> ini? Siapa yang mahu dan perbuatan ini kalau di-wujudkan, erti-nya Kerajaan Pusat menghalang perkembangan Islam di-negeri ini, Islam not only belongs to Malays, Islam boleh di-kembangkan kapada siapa juga untuk manusia yang mahu menerima kalau ia tahu hakikat kebenaran itu, dan kita ada mengalu<sup>2</sup>kan orang<sup>2</sup> China ramai<sup>2</sup> masok Islam dan masok PAS kemudian kita buangkan menegak Ugama Islam? Tetapi perbuatan ini akan menyebabkan penghalangan, kerana apa guna masok Islam walau bagaimana baik sa-kali pun, aku ada harta banyak, zakat kita keluar, income tax kena bayar. Orang Islam wajib mengeluarkan zakat orang bukan Islam dengan undang<sup>2</sup> negara wajib mengeluarkan income tax. Kalau mahu kurangkan income tax masok Islam bayar zakat sahaja, kerana dasar Negara bukan kerja yang mengejar wang, mengejar chukai, tetapi dasar negara itu memperbaiki hal ehwal manusia sa-hingga di-antara ra'ayat dengan ra'ayat persaudaraan-nya penoh dengan kaseh sayang. Kalau dasar atas mengenai chukai menindas sana menindas sini bila keamanan tidak akan wujud, dasar negara hendak-lah di-susun mewujudkan satu masharakat yang chinta menchintakan tolong menolong satu dengan lain, dan Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini akan di-ambil perhatian oleh pehak yang berkenaan supaya jangan sa-suatu yang di-buat hanya memikirkan dari segi mengumpulkan sa-suatu kekayaan untuk kekuatan ekonomi, tetapi menentang dan menghalang sa-suatu yang lebeh baik daripada sendiri.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tahun ini pun tahun Budget 1968, Kerajaan kita ini sakit, bukan sahaja Kerajaan Negeri seperti Kelantan itu sakit, Kedah pun sakit, Perlis pun sakit, Kerajaan Pusat pun sakit. Jadi kita mesti-lah mengemukakan jimat chermat, Kerajaan Kelantan pun terlalu berjimat sekarang ini, Kerajaan Pusat pun mesti-lah berjimat<sup>2</sup>, Kerajaan semua negeri patut-lah berjimat kalau tidak nanti kena pinjam 4 juta ringgit pula. Kelantan meminta pinjaman 1½ juta ringgit, Perlis pun meminta pinjaman, Melaka yang sudah berhutang \$110 juta, Negeri Sembilan telah berhutang \$33 juta, jadi bertambah banyak Negeri<sup>2</sup> minta pinjaman, jadi Kerajaan kita pun kelamkabut hendak meminta pinjaman di-mana pula, di-luar pun tidak begitu banyak orang perchaya sangat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini mesti-lah di-jaga betul<sup>2</sup> soal perbelanjaan negara kita itu, macham Dewan Ra'ayat baharu<sup>2</sup> ini di-beri tahu oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Utara betapa membadzir-nya buat kolam mandi untuk pegawai<sup>2</sup> yang membangunkan projek itu—Projek Sungai Muda, saya harap di-Kelantan pun sedang di-jalankan Projek Taliayer Kemubu, jangan-lah di-buat<sup>2</sup> rumah mandi, kalau dia mahu mandi, suroh dia terjun di-sungai Kelantan jadi senang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membicarakan hal<sup>2</sup> lain untuk adil pada diri saya dan pada Kelantan dan adil pada negara dan bangsa kita, saya sukachita menarek perhatian Kerajaan Persekutuan untuk menambah hasil, Kelantan ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada Pahang yang besar, daerah Pantai Timor satu negeri yang maseh kaya raya, kalau kita kata dia maseh perawan ada-lah menasabah, sa-kira-nya kaya, Perak itu kaya, negeri Selangor ini kaya kerana lombong<sup>2</sup>-nya, tetapi dia sudah hampir hendak habis, kerana sudah jadi janda<sup>2</sup> tua tetapi Kelantan itu still virgin—maseh perawan, kekayaan bumi-nya chukup banyak yang kalau kekayaan bumi itu boleh di-keluarkan, sudah tentu ia akan mendatangkan hasil dari puncha

export tanah ayer kita ini dan Kerajaan Pusat mendapat wang yang banyak, ra'ayat negeri Kelantan dapat kerja yang banyak, dan kalau perusahaan<sup>2</sup> kayu di-Kelantan dapat di-jalankan dengan sa-besar<sup>2</sup>-nya, sudah tentu-lah mendatangkan hasil export yang banyak.....

**Tan Sri Haji Mohd. Noah:** Ada-kah Majlis ini membahathkan belanjawan berkenaan dengan Kerajaan Kelantan atau Kerajaan Pusat.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan supaya Ahli itu faham sedikit yang saya sedang menceritakan ini bukan belanjawan Kelantan, sumber<sup>2</sup> untuk mendapatkan wang pada Kerajaan Pusat. Jadi apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya ranchangan<sup>2</sup> yang akan di-jalankan di-negeri Kelantan yang kaya raya, yang belum di-bongkar tidak di-sabotage oleh pehak<sup>2</sup> yang tahu, sebab kita ada pepatah Melayu: "muka berpandangan budi kedapatan". Kalau tidak di-sabotage bukan sahaja negeri Kelantan dapat puncha hasil, ra'ayat Kelantan dapat kerja, tetapi Kerajaan Pusat mendapat wang yang banyak; ranchangan yang mahu di-jalankan oleh Kerajaan PAS di-Kelantan pada tahun 1961 yang di-katakan Ranchangan Lembah Leber, ranchangan mana. Saya perchaya di-tiru daripada itu-lah Kerajaan Pusat sekarang ini melancarkan apa yang di-katakan Ranchangan Jengka Tiga Segi, kita sudah membacha memorandum itu, dan saya sabagai sa-orang anggota Lembaga Kemajuan Tanah di-Kelantan, saya mengetahu-lah apa ranchangan yang mahu di-jalankan di-sana. Ranchangan itu bukan sahaja untuk kepentingan negeri, tetapi untuk mendatangkan hasil yang banyak Kerajaan Pusat.

Demikian-lah lain<sup>2</sup>, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sangat malang-nya rupanya kita dalam alam demokrasi kepentingan politik mengatasi kepentingan demokrasi dan tidak hairan-lah apabila beberapa orang professor yang datang melawat Kelantan berjumpa kita, dia bertanya apa-kah kamu menerima sekatan<sup>2</sup> daripada Kerajaan Pusat? Kita senyum, kita senyum sahaja, dia kata dia perchaya tentu

kena tekan. Saya kata kalau sudah tahu apa guna di-tanya. Dia kata memang luar biasa, kalau tidak ditekan oleh Kerajaan Pusat yang biasa itu di-tekan, jadi dalam sa-buah negara saperti kita ini terutama dalam masa Kerajaan Pusat pun leteh, tidak ada wang chuba-lah kita berdemokrasi betul<sup>2</sup>, chuba kita jadikan diri kita ini kepentingan parti itu di-bawah dari kepentingan negara lebeh tentang parti sendiri. Jadi, saya harap kita akan ada keadilan, akan lahir-lah kema'amoran dan akan lahir-lah keamanan saperti yang di-harap<sup>2</sup>kan oleh semua kita, bukan Perikatan, tetapi semua ra'ayat negeri ini. Sakian, terima kaseh.

**Dato' J. E. S. Crawford:** (*Dengan izin*) Dato' President, Sir, in rising to support the Supply Bill, 1968, now being debated in the Senate, I would like to take this opportunity, on behalf of the rubber industry of Malaysia, to clarify and put in the right perspective certain suggestions made by the Honourable Tan Sri T. H. Tan to tax British estates and mines to pay for Malaysia's defence arising from the withdrawal of British Forces in the Far East. Firstly, Sir, there is now-a-days no such thing as British estates and mines—they are still British registered companies whose directors reside outside Malaysia. However, the shares of these companies are not held only by British investors but, at an ever increasing rate, by Malaysians and Malaysian investment finance companies, etc. Also, the majority of these companies have both English and Malaysian share registers.

The Honourable Tan Sri T. H. Tan in his, as usual, excellent speech, as reported in the *Straits Times* of this morning, on page 7, said, from which I would like to quote, with your permission, Dato' President, Sir. He said—

“A special tax'. For more than half a century, British rubber plantations and tin mines have enriched the British Treasury. They are continuing to do so.

If the British cannot help us to continue to protect their own interests here, let us assure them that, unlike them, we will not let them down.

We will protect their interests, but we may have to impose a special tax of, say, \$200 an acre a year and thus raise from rubber plantations alone more than \$500 million a year . . . . .”.

Well, Sir, I do not know which school Tan Sri T. H. Tan went to, but it obviously a different one from me, Sir, because there are 1.2 million acres under these British registered companies and 1.2 million multiplied by 200, according to my mathematics, Sir, gives you \$240 million and not \$500 million which the Honourable Senator Tan Sri T. H. Tan mentioned.

Sir, I would like to stress to the Honourable Senator that a first-class rubber estate with very high yielding trees and under excellent management at present can, if it is lucky, make a maximum profit of \$100 per annum per acre. Therefore, with the suggested special tax of \$200 per acre per annum, a first-class estate of 10,000 acres would lose \$1 million per annum and would definitely have to close down and this could only lead to widespread unemployment in the rubber industry, which I am sure the N.U.P.W.—whose representative does not seem to be here—would not approve.

In conclusion, Dato' President, Dato' I would like to stress to the Honourable Tan Sri T. H. Tan that for the whole period of Malaysian independence the rubber and tin industries have borne their full shares of taxation, taking into account, export duty, income tax, payroll tax, development tax and, in the case of tin, profit tax. Dato' President, Dato', I would sincerely request the Honourable Tan Sri T. H. Tan not to lay the errors and short-comings of the British Labour Government at the door of the rubber, tin and oil palm industries of Malaysia. Thank you, Sir.

**Tuan Lim Hee Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kebenaran memberi pendapat saya berkenaan dengan soal yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Enche' Amaluddin yang berchakap pada pagi ini. Kata Ahli Yang Berhormat itu, sejak dari Hari Merdeka sampai sekarang sudah 10 tahun dan Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan telah di-luluskan satu tahun dahulu, maka patut-lah semua Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-dalam Dewan ini, atau Dewan perengkat lain berchakap di-dalam Bahasa Kebangsaan. Saya menyokong dengan sapenoh-nya atas pendapat beliau itu,

tetapi saya percaya bahawa Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-sini tentu bersetuju dengan saya, jikalau sa-saorang Ahli Dewan ini boleh datang di-sini mengambil bahagian dalam perbahathahan atas Rang Undang<sup>2</sup> di-dalam Dewan ini, maka pada pendapat saya bukanlah senang hendak berucap dalam bahasa Melayu, atau Bahasa Kebangsaan, kerana bahasa yang di-gunakan dalam Dewan ini cukup tinggi. Kalau di-luar kita berchakap umpamanya di-kedai<sup>2</sup> membeli barang<sup>2</sup> atau dipasar<sup>2</sup> kerana hendak membeli barang<sup>2</sup>, kita menggunakan bahasa Kebangsaan tetapi datang ka-sini membahath Rang Undang<sup>2</sup> ini bukan senang: yang mudah—itu boleh-lah, tetapi apabila datang di-Dewan ini untuk membahathkan Rang Undang<sup>2</sup> atau Bill, itu bukan senang. Saya boleh bandingkan perkara ini, ia-itu walau pun kemahuan kita kuat, tetapi badan kita lembut, kata orang putih “the will is strong, but the flesh is weak.” Saya percaya Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari keturunan lain pada masa yang akan datang apabila datang ka-Dewan ini, mereka itu boleh berucap sa-ratus peratus menggunakan Bahasa Kebangsaan. Terima Kaseh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa dekat pukul 1.00. Persidangan ini di-tangguhkan sa-hingga pukul 2.30 petang.

*Persidangan di-sambong sa-mula pada 2.30 petang.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada jam 2.30 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN, 1968**

**Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**  
*Perbahathahan di-sambong sa-mula.*

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil peluang untuk menyatakan tahniah dan mengambil bahagian perbahathahan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan tahun 1968, dan saya percaya Rang Undang<sup>2</sup> ini telah pun di-bahathkan semenjak daripada Dewan Ra'ayat dan di-Dewan ini juga telah pun di-bahathkan dengan panjang lebar oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Bagi pehak diri saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah akan mengulangi lagi apa<sup>2</sup> butir yang telah pun di-kemukakan, baik dalam Dewan ini atau dalam Dewan Ra'ayat, mengenai Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan tahun 1968 ini, tetapi saya akan chuba-lah membawakan perkara<sup>2</sup> yang rasa saya belum lagi di-kemukakan dan begitu juga soal<sup>2</sup> yang bersangkutan dengan kaum wanita di-negeri ini. Ini rasa saya memang-lah sa-patut-nya kerana rasa saya ada banyak perkara<sup>2</sup> dan masalah<sup>2</sup> yang mengenai kaum wanita yang kita mendengar dari sa-masa ka-samasa sentiasa mengemukakan tuntutan<sup>2</sup> meminta keadilan sosial, keadilan ekonomi dan begitu juga keadilan dalam serba serbi maka kerana itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang dalam Dewan ini untuk mengemukakan beberapa perkara dan bersangkutan dengan hal<sup>2</sup> tersebut.

Sa-belum daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menarek pandangan Kementerian Luar Negeri ia-itu tentang beberapa perkara yang saya rasa elok-lah di-ambil perhatian berkenaan dengan United Nations Agencies yang ada di-negeri ini ia-itu ILO, WHO, UNICEF, UNESCO, ECAFE, FAO dan begitu juga Commission on the Status of Women yang baharu<sup>2</sup> ini Malaysia telah pun menghantar wakilnya ka-Persidangan Surohanjaya Taraf Wanita itu.

Yang saya maksudkan ia-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini Agencies United Nations ini ia-lah berpechah<sup>2</sup> dalam Kementerian<sup>2</sup> saperti ILO di-bawah Kementerian Buroh, WHO di-bawah Kementerian Kesihatan dan begitu juga UNICEF dan sa-lanjutnya di-Kementerian<sup>2</sup> yang berkenaan dengan tidak ada-nya satu coordinating department atau pun sa-bagai liaison yang menjadikan penghubung antara badan<sup>2</sup> ini. Jadi, timbul masalah ini ia-lah kerana berlaku daripada pengalaman saya sendiri apabila datang-lah pertanyaan yang berupa senarai questionnaires yang di-datangkan daripada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu di-hantar salinan-nya kapada saya dan begitu juga kapada Kementerian Luar Negeri, maka sa-sudah beberapa lama

questionnaires ini tidak ada, nampaknya, langkah<sup>2</sup> di-ambil untuk mendapat jawapan sungguh pun dalam Dewan ini juga pehak Menteri telah pun memberi jawapan bahawa questionnaires yang mengenai dengan kemajuan<sup>2</sup> wanita di-negeri ini akan di-sampaikan dan diberi jawapan supaya boleh-lah dimasukkan ka-dalam buku report yang di-buat oleh Setia-usaha Agong Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila pergi-lah saya menanya hal ini kepada Kementerian Luar Negeri di-bawah sekshen yang menguruskan bahagian Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, saya telah di-beri tahu bahawa yang hendak menjawab soalan<sup>2</sup> ini bukanlah pehak Kementerian Luar Negeri, tetapi ada-lah di-bawah tanggung jawab UNESCO.

Dengan berpandu kenyataan di-beri kepada saya, saya pun pergi-lah bertemu dengan pegawai yang menguruskan pehak UNESCO ini tetapi akhir<sup>2</sup>nya saya dapat tahu kerana ini tidak-lah ada sangkut paut dengan UNESCO tetapi ada-lah di-bawah kelolaan Kementerian Luar Negeri sendiri. Jadi, rasa saya untuk melichinkan urusan<sup>2</sup> yang datang dari Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, kerana kita telah menjadi Ahli Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, jangan-lah rasa saya kita anggap sepi dan kita hanya mahu dengan tidak, menggunakan sa-penoh-nya faedah<sup>2</sup> yang kita boleh dapat dengan mengambil bahagian di-dalam Agency Bangsa<sup>2</sup> Bersatu ini, maka elok-lah pehak Kementerian Luar Negeri mengadakan satu liaison atau pun satu badan penghubung supaya dapat-lah kira-nya segala Agency<sup>2</sup> United Nations ini di-gabungkan walau pun ia dudok di-dalam Kementerian<sup>2</sup> yang berkenaan tetapi ada-lah badan penghubungan yang mengeruskan yang mengambil tahu akan segala hal ini.

Ini saya cheritakan lagi hinggakan bagi diri saya yang telah di-pilih oleh Kerajaan untuk mewakili Malaysia dalam Surohanjaya Taraf Wanita Bangsa<sup>2</sup> Bersatu; hingga-lah di-masa yang sangat suntok baharu-lah saya dapat tahu sama ada akan pergi lagi ka-persidangan itu tidak; jadi ini hanya-lah menunjukkan contoh<sup>2</sup> bahawa ada perkara<sup>2</sup> yang tidak berjalan dengan lichin. Jadi, saya harap perkara

saperti ini di-masa hadapan akan dapat-lah sa-kira-nya pehak Kerajaan menjawab segala *questionnaires* yang di-datangkan oleh Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, kerana pehak saya sendiri saya rasa tentu-lah sa-patut-nya apa juga kemajuan<sup>2</sup> kaum wanita kita bukan-nya sahaja di-dalam rekod<sup>2</sup> yang menunjukkan kemajuan wanita, tetapi ada banyak lagi laporan yang di-keluarkan oleh Setia-usaha Agong Bangsa<sup>2</sup> Bersatu patut-lah negara kita ini tidak ketinggalan memberikan penerangan<sup>2</sup> dan penjelasan berupa *statistics* atau pun apa juga yang patut kita jawab dalam pertanyaan<sup>2</sup> tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hal ini juga, saya juga merasa dukachita kerana hingga-lah pada saya sudah sampai ka-Persidangan itu pun jawapan daripada Kerajaan tidak sampai lagi dan Kerajaan Singapura yang baharu sahaja merdeka beberapa tahun itu pun sedia memberikan kerjasama dengan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan sedia memberikan jawapan<sup>2</sup> tentang kemajuan wanita<sup>2</sup> di-Singapura, maka ini rasa saya tentu-lah satu perkara yang saya fikir patut sangat di-ambil perhatian oleh Kerajaan di-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kerana berjaya tidak-nya Surohanjaya Taraf Wanita ini memperbaiki atau meninggikan taraf wanita<sup>2</sup> di-dunia ini ia-lah bergantung kepada Kerajaan sa-sabuah negeri, maka oleh kerana itu-lah saya suka-lah mengemukakan dalam Dewan ini hasil<sup>2</sup> daripada persidangan yang sudah itu, ia-itu Persidangan Yang ke-21 yang baharu sahaja berlangsung di-New York daripada bulan Januari hingga-lah membawa ka-pertengahan bulan Februari. Saya hanya-lah akan mengemukakan butir<sup>2</sup> yang kasar sahaja, ia-itu bersangkutan dengan keadaan kaum wanita di-negeri ini maka timbul-lah satu perkara yang sangat menarek hati, ia-itu tentang Undang<sup>2</sup> Keluargaan atau pun Family Law. Saya sendiri telah pun mengemukakan kepada pehak Bangsa<sup>2</sup> Bersatu supaya dapat-lah kira-nya di-adakan seminar untuk negara<sup>2</sup> yang bersamaan undang<sup>2</sup> keluargaan kerana tidak semua-nya undang<sup>2</sup> Family Law ini dalam dunia sa-rupa, tetapi ada yang berdasarkan

ugama ada, yang berdasarkan 'adat bagitu juga keadaan<sup>2</sup> yang lain. Jadi, kerana itu-lah saya bagi pehak Malaysia meminta supaya di-adakan sa-buah seminar yang membinchangkan hal<sup>2</sup> kekeluargaan daripada negara<sup>2</sup> Islam yang di-anjorkan oleh Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan dalam Dewan ini.

Suka-lah saya menchadangkan sa-chara rasmi kepada pehak Kerajaan supaya dapat-lah kira-nya negeri kita ini menjadi *host country* kepada seminar yang akan di-anjorkan oleh Bangsa<sup>2</sup> Bersatu itu, kerana dengan jalan ini, rasa saya dapat-lah kira-nya dibinchangkan masaalah<sup>2</sup> yang mengenai dengan masyarakat Islam berkenaan dengan nikah-kahwin, berkenaan dengan tanggungan nafkah, berkenaan dengan penjagaan anak<sup>2</sup>, bagitu juga pembahagian harta pencharian dan lain<sup>2</sup>-nya. Ini di-buat ia-lah berpandukan kepada hukum<sup>2</sup> Islam, maka kerana itu-lah saya kemukakan dalam persidangan tersebut e'ok-lah di-adakan seminar sa-umpama itu tidak-lah hanya berpandukan kepada region saperti yang di-buat yang sudah<sup>2</sup> oleh United Nations, tetapi ia-lah berpandukan kepada negeri<sup>2</sup> yang bersamaan undang<sup>2</sup> keluarga-nya atau pun Family Law. Kerana itu-lah, saya berharap benar-lah kira-nya Kerajaan menerima chadangan ini kerana di-masa yang sudah pehak Kerajaan sudah pernah menjadi *host country* pada beberapa seminar yang di-anjorkan oleh Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, maka ini rasa saya tentu-lah kita akan dapat memecahkan masaalah<sup>2</sup> yang besar dapat-lah kira-nya ahli<sup>2</sup> yang mengambil bahagian itu bertukar<sup>2</sup> fikiran chara mana-kah perjalan, atau pun undang<sup>2</sup> yang di-buat di-negara<sup>2</sup> Islam yang lain.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasil daripada Persidangan Commission on the Status of Women ia-lah tentang langkah<sup>2</sup> yang akan di-minta supaya kira-nya deklarasi bedza-membedza terhadap kaum wanita di-hapuskan, ia-itu supaya di-adakan langkah<sup>2</sup> supaya dapat-lah kira-nya sa-benar-nya tidak dasar bedza-membedza terhadap kaum wanita ini dapat di-hapuskan.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya tentu-lah barangkali di-negeri kita ini, kita mengadakan satu dasar, kita menentang perbedzaan<sup>2</sup>, tetapi hanya-lah perbedzaan warna kulit, tetapi kita tidak menentang dasar perbedzaan kerana jantina atau kerana sex, maka di-sini saya merasa sangat dukachita kerana kalau-lah di-dalam Uchapan Budget ini Kerajaan telah pun menyatakan di-sini boleh di-katakan Kerajaan sa-bagai *good employer* atau pun *almost ideal employer*. Perkataan yang saperti ini rasa saya pada pehak kaum wanita di-negeri ini yang menjadi pekerja<sup>2</sup> kepada Kerajaan tentu-lah barangkali susah hendak menerima, kerana pehak kaum wanita maseh belum lagi mendapat keadilan ekonomi, dasar gaji sama yang telah di-janjikan oleh Kerajaan itu belum pun lagi di-laksanakan. Jadi, kerana itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menarek perhatian Dewan ini boleh di-katakan negara kita ini-lah salah sa-buah negara yang maju di-Asia, tetapi belum lagi memberikan gaji sama ini kepada pekerja<sup>2</sup> kaum wanita yang membuat kerja<sup>2</sup> yang sama.

Daripada chatetan<sup>2</sup> yang terkandung dalam laporan Setia-usaha Agong Bangsa<sup>2</sup> Bersatu nyata-lah bahawa negara<sup>2</sup> jiran kita saperti Indonesia, Filipina, Republic of China, Thailand, India, Pakistan, Burma, Ceylon, semuanya ini telah pun memberikan gaji sama kepada kaum wanita-nya, tetapi ini-lah yang saya susah hendak menerangkan di-luar negeri mengapa-kah Malaysia sa-buah negara yang boleh di-katakan mempunyai kekokohan ekonomi boleh di-katakan yang kedua daripada negeri Jepun, maka mengapa-kah kita tidak dapat memberikan atau melaksanakan dasar gaji sama untuk pekerjaan yang sama untuk kaum wanita? Saya sendiri tidak dapat-lah memberi jawapan ketika saya ditanyakan soalan<sup>2</sup> sa-umpama ini dalam persidangan, baik di-persidangan yang saya hadhir di-Berlin pada tahun 1965, bagitu juga di-persidangan Surohanjaya Taraf Wanita Bangsa<sup>2</sup> Bersatu yang saya sendiri telah menghadhirinya dua tahun berturut<sup>2</sup>. Jadi, saya minta-lah penjelasan daripada pehak

Kerajaan apa benar-kah yang menghalang Kerajaan kita tidak dapat melaksanakan gaji sama kepada kaum wanita kalau mithal-nya Ceylon sabagai sa-buah negeri yang kechil, bagitu juga di-Cambodia, Thailand, Filipina, Indonesia yang keadaan ekonomi-nya boleh di-katakan jauh lebeh merosot daripada kita, tetapi mereka sanggup memberikan gaji sama kepada kaum wanita. Jadi, saya minta-lah pehak Kerajaan memberikan kenyataan yang jelas; kalau perkara ini maseh hendak di-tanggohkan lagi, beri-lah kami alasan<sup>2</sup> yang menasabah supaya jangan mengechewakan hati kaum<sup>2</sup> wanita di-negeri ini, kerana ini telah di-janjikan oleh Kerajaan, ia-itu hendak di-laksanakan pada awal tahun 1968.

Discriminasi terhadap kaum wanita ini, Dato' Yang di-Pertua, sendiri telah ada juga menyebut sadikit sa-malam berkenaan dengan penchen bukan-lah sa-takat itu sahaja, tetapi anak<sup>2</sup> perempuan kita di-galakkan masok Technical School, tetapi apabila mereka telah keluar daripada Technical College ini, walau pun dengan kelayakan yang sama, tetapi saya dapati untuk mendapat peluang bekerja itu, kalau kita tengok-lah di-dalam iklan<sup>2</sup> yang di-keluarkan oleh Kerajaan, maka ternyata-lah anak<sup>2</sup> perempuan yang ada mempunyai kelayakan *technical* ini tidak pun di-pelawa meminta jawatan<sup>2</sup> yang kosong itu. Maka rasa saya inilah satu perkara yang mendukachitakan hati anak<sup>2</sup> perempuan kita sedangkan mereka pergi pada sekolah yang sama, belajar dan mereka juga mengambil pepereksaan yang sama dengan syarat yang sama, tetapi apabila mereka<sup>2</sup> sampai menempoh kehidupan untuk menchari pekerjaan, maka mereka tidak dapat peluang yang sama.

Jadi dengan kerana ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu-lah pada pehak Kerajaan supaya perkara<sup>2</sup> macham ini kita dapat-lah kira-nya atasi di-masa hadapan, atau membuatkan satu peratoran yang sama untuk kaum wanita. Tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu bahawa di-negeri ini ada sa-tengah<sup>2</sup> kaum wanita-nya mendapat gaji sama ia-itu di-lapangan<sup>2</sup> yang tertentu saperti mereka yang bekerja dalam radio, bagitu juga saperti

yang bekerja di-bidang perundangan dan bagitu juga mereka yang bekerja menjadi doktor; mereka ini ada mendapat gaji yang sama dan guru<sup>2</sup> juga di-Sabah dan Sarawak mendapat gaji yang sama, tetapi guru<sup>2</sup> di-Malaysia Barat tidak mendapat gaji yang sama. Maka dengan kerana ini-lah kalau-lah kiranya kita tinjau perkara ini keseluruhannya tentu-lah rasa saya tidak-lah salah, kalau kaum wanita di-negeri ini maseh lagi menuntut keadilan ekonomi, kerana mereka tidak dapat keadilan ekonomi, mereka bertungkus lumus bersekolah dengan susah payah yang sama saperti anak laki<sup>2</sup>, tetapi dari segi mendapat peluang, mereka sangat kurang sa-kali.

Sa-lanjut-nya, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menyebutkan lagi untuk meminta penjelasan daripada pehak Kerajaan, ia-itu mengapa-kah Pegawai<sup>2</sup> Wanita Division I yang telah bekerja lebeh 10 tahun dengan Kerajaan, apabila mereka hendak pergi berchuti (berholiday) tidak dapat membawa suami mereka kalau suami mereka tidak bekerja dengan Kerajaan, tetapi tidak bagitu dengan sa-orang Pegawai Division I laki<sup>2</sup>—dia boleh membawa isteri makan angin. Ini rasa saya tentu-lah tidak bagitu menasabah, sa-patutnya kaum wanita itu-lah yang mesti di-temani oleh suami-nya. Ini berlaku kapada salah sa-orang teman saya yang tidak dapat membawa suami-nya kerana suami-nya itu tidak bekerja dengan Kerajaan, sedangkan wanita ini memberikan khidmatan-nya yang sama kapada Kerajaan. Jadi, saya minta-lah penjelasan daripada pehak Kerajaan mengapa-kah ada-nya dasar<sup>2</sup> sa-umpama ini pada hal di-negara kita ini yang rasa saya chukup baik dan chukup makmor sa-takat yang kita dapat lihat pada hari ini, tetapi kaum wanita-nya maseh tidak lagi mendapat keadilan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah pun menyatakan supaya dapat-lah kira-nya di-bena universiti yang lebeh banyak lagi di-negara kita. Ini, saya setuju-lah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi pehak saya yang lebeh membingbangkan anak<sup>2</sup> yang terpaksa keluar daripada sekolah

dalam umur-nya yang maseh kechil dan ini maseh besar bilangan-nya, ia itu anak<sup>2</sup> yang berumur belasan tahun antara 14 hingga 15 tahun yang gagal dalam L.C.E. bagitu juga yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ka-peringkat menengah. Rasa saya ini-lah satu perkara yang sangat memeningkan kepala kerana saperti yang di-ucapkan juga oleh beberapa orang Ahli Dewan ini, anak<sup>2</sup> ini ada-lah anak<sup>2</sup> yang tidak dapat di-gunakan untuk apa pun, kerana mereka tidak boleh dapat pekerjaan, juga mereka tidak cukup kelayakan, hendak memotong getah pun mereka tidak mahu, hendak kasawah pun mereka ta' mahu kerana mereka tidak biasa.

Tuan Yang di-Pertua, maka di-sini saya suka-lah mengshorkan barangkali juga pehak Kerajaan boleh memikirkannya supaya di-adakan lebeh banyak vocational and technical training dan dari segi ini, saya telah pun menjumpai wakil daripada ILO di-United Nations, ia itu kalau-lah pehak Kerajaan mahu mengemukakan permintaan kepada ILO supaya kita mendapat bantuan mengadakan vocational and technical training di-negara kita ini dengan sabanyak-nya, tentu-lah rasa saya masalah<sup>2</sup> yang sa-umpama ini dapat di-atasi.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk pekerja<sup>2</sup> yang di-namakan *white collar workers* itu telah banyak, tetapi kita memerlukan blue collar workers ia itu mereka<sup>2</sup> yang ada skill, kita berkehendakkan pekerja<sup>2</sup> yang ada skill kalau pun hendak menjadikan buroh, jangan-lah saperti yang di-katakan pada pagi tadi, buroh yang di-hantar ka-Sabah, ka-sana ka-mari dengan tidak cukup *skill* kerana yang tidak ada skill ini tidak-lah ada harganya dalam pasaran buroh atau pun dalam *labour market*, kerana itu-lah untuk memberi skill kepada anak<sup>2</sup> kita ini supaya dapat di-gunakan, rasa saya tidak-lah salah-nya kalau pehak Kementerian mengemukakan permintaan kepada ILO supaya dapat-lah kira-nya di-adakan sekolah<sup>2</sup> atau di-banyakan lagi sekolah<sup>2</sup> yang sa-umpama ini. Saya sedar MARA akan mendirikan sekolah yang akan melateh anak<sup>2</sup> kita tetapi ini tidak-lah memadai memandangkan

ramai-nya bilangan anak<sup>2</sup> yang terlantar, yang tidak ada pekerjaan, dan bagitu juga yang tidak dapat di-gunakan untuk apa pekerjaan pun; jadi oleh kerana itu-lah tidak usah jauh, Tuan Yang di-Pertua, dari Kampong Baharu tempat saya tinggal itu pun anak<sup>2</sup> ini sentiasa mengganas dan sentiasa-lah mengadakan atau pun membuat perbuatan<sup>2</sup> yang mengganggu dan bagitu juga mengachau di-sana sini. Ini saya rasa tidak-lah dapat di-salahkan anak<sup>2</sup> ini, kerana mereka ada-lah penoh dengan tenaga. Mereka ada-lah terdiri dari anak<sup>2</sup> yang sihat, tetapi oleh kerana tidak ada satu pun yang dapat di-buat oleh mereka, maka kerana itu-lah mereka ini berkelakuan saperti yang demikian. Jadi, saya meminta benar-lah di-samping kita memikirkan dengan dalam-nya bagaimana-kah chara-nya hendak menambahkan universiti, tetapi rasa saya anak<sup>2</sup> ini-lah yang perlu sa-kali kita tambah atau pun kita beri pelajaran supaya dapat-lah mereka itu berguna dan jangan-lah hanya menjadi perosak kepada masyarakat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya meng-ucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan dan Penyiaran, kerana baharu nampak-nya ada-lah kegiatan<sup>2</sup> itu makin bertambah terutama sa-kali atas risalah<sup>2</sup> yang di-keluarkan untuk luar negeri, tetapi di-samping itu saya berharap juga-lah Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini bergiat juga pergi ka-kampong<sup>2</sup> untuk memberi penerangan<sup>2</sup> yang lebeh berguna kepada ra'ayat, kerana banyak perkara<sup>2</sup> yang boleh di-buat oleh Kementerian Penerangan dari segi memberikan pelajaran kepada orang<sup>2</sup> kampong saperti yang telah di-sebutkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ia itu orang<sup>2</sup> kampong tidak tahu menggunakan wang dan sa-bagai-nya dan mereka ini tidak tahu menjimatkan wang dan sa-bagai-nya dan mereka ini tidak tahu menjimatkan wang atau pun juga berbagai<sup>2</sup> perkara lagi yang mereka tidak tahu; maka dari segi ini, rasa saya tentu-lah Kementerian Penerangan dan Penyiaran dapat memberikan siaran<sup>2</sup> yang lebeh berguna ka-kampong<sup>2</sup> supaya dapat-lah kira-nya Pegawai<sup>2</sup> Penerangan itu pergi ka-kampong<sup>2</sup> memberikan pelajaran dan

bagitu juga mendidek orang<sup>2</sup> kampung kita chara mana yang sa-patut-nya dan chara mana supaya mereka dapat menggunakan hidup mereka itu dengan chara yang lebeh berfaedah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, salah sa-orang Ahli Pembangkang dalam Dewan ini tadi telah menyebutkan, ia-itu supaya Kerajaan menggunakan *compulsory voting* atau pun memaksa ra'ayat mengundi. Bagi pehak diri saya, tidak-lah menyetujui pendapat Pembangkang ini, kerana rasa saya negara kita ini sa-buah negara yang mengamalkan dasar demokrasi, maka kalau-lah kita memaksa mereka itu mengundi apa-kah chorak demokrasi yang kita pakai di-negeri ini tentu-lah tidak sesuai, malang-nya Ahli Yang Berhormat itu tidak ada dalam Dewan ini.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat itu tadi ada menyebutkan bahawa kita telah menjual getah kita kepada Russia dan Kominis China sa-umpama-lah kita ini sudah terkena perangkap, kerana itu-lah kata-nya Russia dan Kominis China itu tidak membuat kilang synthetic rubber; tetapi pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak-lah menjadi alasan yang muktamad, atau pun alasan yang dapat di-terima kerana saya perchaya di-Russia juga ada kilang synthetic rubber tidak-lah seperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Enche' Amaluddin Darus tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sa-kali suka-lah saya menguchapkan terima kaseh dan tahniah kepada pehak Kerajaan yang pada tahun ini telah dapat membuat anggaran perbelanjaan walau pun menghadapi kekurangan wang ber-juta<sup>2</sup> ringgit tetapi tidak-lah menambahkan chukai ka-atas ra'ayat jelata. Dengan ini sa-kali lagi saya uchapkan berbanyak terima kaseh.

**Tan Sri G. Shelley:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, the Budget before us is what may well be termed the ideal Budget from the point of view of rate-payers. The control of our finances is in the good hands of our Minister of Finance, but this could not be said of the control of finance at State level. The Report of the Auditor-General, year after year, speak of errors not

corrected and arrears increasing continually. I trust that the Parliamentary Committee on Accounts will take this matter up seriously and, if necessary, bring the officers to Kuala Lumpur to get down to the root cause of why finance handling in the States is not as good as it should be.

In the Federal Estimates a very significant item in the Budget is the provision of \$252 million for expenditure on defence. This amount is 13% of the total expenditure for the country or, in other words, for every \$100 of the rate-payer's contributions, \$13 is set aside for defence. Even more alarming is that this means that nearly \$700,000 a day is being spent on defence. One cannot think of a more unproductive way of spending hard-earned cash, money which may well be spent in tending to our social services. More significant is that the more money we spend on defence, the more of our young men and women are being drawn away from productive work, work which if done in the fields could be towards filling the empty rice bowls of the millions of starving people around the world today. This valuable manpower seems such a wastage and yet there is nothing that can be done about it. We are not alone in this predicament, for many other countries in Asia are in the same situation, and we all seem to be helpless in this plight. This colossal sum of money spent on defence could better be used in bolstering up our economy and to better the livelihood of our people. Instead we have to use large sums to build up our defence against the hazard that is common to each and everyone of the countries around us, and that hazard is the aggression of militant Communism.

We have battled militant Communism for nearly 20 years and yet today we are still fighting a shooting war in many parts of the country. At the height of the Emergency, the cost of defending our country against militant Communism reached the figure of \$1 million a day and this figure may well be reached as we approach that fateful era of 1971. The only person who can help prevent this large sum of money

being expended is that man Mao Tse Tung, if he will only indicate that he has no desire to violate our territorial boundaries or interfere with our way of life. This will bring immeasurable benefits to his country and to the rest of Asia.

So, what is the solution to the problem? Do we have to spend more and more each year of our wealth on defence? Are the countries in Asia and South-East Asia unable to wield re-thinking of that world forum, the United Nations? This is an Asian problem and it requires an Asian solution. Is it possible for the group of Asian nations at the United Nations to jointly tackle the problem of defence spending within Asia and South-East Asia? Few, if any, of these nations can afford these large sums being diverted to defence spending. Most of us, or all of us, are at the borrowing end, and diverting the money that we borrow to defence does not seem to be the right thing to do. Is there anything to prevent the Asian group of nations at the United Nations to have a dialogue, through this world body, with Mao Tze Tung? I am pessimistic of their ability to do that but, anyway, if we put our cards on the table and let the world know how much this area of the world is spending on defence, perhaps even if Mao Tse Tung does not indicate something we will probably be able to brandish Mao Tse Tung thoughts in this regard.

Sir, one other action in which Malaysia as a member of the United Nations could initiate is to bring back the war in Vietnam in one particular area to the *status quo* that existed a few weeks ago. I refer to the demilitarised zone which was brought about by lengthy deliberations a few years ago when the French scuttled away. It would be a worthwhile effort to neutralise this demilitarised zone once again.

On the Ministry of Welfare, I would have liked to have seen an increase in the allocations for this Ministry. There is much more that it can do in welfare service in Malaysia. This Ministry appears to be the Cinderella of our Ministries. I am

thinking particularly of the recent floods in Johore, where 16,000 evacuees were shifted from their homes and where there was a considerable amount of damage done to houses in the kampongs. There is much rehabilitation work to be done here and I wish that Government, either at the State level or the Federal level, will hasten on to the job of rehabilitating these people. Their houses were washed away by the floods and up to today these houses have not been rebuilt. Surely, it is not necessary to call in know-hows or consulting engineers or architects? The simple occupants of the house, these illiterate people, will tell you all about what is needed—the number of attap pieces or timber—and the sooner we get on with the job the better would the kampongs look.

In this connection, the kampong folks at Kota Tinggi and Batu Pahat, where the floods occurred, are the victims of fragmentation. Today they are employed at a very low wage. Perhaps, this is the time to survey these areas and look into the livelihood of these people, so that their standard of living can be raised. What I am thinking of is that we may well introduce here cottage industries. This is a branch of industry that the Ministry of Commerce and Industry may well look into and introduce into our kampongs. I mention Johore particularly, because Johore, in due time, as we approach that fateful year, 1971, is going to be a problem in the hands of the Government. Unemployment is going to rise steeply as quite a number, may be a few thousands of young people, who are employed as domestic helps are going to be thrown out of jobs. Today these young men and women, particularly women, are earning \$60 for half a day's work per month or \$120 for a whole day's work per month, but they are going to be denied of this money. Moreover, with the pull-out there will be a considerable number of shops and other establishments closing down because of the loss of clientele, and so Johore is going to be a difficult problem for the Government with all these unemployed people in their hands.

I am happy to see that our Honourable Minister of Education has made a statement on politeness and the manners of our young people, particularly in schools. The other day I was asking a child in the 5th Standard about his *Bahasa Kebangsaan* and I asked him "What do you say when the teacher comes in?". He said "Well, I say Selamat Pagi Che'gu". Then I asked him, "What does the teacher say"; he replied, "Nothing". Teachers have to be taught politeness before they can teach politeness. I think, a word that is absent from the teachers vocabulary's 'thank you'; a 'thank you' to the man who serves him on a 'thank you' to the taxi driver. It is such a beautiful practice of "thank you's" in the West. We used to say "thank you" before in the good old days, but one hardly hears it nowadays. One sees a rush for tickets, rush to the various box office windows, but seldom a decent queue. The teachers have attracted quite a lot of attention to their code of conduct these days.

On the question of extra-moral activities, I remember the days, in my school days, when we used to come to school at 9 o'clock in the morning or before that, I think it was 8.45 or 8.30 and knock off at about 4 o'clock or 4.30, about 7½ hours schooling, but today teachers come in at 8 o'clock and knock off at 1 o'clock and they say they are too tired to come back for extra-moral activities. They work for five hours today while their counterparts in the old days worked for 7½ hours. They must be soft when compared with the teachers of yesterday.

There was an incident a couple of weeks ago. A school child was practising the hurdles, fell and sprained her wrist. This was in the afternoon school and the teacher took this child to hospital, but not a word was conveyed to the parents. The parents waited till 8 o'clock and the child not having come home, the mother went down the road, looked here and there, enquiring from relatives and returned home at 10 o'clock to see if the child was at home. The child was not yet at home; she left the house again and

searched the streets. The mother could not afford a taxi and it was no use taking the bus then; the parents were poor people. About midnight a friend found her strolling along the street and asked her why she was there. She said that she was looking for her daughter, who had not returned from school since 6 o'clock that evening. Incidentally, she had already been to hospital where they said that there was no such person admitted to the hospital. When this friend heard this, he said "Before we go to the police station, let us go to the hospital once again". So, they went to the hospital again, saw the same person, who said that there was no such girl admitted to the hospital. This friend was a little more aggressive and said "There must be; look into some other book". And after one or two different ways of checking, they found this little girl there. And the mother eventually returned home at 2.00 a.m. the next morning. Does the conduct of the teacher represents the attitude of all teachers? What type of teachers are we having today? Is there something wrong in the selection of teachers?

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Belanjawan yang dikemukakan dalam Dewan ini. Saya suka memberi beberapa pandangan mengenai beberapa perkara yang difikirkan patut mendapat perhatian dari pihak Kementerian<sup>2</sup> kita. Tetapi, sebelum daripada itu lebih dahulu saya hendak menegur sedikit ucapan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat rakan kita Tuan Amaluddin bin Darus yang telah pukul dan lari dan tidak duduk di-hadapan kita, ia-itu tentang perkataan-nya menudoh Kerajaan Perikatan ini pengkhianat dengan kerana menjual getah<sup>2</sup>-nya kepada negara Russia dan juga negara<sup>2</sup> kominis yang lain.

Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu, tidak-lah sejarah telah menchatetkan yang besar pengkhianat-nya ia-lah pemimpin<sup>2</sup> Parti Islam sa-Tanah Melayu yang telah berhubung dengan kominis sa-masa negara kita dalam keadaan terancham oleh kominis Indonesia? Sejarah telah

menchatetkan pemimpin<sup>2</sup> yang menda'awa diri-nya sa-bagai pemimpin Islam ini-lah sa-benar-nya pengkhianat besar berhubungan dengan kominis untuk menghanchorkan Kerajaan yang berdemokrasi di-negeri kita ini. Untuk menutupkan sejarah yang bagini besar, maka mereka ini chuba menghalakan tudohan<sup>2</sup>-nya kapada Kerajaan kita.

Kerajaan menjual getah kapada Negara<sup>2</sup> Komunis itu untuk menambahkan hasil negara kita untuk memberi makan, minum dan pakaian dan sa-bagai-nya kapada ra'ayat negara kita ini dan untuk memberi pinjam kapada Kerajaan PAS di-Kelantan, kerana membayar gaji kaki-tangan-nya, maka mereka ini menudoh kita sa-bagai pengkhianat, kerana mendapatkan hasil dari negara<sup>2</sup> Komunis. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu dan parti-nya patut menjalankan satu operasi—operasi membaiki diri, operasi membaiki fikiran, operasi membaiki hati, operasi membaiki Kerajaan-nya sendiri. Ini-lah yang perlu dalam sa'at yang sangat mustahak operasi<sup>2</sup> membaiki hati dan fikiran ini patut dilakukan supaya tidak merosakkan dan menchemarkan sejarah dan perjalanan Kerajaan demokrasi kita, dan tidak menchatetkan sejarah hitam di-dalam negara kita ini.

Saya tidak hendak menegor dengan panjang lebar dalam perkara<sup>2</sup> lain, kerana saya tahu tiap<sup>2</sup> kali Meshuarat Belanjawan, Ahli Yang Berhormat ini sentiasa-lah menjalankan satu kaedah memberi *lecture* sa-olah<sup>2</sup>-nya menghadapi ra'ayat untuk berkempen mendaptkan undi. Beliau sentiasa pada tiap<sup>2</sup> tahun dalam Dewan ini sa-olah<sup>2</sup> sa-bagai guru yang memberi *lecture* kapada murid<sup>2</sup>-nya mengajar bagaimana sejarah ilmu alam dan sa-bagai-nya berpusing<sup>2</sup> ka-sana ka-sini. Jadi, saya rasa ucapan<sup>2</sup> yang tidak berisi ini tidak harus di-jawab, tidak harus di-layan dan patut di-tinggalkan sahaja bagitu.

Saya rasa perlu saya kemukakan beberapa perkara yang mengenai hal ekonomi negara kita ini. Saya suka kemukakan satu pandangan supaya Kementerian Perdagangan dan Perusahaannya kita memikirkan balek dan

menimbangkan supaya di-tahan sa-barang kemasokan barang<sup>2</sup> yang di-panggil *synthetic rubber* kerana negara kita ini negara pengeluar getah, tidak harus negara pengeluar getah mesti membawa masok getah<sup>2</sup> tiruan. Apa yang saya tahu kilang tayar<sup>2</sup> saperti Dunlop dan sa-bagai-nya yang ada di-negara kita ini telah mendapat pioneer status yang mendapat segala pengechualian chukai dan sa-bagai-nya maseh membawa masok, maseh menggunakan apa yang di-panggil *synthetic rubber*, atau pun getah tiruan dalam menggunakan dan mengeluarkan hasil pengeluaran kilang ini. Walau pun saya tahu tayar itu terpaksa di-champor getah<sup>2</sup> tiruan, tetapi tidak harus di-champor dengan peratus-nya bagitu besar yang patut-nya Kerajaan menghalusi, ada-kah peratus champoran getah tiruan itu memadai, atau pun chukup, atau pun memberi keuntungan kapada galakan bagi menggunakan getah<sup>2</sup> asii kita ini. Apa yang saya tahu kilang di-Amerika sa-masa saya dapati kilang tayar di-Amerika itu mereka champorkan lebeh daripada 80% getah<sup>2</sup> tiruan yang di-gunakan untuk membuat tayar<sup>2</sup> yang kechil, ia-itu tayar<sup>2</sup> motokar dan sa-bagai-nya. Saya bimbang 80% ini juga di-gunakan di-dalam kilang<sup>2</sup> yang ada dalam negeri kita ini. Kalau-lah 80% atau 90% getah<sup>2</sup> tiruan ini di-gunakan dalam kilang<sup>2</sup> yang kita buat di-negara kita ini, saya rasa ini ada-lah merugikan kita, dan ini bukan sahaja merugikan kita bahkan merugikan negara kita ini. Jadi, saya harap Kementerian yang berkenaan akan menjalankan satu penyelidikan yang halus berapa peratus-kah yang paling rendah sa-kali yang mesti di-gunakan oleh kilang<sup>2</sup> ini dan hendak-lah di-buat sekatan yang paling ketat sa-kali supaya barang yang di-buat daripada getah yang di-gunakan dalam negara kita ini hendak-lah champoran-nya mesti di-halusi dengan sa-benar-nya supaya dapat menjamin penjualan getah dalam negara kita sendiri.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak menyebutkan tentang ada-nya satu perjanjian yang berkaitan dengan perkapalan dan pengangkutan kapal

yang di-buat di-antara pengeluar<sup>2</sup> di-negara kita ini dan juga di-Singapura. Mereka itu terikat dengan perjanjian pengangkutan perkapalan yang mana harga pengangkutan yang sangat-lah tinggi dan dalam satu dua hari ini telah di-sebutkan dalam akhbar di-katakan harga<sup>2</sup> pengangkutan ini telah di-turunkan. Tetapi, apa yang saya tahu, apa yang telah di-beri tahu oleh sa-tengah<sup>2</sup> golongan ahli perdagangan di-sini mereka berkata potongan itu ia-lah potongan kerana pengangkutan kapal yang telah selesai sa-telah selesai-nya pergaduhan di-Terusan Suez, maka harga itu telah di-turunkan bukan-lah harga yang sa-benar di-turunkan, tetapi harga yang di-naikkan itu di-kurangkan, atau di-potongkan.

Jadi, ini-lah satu permainan sa-olah<sup>2</sup>-nya oleh tuan<sup>2</sup> punya kapal ini supaya dapat menekankan pengeluar<sup>2</sup> kita di-negara kita ini. Saya tahu banyak ahli<sup>2</sup> perdagangan yang tidak mahu menyebutkan perkara ini, kerana tuan<sup>2</sup> punya kapal ini ada kumpulan<sup>2</sup> yang mempunyai perjanjian-nya dengan pengeluar<sup>2</sup> ini. Saya menyeru kepada pengeluar<sup>2</sup> ini supaya berpakat dengan pengeluar<sup>2</sup> yang ada di-Singapura supaya dikeluarkan daripada pakatan ini dan hapuskan perjanjian pengangkutan yang sa-umpama ini dan Kerajaan harus menggalakkan langkah ini dan menjamin kepada mereka sa-kira-nya ada tekanan yang sa-umpama ini hendak-lah Kerajaan champor tangan supaya dapat perjalanan pengangkutan kita ini berjalan dengan baik. Saya perchaya barangkali pengeluar<sup>2</sup> di-Malaysia ini tidak begitu besar dan mereka takut menghapuskan perjanjian yang sa-umpama itu, tetapi mereka ini boleh membuatkan satu pakatan dengan pengeluar<sup>2</sup> di-Singapura yang lebeh besar dan Kerajaan kita boleh memberi jaminan supaya menggalakkan mereka ini supaya harga perkapalan, tambang perkapalan ini menjadi pertandingan dan tidak di-ikat oleh kumpulan yang sa-umpama ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka menasihatkan kepada MARA kerana apa yang saya tahu hari ini MARA sedang berusaha untuk membenakan kilang<sup>2</sup> di-Malaysia ini dengan jalan *joint venture* dengan modal<sup>2</sup> daripada luar.

Saya menasihatkan supaya MARA berchermat dalam membolehkan pemodal<sup>2</sup> daripada luar ini, kerana pemodal<sup>2</sup> daripada luar ini sentiasa menchari siapa juga badan mana juga yang boleh menjadi alat perisai untuk bertanding dalam bidang perkilangan di-negara kita ini. Apa yang saya tahu, umpamanya, apabila MARA hendak membuka kilang kain di-Malaysia ini, MARA mengadakan *joint venture* dengan kilang di-Jepun dan MARA pula menjalankan satu *joint venture* yang sama itu dengan kilang di-Singapura. Kalau-lah pemodal di-Singapura dapat masok *joint venture* dengan MARA dalam mengeluarkan barang yang sama yang telah pun ada, kilang yang telah pun ada di-negara kita ini, umpamanya kilang kain kita telah ada di-sini, mengapa-kah sebab-nya kita mesti mengambil modal daripada Singapura untuk *joint venture* membuka kilang yang lain pula untuk bertanding dengan kilang yang telah ada? Tetapi lain-lah kalau sa-kira-nya MARA hendak membuka kilang yang barang-nya belum dapat di-keluarkan di-dalam negara kita ini. Ini kilang sudah ada, mengapa tidak di-buat *joint venture* dengan pemodal<sup>2</sup> yang telah ada kilang-nya berjalan di-sini, chuma di-besarkan kilang itu, mengeluarkan barang yang lebeh bermutu, mengeluarkan bahan<sup>2</sup> yang belum di-keluarkan ini ada-lah lebeh baik daripada menarek modal luar untuk bertanding berlawan dengan modal yang telah ada dalam negara kita ini. Saya rasa tidak bijak kalau sa-kira-nya MARA memilih pemodal<sup>2</sup> daripada Singapura yang boleh menggunakan MARA untuk memecahkan kilang yang telah ada dalam negara kita ini. Jadi, itu-lah saya menyeru supaya MARA ini berchermat, kerana MARA itu ia-lah satu perbadanan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan yang mesti di-perlindungan oleh Kerajaan. Jadi, perlindungan yang di-beri kepada MARA itu jangan-lah dapat di-gunakan oleh pemodal asing untuk memecahkan pula perkara<sup>2</sup> yang mengenai perkilangan di-dalam negara kita ini. Ini-lah yang saya seru supaya berchermat dalam memilih kilang<sup>2</sup> atau memilih modal<sup>2</sup> asing dalam hendak menetapkan kilang di-sini.

Saya tahu benar<sup>2</sup> pertandingan, perlawanan, persaingan dalam perkilangan dalam negara kita ini sangat-lah hebat. Dalam kehebatan pertandingan itu kalau sa-kira-nya kita tidak berchermat, maka sa-olah<sup>2</sup>-nya Kerajaan ini memasokkan diri-nya ka-dalam satu gulongan untuk berlawan dengan satu golongan yang lain. Lain-lah kalau sa-kira-nya perkara<sup>2</sup> yang di-fikirkan, kilang yang di-fikirkan boleh memberi pertolongan yang besar kepada bumiputra kerana MARA ditubuhkan untuk mendirikan, menegakkan ekonomi bumiputra. Saya memberi tahniah kepada chara, kepada usaha yang telah di-buat oleh MARA dan kepada usaha yang baharu di-buat oleh Pengerusi MARA, Senator Ghafar Baba kita yang terpaksa ka-luar negeri untuk menchari bantuan dan sokongan daripada modal<sup>2</sup> luar negeri. Tetapi, sa-harus-nya kita memerhati dan kita berchermat supaya tidak-lah bumiputra dengan bumiputra bertanding, atau pun bumiputra dengan kilang<sup>2</sup> yang bukan bumiputra bertanding, kerana pertandingan itu bukan merugikan satu orang, tetapi merugikan semua pehak.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan jentera Kerajaan pada masa ini. Saya rasa, sa-telah kita berjalan gerakan Malaysianisation atau pun gerakan Malaysiankan jabatan<sup>2</sup> Kerajaan sehingga hari ini saya dapati sa-tengah<sup>2</sup> jabatan yang telah di-Malaysianisation atau Malaysianisekan itu, nampak-nya makin sa-hari makin lemah dalam perjalanannya. Saya tunjukkan satu contoh bagaimana telah berlaku kepada jentera Kerajaan dalam Jabatan Talikom dan Pos. Pada masa dahulu kalau kita menghantarkan sa-puchok surat, surat itu tidak mengambil masa tiga atau empat hari untuk sampai di-dalam satu negeri yang sama. Umpamanya kalau sa-puchok surat daripada Kelantan hendak hantar ka-Kuala Lumpur, sa-lama<sup>2</sup> masa-nya dua hari tentu sampai; tetapi hari ini satu minggu, lima hari, baharu sampai sa-puchok surat. Taligeram yang patut sampai hari itu juga, terpaksa mengambil masa dua hari. Mereka ini—pegawai<sup>2</sup> Kerajaan—tidak mengeluarkan satu keputusan menyatakan kita *boycott* Kerajaan ini dengan chara

*work-to-rule*, atau sa-bagai-nya, tetapi mereka menjalankan gerakan itu dengan chara tidak memberi tahu kepada Kerajaan. Mereka menjalankan gerakan<sup>2</sup> *work-to-rule* ini, menjalankan peraturan sa-chara mentadbirkan kerja mengikut masa bekerja itu sa-hingga mereka tidak mempedulikan kepentingan ramai; mereka tidak mempedulikan kalau taligeram-nya datang daripada satu negeri yang di-tujukan kepada satu orang di-sini yang paling penting-nya taligeram itu untuk disampaikan kepada orang itu, mereka rasa masa sudah chukup 4.30 tinggal-kan taligeram itu dahulu, dan besok baharu hantarkan taligeram tersebut. Ini satu daripada chara yang boleh dikatakan pengkhianatan kepada Kerajaan. Ini satu gerakan sa-chara tidak jujur terhadap ra'ayat dan negara kita. Kalau ada-lah pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang marah kepada saya kerana mengeluarkan kenyataan ini barangkali pegawai Kerajaan itu mereka yang jujur dan bekerja dengan bertungkus-lumus, tetapi ada gulongan<sup>2</sup>, ada mereka daripada beberapa gulongan yang terasa diri-nya mesti bekerja mengikut peraturan, tidak mempedulikan hak ramai, kepentingan ra'ayat dan sa-bagai-nya. Jadi, saya rasa Ketua<sup>2</sup> Jabatan yang sa-umpama ini mesti sedar, dan mesti menyelidek, mesti mengambil tahu supaya tidak-lah negara kita ini, jentera kita ini, jentera Kerajaan ini menjadi rosak dan lemah yang boleh melemahkan pentadbiran kita.

Saya rasa P.S.C. patut mengambil tahu hal ini walau pun P.S.C. itu satu badan bebas; tetapi sungguh pun badan bebas tidak boleh di-tegor, saya rasa perlu P.S.C. itu mengambil berat dalam melihatkan jentera Kerajaan ini berjalan dengan baik. Kita tidak mahu ada gulongan, ada mereka yang mendapatkan kuasa bebas, tetapi tidak mengambil tahu tentang tanggungjawab apa yang ada di-bawah-nya itu.

Kita melihat apa yang berlaku mengenai guru, umpama-nya; satu orang guru yang telah di-perintah bertukar oleh Kementerian Pelajaran sa-hingga menentang Kementerian, kerana dia tahu P.S.C. yang berkuasa menimbang-kan hal-nya dan kerana dia tahu P.S.C. yang berkuasa menimbang hal-nya itu, maka dia sanggup berlawan dengan

Kementerian yang menjalankan arahan kapada-nya. Kalau-lah sa-orang pegawai Kerajaan sanggup menentang Kerajaan dan P.S.C. terpaksa mengambil masa yang panjang untuk memuluskan-nya, saya rasa ini boleh melemahkan chara pentadbiran negara kita ini.

Jadi, itu-lah saya rasa yang berkait dengan Jabatan Talikom, Jabatan Pos, dan banyak lagi jabatan<sup>2</sup> yang lain, umpama-nya Jabatan<sup>2</sup> yang berkaitan dengan orang ramai yang patut pekerjaan-nya di-jalankan dengan tulus ikhlas, pekerjaan-nya patut di-jalankan dengan tidak menimbangkan hal kesusahan diri; ini-lah patut di-kaji, patut di-sedari. Saya nampak dalam banyak Pejabat<sup>2</sup> Kerajaan hari ini waktu hendak memilih pekerja<sup>2</sup>-nya telah di-letakkan syarat sa-bagai kelulusan L.C.E. kelulusan F.M.C., kelulusan *Cambridge*, *graduate* dan sa-bagai-nya. Mereka ini yang lulus tinggi<sup>2</sup>, ini bila masuk kerja, tidak-lah sama dengan mereka yang tidak ada kelulusan yang masa zaman sa-belum ada-nya kelulusan itu.

Sa-orang postman yang tidak ada kelulusan L.C.E. lebeh rajin, lebeh berusaha, lebeh ikhlas bekerja daripada sa-orang postman yang ada School Certificate, atau pun F.M.C. itu. Sa-orang Telegraph Messenger lebeh ikhlas bekerja daripada yang tidak ada certificate, lebeh ikhlas daripada yang ada certificate L.C.E. dan F.M.C. Jadi, saya tengok syarat mengambil orang kerja ini pun patut di-kaji, patut di-perhatikan kapada keadaan tuboh badan, perangai, keikhlasan dan sa-bagai-nya. Jangan-lah sangat P.S.C. itu memandang kalau-lah orang ini ada F.M.C. Grade III, tetapi tengok ayer muka, *personality*, kelakuan-nya, tingkah laku-nya baik, rajin dan sa-bagai-nya, akuan-nya baik; tetapi ada satu orang yang passed F.M.C. Grade I di-ambil-nya Grade I, kerana ini qualification-nya yang chukup, ambil yang Grade I, ini qualification yang baik, yang tinggi; jangan kita ingatkan bagitu, sebab Grade I ini bukan-lah bagitu rajin-nya sa-bagaimana orang yang mempunyai Grade III. Sebab Grade III ini dia tahu dia Grade III kalau dia tidak

bekerja betul<sup>2</sup> satu hari nanti dia akan hilang kerja. Jadi, ikhlas-nya pekerjaan-nya itu lebeh rajin, lebeh berusaha. Sama juga dalam hal persekolahan.

Sa-orang graduate teacher, dia masuk kelas, dia baca sedikit, tulis sedikit sahaja, dia duduk, tetapi satu guru yang tidak ada *graduate* yang tidak ada kelulusan tinggi, dia boleh meng-ajar, boleh *polish* murid itu lebeh baik daripada satu guru yang *graduate*. Ini hendak-lah, saya rasa, Kerajaan meng-ambil satu timbangan adakan satu Jawatan-kuasa yang mengkajikan bagaimana perasaan dan jiwa kaki-tangan kita ini. Mesti menyiasatkan, ada-kah jiwa mereka ini rosak dengan kerana gaji-nya tidak mendapat pertimbangan, atau pun oleh kerana jiwa-nya memang rosak. Sebab kalau kita kata dahulu sa-orang guru Sekolah Melayu gaji-nya berapa sangat, hendak pakai motokar pun tidak dapat, hendak pakai *motor-cycle* pun tidak dapat, gaji-nya kechil \$80-\$100 sudah besar. Hari ini sa-orang guru boleh dapat pakai motokar lebeh besar daripada Menteri, Mercedes 200, kita kata Menteri pakai Mercedes 190; sa-orang guru sekolah pakai Mercedes 200. Jadi, kedudukan-nya itu sa-bagai guru sahaja lebeh besar pendapatan-nya, kebolehan-nya dan lagak-nya itu lebeh besar daripada Menteri. Jadi, ini-lah kelemahan yang timbul dalam jentera Kerajaan kita. Jadi, saya rasa kalau guru mithalan-nya, telah di-beri gaji yang chukup, telah mendapat kemewahan, telah mendapat kesenangan, tetapi jiwa-nya rosak, kerana apa dia rosak ini patut di-kaji. Kalau dia rosak juga barangkali kerana hati-nya rosak disebabkan hendak mengkhianati Kerajaan, kerana hendak sabotage Kerajaan boleh jadi, atau pun kerana tidak chukup lagi dia punya nafsu mahu kesenangan lebeh, jadi itu patut di-kaji.

Kalau kita tidak kaji jiwa jentera kita ini, kita buat apa *scheme* Kerajaan pun tidak boleh memuaskan hati mereka. Datang-lah *scheme* Commission of Enquiry, buat-lah daripada gaji \$100 naik \$300 tetapi sudah jiwa itu pengkhianat, jiwa itu sudah rosak, jiwa dia itu bukan kerana hendak bekerja kerana keikhlasan, beri gaji \$300 dia mahu \$600, beri \$600 dia mahu \$1,000—tidak chukup, sebab motokar itu ada

yang kecil ada yang besar. Itu jiwa dia. Jadi, saya rasa kita mesti ada satu kumpulan, kumpulan manusia yang tahu jiwa jentera Kerajaan kita ini, mengkaji balek bukan sahaja menimbangankan untuk memberi gaji, tetapi menimbang di atas jiwa dan chara jentera Kerajaan ini bergerak. Boleh jadi satu orang pegawai Kerajaan bukan kerana dia mahu mengkhianati, tetapi boleh jadi dengan tidak chukup alat.

Umpama-nya apa yang telah berlaku di-Causeway hari ini. Barang bertimbun<sup>2</sup> penoh dalam *store*, barang tidak boleh keluar, ahli perdagangan sudah ribut tidak sampai barang ka-kedai, dua minggu, tiga minggu, barang tidak boleh lepas. Saya sendiri pergi ka-Causeway. Kebetulan saya tengok barang itu bertimbun<sup>2</sup>. Apa telah terjadi? Kerana alat Kastam itu tidak chukup, persediaan-nya dan kakitangan-nya tidak chukup. Saya terkejut apabila di-beri tahu kepada saya sa-orang Pegawai Kastam tidak ada talipon di rumah-nya—Pegawai Kastam tidak ada talipon. Kalau ada *emergency call*, kama-nya hendak panggil? Jadi ma'ana-nya Kastam itu di-jadikan satu Jabatan untuk mengambil hasil sahaja, memberi tidak ada langsung. Store yang di-buat itu sudah 20 atau 30 tahun dahulu—ini hari store itu juga. Itu menunjukkan kita punya persediaan, kemudahan boleh jadi oleh kerana kemudahan tidak di-beri, kaki-tangan itu bekerja dengan perasaan yang tidak begitu ikhlas, boleh jadi. Jadi ini perkara mesti di-kaji, mesti di-kaji dengan chara mendalam, di-kaji oleh satu Jawatan-kuasa yang patut, kalau boleh, masukkan juga ahli<sup>2</sup>, pakar<sup>2</sup> manusia, pakar<sup>2</sup> saikoloji masuk di-situ memerhatikan dan tengok macham mana perkara ini berlaku.

Saya tengok lagi satu Jabatan ia-itu Jabatan Keretapi. Kelam-kabut dalam Parlimen ini, kalau datang hal kereta-*api*—rugi. Sudah menjadi satu *pattern*, sudah menjadi satu chap, sudah menjadi satu *symbol* keretapi rugi; kalau bas untong, kalau lori untong, keretapi rugi sa-hingga keretapi sendiri buat lori. Fasal rugi, tinggalkan keretapi buat lori; jadi keretapi keluarkan

modal untuk buat lori, kerana perniagaan ini keretapi rugi. Jadi, bagaimanakah hendak dapat untong, kalau keretapi sudah rugi; kemudian modal keretapi pergi buat lori; lagi rugi, fasal semua barang naik dengan lori. Ini satu perhitongan yang paling dekat saya nampak; jadi kita rugi, dan makin rugi. Jadi, apa yang saya fikir, ini keretapi apa yang kita mahu, kalau dia mahu untong tidak lain daripada dua chara sahaja. Yang pertama mesti chukupkan alatan dia, yang kedua dicepatkan pekerjaan-nya. Ini pengangkutan mesti chepat. Satu orang ta' mahu mengangkat barang dengan keretapi kalau terpaksa mengambil masa dua minggu. Lori dua hari, keretapi dua minggu. Kalau saya berniaga saya tidak angkat keretapi; angkat keretapi, habis burok barang<sup>2</sup> saya dalam gerabak itu. Satu sharikat mahu hantar kayu balak pergi ka-Singapura, minta wagon, wagon tidak ada; berma'ana alat tidak chukup. Kalau kita dapat mengadakan wagon dengan chukup, berapa banyak kayu balak yang ta' payah hantar dengan lori, hantar dengan keretapi? Harganya murah, tambang-nya murah, siapa yang hendak angkat dengan lori? Jadi ini masalah besar, masalah mengenai negara kita, masalah yang mengenai dengan ekonomi negeri kita.

Kita datang pula kepada railcar. Daripada Kuala Lumpur ka-Ipoh ada railcar, ia-itu keretapi yang paling chepat tiba, tetapi daripada Kota Bharu ka-Dabong tidak ada. Daripada Kuala Lumpur ka-Ipoh sudah tentu, dan patut, kalau ta'ada ta'apa, sebab motokar chepat berjalan, penumpang<sup>2</sup> ta' hendak naik railcar, mereka hendak motokar terus, kerana teksi ada. Apa fasal hendak buat daripada Kuala Lumpur ka-Ipoh? Buat-lah daripada Kota Bharu ka-Dabong, ka-Jeli, ka-Ulu Kelantan yang mana tidak ada pengangkutan. Jadi, chepat-nya perjalanan itu lebeh banyak penumpang naik dapat banyak duit, keuntungan datang. Perkara ini saya bentangkan dengan chara yang mudah, tetapi boleh jadi apabila hendak praktik itu payah sedikit, tetapi saya rasa perhitongan macham ini boleh di-buat dan boleh di-baiki.

Saya rasa tidak perlu berchakap panjang, chuma saya suka memberi tahniah kepada Ketua Jabatan Penchegeh Rasuah kerana mengambil tindakan yang paling berani untuk bertindak menghapuskan rasuah dalam negeri kita ini. Saya rasa kalau sa-kiranya Kementerian Dalam Negeri dan juga kalau sa-kira-nya Kerajaan kita memberi kuasa yang lebeh meletakkan orang yang kena pada tempat-nya saya rasa kita dapat, kalau tidak 100 peratus, 50 peratus daripada kejadian rasuah dalam negara kita ini akan hapus, dan kita boleh berbangga satu negara di-Asia yang boleh menjalankan gerakan menghapuskan rasuah ini dengan paling berani dan chekap sa-kali. Sekian sahaja, terima kaseh.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Dato' Yang di-Pertua, saya menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan bagi tahun ini. Ini ada-lah satu Rang Undang<sup>2</sup> yang ringan bagi di-hadapi oleh sa-orang ra'ayat Malaysia, tetapi di-samping itu, Dato' Yang di-Pertua, saya rasa walau pun Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan pada tahun ini ada-lah satu Rang Undang<sup>2</sup> yang ringan, tetapi barangkali pada tahun<sup>2</sup> yang ka-hadapan kita akan menggandakan lagi chukai<sup>2</sup> ka-atas ra'ayat Malaysia; maka saya rasa kalau-lah sa-tahun kita dapat merengankan chukai kepada ra'ayat kita, atau pun da-lam apa segi sa-kali pun, pada tahun<sup>2</sup> yang akan datang kita tidak boleh membuat demikian dan saya ta'nampak-lah bagaimana yang Menteri kita boleh nampak perkara ini dapat di-rengankan. Tetapi walau bagaimana pun, harus Menteri kita berfikir bahawa tahun ini telah sampai tahun yang harga getah paling meleset sa-kali dan patut-lah Menteri kita memikirkan dengan lebeh halus dan bersimpati dengan keadaan ra'ayat dalam negeri kita.

Mengenai perkara soal harga getah, saya nampak, Dato' Yang di-Pertua, keadaan ekonomi negara kita ada-lah merusut sa-kali; kalau kita bandingkan di-mana<sup>2</sup> juga sama ada kehidupan ra'ayat di-kampung<sup>2</sup> yang sa-mata<sup>2</sup> bergantung kepada pendapatan hasil

penoreh getah dan sa-bagai-nya, ada-lah sangat mendukachitakan. Ada di-sa-tengah<sup>2</sup> tempat yang saya dapat tahu hanya makan nasi sa-hari sa-kali sahaja, kerana kesusahan mereka. Wang pendapatan kekurangan, harga barang makanan sa-makin melambong tinggi-nya. Ini ada-lah satu masaalah yang di-hadapi oleh negara kita. Tidak tahu-lah bagaimana yang Kerajaan kita telah berusaha dengan bersusah payah walau sampai menghantar rombongan<sup>2</sup> sampai beberapa buah negeri untuk menyelesaikan masaalah harga getah, tetapi sampai hari ini harga getah makin sa-hari sa-makin merusut harga-nya. Saya tahu sa-bagaimana saya di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu pada tahun yang lepas dapat juga kita bersama<sup>2</sup> telah mengambil kesempatan, ia-itu mengemukakan hal-ehwal masaalah kejatohan harga getah yang di-hadapi oleh Malaysia, kerana Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun, bagaimana penderitaan ra'ayat yang ada dalam negeri kita yang bergantung di-dalam hal-ehwal harga getah. Tetapi, nampak<sup>2</sup>-nya, kalau hendak kita hadapkan kepada Amerika sahaja, Amerika telah memberi jawapan<sup>2</sup> kepada kita bahawa mereka hanya melepaskan stockpile mereka; stockpile mereka yang biasa mereka lepaskan, mereka jualkan stockpile mereka yang biasa mereka lepaskan, mereka jualkan stockpile daripada 170 juta tan pada satu tahun telah di-kurangkan sa-hingga tinggal 100 juta tan sahaja dalam satu tahun. Ini yang di-hadapi oleh Amerika. Jadi, di-mana-kah kesalahan-nya yang kita menghadapi sekarang ini? Hendak mengatakan stockpile bukan, hendak mengatakan itu bukan, ini bukan, hanya sekarang saya rasa sampai-lah masa-nya yang mana kita semua pakar yang ada dalam Malaysia ini dudok bersama<sup>2</sup>, biar-lah kita menyelesaikan perkara ini dengan lebeh lanjut lagi, apa ada untong-nya kita menghantar getah<sup>2</sup> mentah ka-luar negeri atau pun ada untong-nya kita memperusahakan getah kita, atau pun kita industrialisekan getah<sup>2</sup> yang ada di-negeri kita, kita menghantar barang<sup>2</sup> itu ka-luar negeri. Ini pendapat saya yang saya rasa chetek sahaja, tetapi bagi pehak pakar<sup>2</sup> kita yang ada di-dalam negeri

kita, sampai-lah masa-nya kita meneliti dengan lebeh halus bagi membuat kajian daripada kita menanggung hari ini bagaimana banyak-nya ra'ayat<sup>2</sup> dalam negeri kita yang tidak mempunyai pekerjaan dan sudah memang kalau kita adakan perusahaan getah kita sendiri dan kita hantar ka-luar negeri. Ini ada-lah boleh menguntongkan negara kita dan juga memberi pekerjaan kepada ra'ayat di-negeri kita sendiri.

Apa yang saya dapat tahu sa-masa saya melawat ka-luar negeri, saya dapat saperti macham mana di-negeri Filipina terpaksa membeli getah kita daripada pasaran di-London. Ini adalah satu perkara yang mengechewakan, pada-hal kita negara Malaysia boleh menghantar getah di-Filipina yang mana lebeh dekat, dan bagitu juga di-dalam masaa'lah<sup>2</sup> yang mana kita dapat tahu pentadbiran President Johnson sendiri memberi tahu bahawa pengeluaran *stockpile* mereka itu hanya di-beri bantuan kepada India: alang-kah kechewa-nya kita mendengar, kalau getah kita daripada Malaysia terpaksa pergi 12,000 batu jauh-nya kemudian di-balekan sampai ka-India. Ini siapa-kah yang telah untong di-dalam hal-ehwal kita yang mengeluarkan getah, tetapi nampak-nya ada berbagai<sup>2</sup> chabang-nya yang telah dapat menghisap, atau pun kita mengatakan telah menekmati ke-untongan hasil getah kita, akan tetapi yang menderitani ini ada-lah ra'ayat Malaysia sendiri, dan bagitu juga berhubong dengan hal-ehwal perkara getah ini.

Sa-bagai sa-orang perempuan, tentu-lah saya tidak banyak mengetahui dalam hal-ehwal getah, tetapi sa-telah saya berbinchang dan meninjau juga pendapat kawan<sup>2</sup> yang hanya saya rasa tidak-lah bagitu meluas, mereka juga merasa hairan bagaimana kita di-Malaysia boleh mengadakan jalan<sup>2</sup> rubberrised dan mengapa-kah kita tidak chuba mengexploit, atau pun kita chuba meninjau pendapat negeri<sup>2</sup> lain yang sedang membangun, atau negeri<sup>2</sup> yang telah maju, bagaimana mereka boleh menggunakan getah kita sendiri menjadikan jalan<sup>2</sup> itu sa-bagai jalan rubberrised sendiri. Boleh dengan

penggunaan getah ini melebehi, maka dengan chara yang bagitu harga getah kita dapat naik harga-nya, atau pun kehendak negeri<sup>2</sup> yang menggunakan getah ini ada lebeh baik lagi. Itu yang saya hanya dapat menyebutkan tentang hal-ehwal getah dan bagitu juga di-dalam hal-ehwal perkara<sup>2</sup> yang lain.

Dato' Yang di-Pertua, suka-lah sedikit saya hendak menyentoh hal-ehwal Kementerian Luar Negeri kita sendiri; bagaimana pun saya tidak-lah hendak menghentam sa-hebat<sup>2</sup>-nya keadaan Kementerian Luar Negeri, tetapi perkara ini sangat mustahak yang mana saya tahu dapat di-perbaiki oleh pehak Kerajaan kita. Saya suka membawa perhatian tentang Surohanjaya Tetap kita di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, ia itu di-New York yang mana pada tahun lepas saya dapat pergi menjadi wakil ka-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu; sa-lama tiga bulan kami berada di-New York dan di-situ saya dapat tahu di-dalam Permanent Representatives of Malaysia to the United Nations kita tidak mempunyai sa-orang pun Pegawai Seranta, atau pun Publicity Officer di-Pejabat Perwakilan Tetap kita di-New York. Kita tahu yang sa-benar<sup>2</sup>-nya masalah<sup>2</sup> dunia semua-nya bertemu di-New York, apabila ada pejabat Bangsa<sup>2</sup> Bersatu di-sana, sudah barang tentu apa juga bahan<sup>2</sup> penerangan terpaksa di-tumpukan di-sana, tetapi yang malang-nya yang saya nampak—ini tidak saya salahkan kepada pegawai<sup>2</sup> yang ada di-sana—kerana kita tahu pegawai<sup>2</sup> kita tidak chukup masa dan tidak ada kaki-tangan yang chukup di-dalam Jabatan Surohanjaya Tetap kita itu, tetapi yang malang-nya kita tengok risalah<sup>2</sup> mengenai konfrantasi sa-masa kita menghadapi konfrantasi dengan Indonesia dahulu. Saya perchaya kalau hendak katakan saya salah, sila-lah pergi tengok di-sana dekat satu pikul risalah<sup>2</sup> itu beku yang ada di-situ; harus tidak ada orang yang hendak memberikan kepada Surohanjaya<sup>2</sup> Tetap bagi Bangsa<sup>2</sup> yang lain yang ada di-New York yang mana mereka harus mengetahui apa-kah jenis konfrantasi yang di-hadapi oleh Malaysia pada masa itu. Itu perkara sudah lepas, tetapi apa akan jadi kepada Malaysia di-masa<sup>2</sup> yang akan

datang dengan kita tidak mempunyai Atachi Penerangan, atau pun Pegawai Seranta dan berbagai<sup>2</sup> lagi. Ini satu perkara yang paling mustahak yang saya nampak patut di-jalankan di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu di-sana.

Sa-perkara lagi ia-lah berkenaan dengan surat<sup>2</sup>, itu pun yang kita katakan bahan<sup>2</sup> penerangan yang telah di-kirimkan oleh Kementerian Penerangan sampai di-sana semua-nya beku, bagitu juga kalau kita hendak katakan kelendar, kelendar tahun 1967 maseh bertimbun, bersusun ada di-sana, sa-hingga bulan September, 1967, tidak ada siapa hendak tolong menghulorkan kepada orang<sup>2</sup> Amerika, pada hal orang<sup>2</sup> Amerika memang dahagakan penerangan, memang dahagakan pengetahuan sa-barang negeri yang ada di-da'lam dunia ini, tetapi sayang-nya negeri saperti Malaysia ini tidak menggunakan sa-penoh<sup>2</sup> peluang yang ada di-dalam tangan kita di-sana.

Bagitu juga kerja<sup>2</sup> saperti mana Permanent Mission kita di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu memang-lah banyak dan saya perchaya Permanent Mission kita akan menambahkan lagi pegawai<sup>2</sup> dan berbagai<sup>2</sup> lagi, bukan menambah pegawai bekerja di-Permanent Mission kita, tetapi kita mesti ingat kerana kerja<sup>2</sup> yang di-hadapi o'leh United Nations bukan hanya bergantung kepada General Assembly yang bersidang sa-lama tiga bulan, akhir-nya General Assembly dalam bulan December, timbul-nya bulan Januari pada tahun yang akan datang kerja<sup>2</sup> itu sedang giat di-jalankan sama ada Committee<sup>2</sup> yang mana kita menghantar wakil<sup>2</sup> mendudoki dalam Bangsa<sup>2</sup> Bersatu terpaksa menjalankan kerja<sup>2</sup> mereka itu; tetapi kalau tidak ada pegawai tetap yang mendudoki yang betul mentela'ah di-dalam hal-ehwal kerja<sup>2</sup> Committee itu, kita akan hanya ke-tinggalan; jangan-lah jadi sa-bagai-mana yang telah lepas<sup>2</sup> wakil<sup>2</sup> kita yang di-hantar ka-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu hanya sa-kali sa-kala sahaja dapat menchelah di-dalam perbahathan; dalam kerja<sup>2</sup> di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu yang mana telah wujud lebeh daripada 22 tahun lama-nya dan sa-lama 22 tahun

masaalah<sup>2</sup> ini memang sudah lama di-perbinchangkan oleh orang, tetapi kita hanya baharu dapat hendak menchelah; sayang-nya negeri kita telah merdeka sa-lama 10 tahun, tetapi negeri<sup>2</sup> yang baharu merdeka, negeri yang baharu munchul baharu dua tiga tahun saperti Dahomy, Ivory Coast dan lain<sup>2</sup>-nya, mereka<sup>2</sup> ini telah lama telah mengkaji kedudukan Committee<sup>2</sup> ini sa-hinggakan mereka dapat menjalankan co-sponsor di-dalam mengemukakan hujah<sup>2</sup> dan masaalah<sup>2</sup> mereka itu dengan lebeh tegas lagi. Dalam perkara<sup>2</sup> yang bagini, saya suka juga mengeshorkan kepada Kementerian Luar Negeri kita, kerana quota kita, quota pegawai<sup>2</sup> kita ka-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu maseh ada kosong lagi. Kita tidak kurang pegawai<sup>2</sup> kita yang mana sanggup berkhidmat di-sana, ia-itu di-Secretariat Bangsa<sup>2</sup> Bersatu-lah tempat yang mana kita boleh menghantar pegawai<sup>2</sup> kita untuk mempelajari dan di-samping mempelajari dapat kita mengexploit apa juga bantuan yang kita boleh dapat dari Badan dunia itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak menyentoh dalam perkara yang lain yang berhubung dengan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, tetapi satu perkara yang saya nampak yang patut bertindak tegas oleh pehak Kementerian kita, atau pun Jabatan Perdana Menteri sendiri, ia-itu berkenaan dengan tempat kediaman pegawai<sup>2</sup> kita yang ada di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu di-sana, mithalnya, saperti Duta kita yang tinggal di-New York, terpaksa bagi pehak Kerajaan kita membayar apartment-nya yang tidak kurang daripada \$A800 bagi tiap<sup>2</sup> bulan; itu tidak di-kira daripada sewa perabut rumah-nya bagi sa-orang pegawai, tidak kira beberapa banyak lagi pegawai<sup>2</sup> kita di-sana itu dan ini tidak termasuk pekerja<sup>2</sup> yang lain yang ada di-New York. Ada lebeh untong, saya rasa, kalau dapat Kerajaan kita menyewa terus satu bangunan, atau pun dapat kita dirikan satu pejabat yang tetap bagi Surohan-jaya Tetap kita di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, kerana pada tiap<sup>2</sup> tahun, kita akan menggunakan pejabat itu, itu yang saya menyentoh hanya pada rumah<sup>2</sup> pegawai sahaja dan tidak termasuk lagi Pejabat Permanent Mission kita.

Pejabat Perwakilan Tetap kita itu memang besar betul, tetapi berapa lama kita sanggup membayar sewa<sup>2</sup> dengan begitu mahal harga-nya, dan kita dalam perkara<sup>2</sup> yang macham ini, saya nampak ada lebeh untong, kalau Kerajaan kita mengambil peluang ia itu memandang lebeh jauh ka-hadapan keuntogan ini ada-lah bagi kehormatan Malaysia dan juga bagi kedudukan yang baik di-dalam hal-ehwal menjimatkan kewangan kita daripada satu masa ka-satu masa.

Dalam perkara<sup>2</sup> yang lain, Dato' Yang di-Pertua, tidak-lah saya hendak menyentoh perkara<sup>2</sup> yang berat<sup>2</sup> sangat, tetapi saya suka-lah menyentoh sedikit sahaja berkenaan dengan pandangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Nik Hassan baharu sa-kejap tadi berkenaan dengan Perkhidmatan Talikom, atau pun Jabatan Talipon. Perkhidmatan Talipon ini ada-lah satu sumber yang mana kita boleh dapat kewangan negara yang betul<sup>2</sup> menguntongkan negeri kita, tetapi yang paling mendukachitakan kita saperti mana *microwave station* harus di-adakan di-Trengganu dengan sa-berapa segeranya, kerana kita tahu panggilan<sup>2</sup> talipon daripada Trengganu ka-Kuala Lumpur sahaja pendengaran itu memang tidak berapa terang, tidak terang langsung, terutama sa-kali kalau-lah kita memikirkan tentang lombong besi yang ada di-Dungun sana. Lombong besi di-Dungun, Trengganu, sahaja apa yang saya dapat tahu salah sa-orang daripada pegawai yang bekerja di-lombong besi di-sana mereka terpaksa membayar bill<sup>2</sup> talipon yang tidak kurang daripada \$100,000 di-dalam masa sa-bulan kepada Jabatan Talikom sendiri kerana tiap<sup>2</sup> hari mereka terpaksa berhubung dengan pelabohan<sup>2</sup> saperti Tokyo, Hong Hong dan ber-bagai<sup>2</sup> negeri lagi. Ini ada-lah mustahak bagi sa-buah lombong besi yang ada di-situ, dan *microwave station* yang ada di-situ ada-lah boleh menguntongkan juga saperti negeri Kelantan dan sa-bagai-nya. Ini sangat berguna bagi negara kita dan juga sangat menguntongkan negara kita, kalau-lah kita dapat mengadakan perhubungan talipon yang lebeh baik lagi.

Bersangkut dengan talipon juga suka-lah saya menyentoh, ia-itu dalam perkara yang saya pandang sangat mustahak bagi keselamatan negeri kita. Sa-masa berada di-Amerika pernah saya membuat panggilan talipon daripada New York ka-rumah saya hanya mengambil masa tidak sampai 10 minit, ia-itu kita panggil *overseas call*, senang sahaja kita dapat, tetapi malangnya apabila saya pulang singgah di-Bangkok dan bermalam di-sana sebelum pulang ka-rumah, sehingga saya hendak menhuba pula beritahu orang di-rumah bahawa saya akan pulang, tetapi elok sahaja saya angkat talipon pukul 5 petang, dia mengatakan bahawa Perkhidmatan Talipon hanya sa-takat pukul 4 petang sahaja. Ini ada-lah mengenai keselamatan di-dalam negeri kita. Apa akan terjadi dalam negeri kita sa-kira-nya Surohanjaya kita yang ada, atau pun Kedutaan kita yang ada di-Bangkok akan menggunakan talipon, akan menggunakan apa chara juga perhubungan bagi memberitahu kepada pehak Kerajaan kita, kalau-lah begitu keadaan-nya sampai pukul 4 petang sahaja hubungan talipon sa-berang Laut yang hanya di-antara Bangkok dengan Malaysia telah terputus; begitu juga pada sa-belah paginya, saya chuba lagi pukul 7 pagi belum lagi dapat jawapan talipon. Ini ada-lah satu perkara yang sangat mendukachitakan kita dan saya rasa dalam perkara<sup>2</sup> yang macham ini, patut-lah kita segerakan dan tidak-lah harus kita melengah<sup>2</sup>kan dalam perkara yang mustahak yang di-hadapi oleh negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang harus saya menyentoh ia-lah walau pun perkara ini satu perkara yang di-pandang ringan, tetapi tidak-lah begitu ringan nampak saya sa-bagaimana yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd. Noah, ia-itu bahawa kita mustahak mengadakan *Economic Adviser* kita di-Kementerian Kewangan. *Economic Adviser* ini saya nampak memang mustahak kerana Kementerian Kewangan kita terpaksa mengkaji keadaan ekonomi negara kita daripada satu masa ka-satu masa; bukan itu sahaja, Dato' Yang di-Pertua.

tetapi apa yang telah berlaku pada negara<sup>2</sup> kita ini baharu<sup>2</sup> ini mengenai dengan kejatohan pound sterling dan negara kita telah mengalami kekacauan yang sa-bagitu hebat sa-kali; dan kalau-lah di-dalam Kementerian kewangan, kita mempunyai Economic Adviser, maka Economic Adviser kita ini boleh menasihatkan sama ada patut-kah kita mengurangkan kedudukan mata wang kita ini dengan sa-rentak sa-kali sa-bagaimana yang telah di-jalankan di-Britain. Saya nampak tidak ada sebab-nya, maka negeri kita terpaksa mengikut sa-bagaimana kedudukan kewangan di-Britain; kalau-lah ada Economic Adviser, saya nampak kekacauan tidak akan berlaku dalam negeri kita ini, kerana kedudukan soal kejatohan pound sterling ini, memang boleh berlaku bila<sup>2</sup> masa, tetapi kedudukan kewangan kita tidak patut-lah kita mengikut sampai bagitu sa-kali, boleh Kerajaan kita mengambil masa sa-minggu, atau pun boleh Kerajaan kita mengambil masa sa-lama sa-bulan, kerana kedudukan nilai mata wang yang lama, atau pun old currency kita ada-lah di-pegangi oleh Board of Currency yang bersama<sup>2</sup> dengan Singapura, Brunei dan negeri<sup>2</sup> yang lain, dan bagi sementara waktu bagi pehak Kementerian Kewangan kita mengadakan perundingan bersama mereka itu dan di-samping itu boleh Kerajaan kita mengambil masa sa-jauh mana-kah dapat kita menurunkan nilai mata wang kita, tidak dengan cara mengejut. Maka dengan keadaan bergopoh-gapah, Kementerian Kewangan kita telah menurunkan nilai mata wang kita, maka telah terjadi soal<sup>2</sup> yang tidak di-ingini sa-bagaimana berlaku di-Pulau Pinang.

Di-sini saya suka-lah juga bersambung sa-mula perchakapan saya telah ketinggalan, ia-itu dalam perkara ini, mesti-lah di-adakan macham saya katakan Public Relations Officer di-Kedutaan<sup>2</sup> kita di-mana<sup>2</sup> juga berita yang telah terjadi kekacauan di-Pulau Pinang ini telah menjadi *racial riot*. News di-dalam New York Times dan di-mana<sup>2</sup> juga Daily News dan berbagai<sup>2</sup> surat khabar yang ada di-Amerika mengatakan *racial riot*. Ini-lah satu perkara yang sangat mendukachitakan kita, walau pun rusohan<sup>2</sup>

yang berlaku itu bukan di-anggap sa-bagai *racial riot*, tetapi siapa-kah yang hendak menafikan berita<sup>2</sup> yang saperti itu? Bagitu juga dalam satu perkara lagi yang saya nampak mustahak-nya yang menjatuhkan *image Malaysia* sa-masa lawatan Vice-President Amerika di-sini, Hubert Humphrey, yang mana satu berita yang besar di-muka hadapan, *Daily News*, yang mengatakan Malay Riot welcome "Huby", ia-itu Hubert Humphrey. Ini-lah satu perkara yang betul<sup>2</sup> memalukan kita, kalau betul<sup>2</sup> saya kata orang Melayu yang jahat di-dalam negeri kita tidak apa jikalau dia di-panggilkan Malay Riot, tetapi siapa-kah hendak menafikan berita<sup>2</sup> macham ini? Tidak ada siapa. Pegawai<sup>2</sup> kita yang ada di-Surohanjaya Tetap kita tidak mengambil penting di-dalam perkara yang macham ini, telah menjadi satu perkara yang memalukan kita sa-bagai orang Melayu yang ber-ada di-luar negeri sana. Ini di-katakan bahawa orang Melayu-lah betul<sup>2</sup> jahat di-dalam negeri kita, tetapi mereka tidak tahu sa-bagai Malaysians ini bukan-lah di-ma'anakan kapada orang Melayu sahaja, tetapi Malaysians ini ada-lah terdiri daripada berbagai<sup>2</sup> bangsa.

Ini-lah perkara<sup>2</sup> yang terpaksa saya mengemukakan di-dalam Dewan yang mulia. Dato' Yang di-Pertua, supaya bukan sahaja mendapat perhatian daripada pehak Kementerian yang bersangkutan, tetapi ini ada-lah sa-bagai tindakan yang patut kita ambil bagi menaikkan nama Malaysia sama ada di-luar negeri bahkan keselamatan Malaysia kita yang ada di-negeri kita sendiri. Sa-takat itu sahaja-lah, Dato' Yang di-Pertua. Terima kaseh.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong penoh atas Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan tahun 1968. Di-dalam menyokong perbekalan ini, saya juga saperti mana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain, hendak menyentoh sadikit atas perkara<sup>2</sup> dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama sa-kali saya suka hendak berchakap berhubung dengan keputusan peperiksaan L.C.E. Banyak-lah Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat dan juga sa-tengah Ahli Dewan Negara ini

telah berchakap berkenaan dengan pepereksaan L.C.E. ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa susah hati, kerana pada tahun 1967 ini keputusan L.C.E. dalam Tanah Melayu ini sangat-lah rendah daripada tahun<sup>2</sup> yang sudah, dan sa-bagai sa-orang bapa yang ada mempunyai anak dalam sekolah, tentu-lah kita berasa bimbang hati kerana sekarang kita tidak boleh buat apa<sup>2</sup> kerana perkara itu sudah lepas. Tetapi walau bagaimana pun, patut-lah kita kaji sa-mula, apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya yang perkara ini terjadi bagitu.

Saya berpendapat bahawa ada beberapa faktor yang menyebabkan kejatohan pepereksaan L.C.E. yang saya boleh terangkan atas tiga faktor yang bersangkutan-paut dengan-nya. Sunggoh pun banyak orang sudah menafikan faktor yang pertama, ia-itu computer, kita tahu computer ini ia-lah satu machine yang baharu, yang baharu sahaja kita gunakan pada tahun ini untuk memereksa kertas<sup>2</sup> pepereksaan murid<sup>2</sup> itu. Kita tahu juga computer ini telah di-pakai di-beberapa buah negeri dalam dunia, tetapi kita tahu juga dalam negeri<sup>2</sup> di-sa-belah Barat yang moden, yang lebeh pandai, yang lebeh maju, tidak beberapa buah negeri yang memakai computer ini. Nampak-nya kita sahaja di-sabelah Timor ini barangkali yang mula<sup>2</sup> memakai computer.

Tuan Yang di-Pertua, kita manusia ini ia-lah God's creation, ia-itu Tuhan yang menjadikan manusia, maka Tuhan menjadikan manusia memberikan otak, maka dengan-nya otak itu di-berikan akal, fikiran-nya dan Tuhan juga memberi otak dan akal kepada binatang, tetapi kepada binatang akal-nya kurang daripada manusia, maka itu-lah sebab kita manusia itu-lah raja segala binatang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini, manusia kita ini sudah menjadi segan, dia jadi malas, dia tidak mahu lagi menggunakan fikiran-nya, dia sudah buat *robot* di-panggil *computer*, guna-nya dia buat *robot computer* ini dia berikan *computer* itu dia ingat dia berikan akal kepada computer itu supaya computer itu boleh buat apa yang dia mahu, kalau-lah kita manusia yang pandai ini, kita tidak dapat membandingkan sama dengan Tuhan yang

membuat kita macham kita hendak membandingkan computer ini satu *robot* dengan manusia. Maka dengan kerana itu-lah saya perchaya penoh bahawa ada silap-nya computer ini. Pepereksaan pada kali ini di-dapati banyak yang tidak lulus, saya fikir tentu-lah computer ini ada silap, kalau manusia pun boleh silap, computer yang di-buat robot itu tentu-lah dia silap juga, maka itu-lah satu<sup>2</sup> daripada faktor<sup>2</sup> yang saya fikir yang telah menjadikan kelulusan kita itu rendah.

Faktor yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sunggoh pun ada orang manafikan ia-lah perkara mogok guru<sup>2</sup>—banyak guru<sup>2</sup> daripada N.U.T. Saya tahu-lah kalau N.U.T. dengar ini esok, tentu dia marah—dia marah pun marah-lah. Sunggoh pun mogok guru<sup>2</sup> itu ia-lah mogok-nya di-luar daripada kelas<sup>2</sup> pelajaran, chuma mogok *extra murol activities* macham jaga bola, *exercise* dan lain<sup>2</sup>, tetapi kita fikir jikalau sa-orang itu mogok ma'ana-nya hati-nya marah, kalau dia marah kepada Kementerian, kalau dia dudok dalam kelas, dia mengajar, tentu-lah dia tidak boleh mengajar dengan sempurna sa-bagai orang yang tidak berhati marah, maka dengan kerana itu-lah tidak banyak sedikit pun ada-lah berlaku, sebab saya fikir ajaran yang telah di-berikan kepada murid<sup>2</sup> ini kurang daripada yang sa-wajar-nya yang patut di-beri. Itu-lah saya nama-kan faktor yang kedua.

Faktor yang ketiga itu ia-lah, saya fikir, di-sebabkan dalam Darjah Enam dahulu di-naikkan dengan chara *automatic promotion* dengan tidak ada pepereksaan. Sa-kira-nya jikalau ada pepereksaan barangkali katakan-lah 70% daripada 100 orang lulus, ini berma'ana 70 orang murid naik dalam Form I, II dan III. Daripada itu pula tentu-lah ada lagi 70% yang lulus; jadi, ada kurang lagi. Kalau murid ini naik terus sa-ramai 100 orang, tentu-lah lebeh ramai lagi murid<sup>2</sup> yang tidak mengambil pepereksaan, tentu-lah kejatohan itu terok sampai tinggal 40 hingga 50 orang. Saya nampak itu-lah ketiga<sup>2</sup> perkara yang menyebabkan kejatohan pepereksaan L.C.E. pada tahun yang sudah.

Sa-bentar tadi ada juga Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat kita merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dan saya juga suka merayu-lah lagi—sungguh pun Yang Berhormat Menteri kita telah menjawab kelmarin dengan mengatakan bahawa murid<sup>2</sup> yang lulus peperiksaan L.C.E. dengan mendapat Pangkat C ini—jikalau ada syarat<sup>2</sup> seperti umur-nya kurang dan lain<sup>2</sup>-nya, maka murid<sup>2</sup> itu boleh lagi di-ambil belajar dalam kelas L.C.E.—*repeat*, kata-nya. Tetapi memandangkan perkara itu, berapa peratus-kah sahaja daripada murid<sup>2</sup> ini yang boleh di-ambil, sa-banyak<sup>2</sup>-nya 50%. Kemudian yang 50% lagi itu, beribu<sup>2</sup> lagi itu kama-kah murid<sup>2</sup> ini yang berumur dalam lengkongan di-antara 14 hingga 16 tahun ini hendak pergi? Jadi, saya sa-kali lagi bersama<sup>2</sup> dengan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain merayu-lah kepada pehak Kerajaan bahawa mintalah Kerajaan supaya mencari satu jalan bagaimana untuk hendak meng-ambil murid<sup>2</sup> yang tidak dapat memasuki kelas<sup>2</sup> L.C.E. ini, di-beri latehan seperti vocational training-kah, atau di-beri apa<sup>2</sup> pelajaran supaya dapat murid<sup>2</sup> ini esok boleh di-jadikan ra'ayat yang berguna kepada negara dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak berchakap ialah perkara yang baharu sa-bentar tadi di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Bibi Aishah, ia-itu berkenaan dengan harga getah. Kita sangat susahlah oleh sebab kejatohan harga getah yang merosot yang sa-habis<sup>2</sup> rendah dalam beberapa tahun, maka banyaklah ra'ayat yang susah. Saya tahu sama ada orang yang mempunyai kebun getah pun susah, orang yang menoreh getah pun susah. Baharu sa-bentar tadi kita pun ada mendengar, seperti kata Yang Berhormat Dato' Crawford, pekebun<sup>2</sup> getah yang besar<sup>2</sup> pun susah tidak mendapat untung yang banyak kerana kejatohan harga getah. Saya seronok-lah apabila mendengar bahawa sedikit masa dahulu, banyak-lah negeri<sup>2</sup> yang mengeluarkan getah asli telah berunding, berpakat sa-sama mereka supaya dapat di-charikan satu jalan bagaimana hendak *stabilise*, hendak *maintain* harga getah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pandangan

saya, saya tahu sedikit sa-banyak dalam soal getah, saya fikir jikalau kita buat bagitu, saya ingat itu pun kurang boleh di-majukan. Saya nampak satu jalan jikalau boleh di-buatkan untuk mendapat harga getah ini *stabilise*, patut-lah kedua<sup>2</sup> belah pehak yang meng-eluarkan getah ini berbinchang ia-itu segala negeri<sup>2</sup> yang mengeluarkan getah asli bermuafakat dengan semua negeri<sup>2</sup> yang mengeluarkan getah tiruan dan kedua<sup>2</sup> belah pehak ini boleh berunding, boleh melantek Jawatan-kuasa dan boleh di-tetapkan dalam soal memberi quota. Katakan-lah sekarang dunia menggunakan sa-banyak empat juta tan getah pada sa-tahun; berikan quota getah asli, awak keluarkan dua juta tan sa-tahun, dan kami pengeluar getah tiruan dua juta tan sa-tahun; maka dengan quota ini boleh-lah Jawatan-kuasa ini menetapkan harga kepada getah, ia-itu getah asli Nombor 1 hingga Nombor 5 berapa harga-nya, getah tiruan Nombor 1 hingga Nombor 5 berapa harga-nya. Jadi, harga itu boleh-lah *stabilise* dan dari satu masa ka-satu masa apabila kegunaan getah ini bertambah, maka boleh-lah Jawatan-kuasa ini menambahkan quota<sup>2</sup> itu lagi. Kalau di-katakan pada tahun hadapan dunia menggunakan lima juta tan, berma'ana bertambah satu juta tan lagi, boleh-lah kata, engkau ambil lagi sa-tengah juta tan tambah, dan awak sa-tengah juta tan lagi tambah supaya sama. Saya ingat dengan jalan ini-lah sahaja baharu kita boleh *stabilise*-kan harga getah.

Oleh sebab Malaysia ini ia-lah sa-buah negeri yang terbesar sa-kali dalam dunia yang mengeluarkan getah lebeh banyak sa-kali getah asli, saya suka-lah mengshorkan kepada Kerajaan, ia-itu patut-lah Kerajaan Malaysia mengambil daya utama mengshorkan perkara ini kepada pehak United Nations yang ada sekarang ini atau pun dengan menggunakan pehak United Nations supaya dapat mereka itu menganjorkan kedua<sup>2</sup> belah pehak, ia-itu pengeluar getah asli dan getah tiruan berfakat bersama<sup>2</sup> menetapkan quota, menetapkan harga getah supaya jangan-lah ada mana<sup>2</sup> pehak mengalami kerugian. Jadi, dengan chara itu dapat-lah kedua<sup>2</sup> belah pehak

boleh mendapat keuntungan, dapat ke-  
sempurnaan, boleh bekerja dengan chara  
berbaik<sup>2</sup>, tidak guna-lah kita sama kita  
berlawan lagi kalau berlawan lagi kita  
hendak menambahkan lagi banyak  
tanaman yang banyak beribu<sup>2</sup> tan  
keluar, mereka pun membuat lagi  
banyak. Lagi banyak barang lagi  
harga turun. Saya nampak ini-lah satu  
jalan yang baik sa-kali dan saya kira  
patut-lah Kerajaan kita sa-bagai sa-  
buah negeri yang terbesar sa-kali  
dalam mengeluarkan getah asli meng-  
ambil daya utama mendesak pehak  
United Nations menganjorkan perkara  
ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang  
ketiga yang saya hendak chakapkan  
ia-lah baharu<sup>2</sup> ini saya mendengar  
dalam surat akhbar bahawa Yang  
Amat Berhormat Tun Abdul Razak  
berkata bahawa Jeneral Tengku  
Osman kita akan bersara pada tahun  
ini apabila genap umur-nya 50 tahun.  
Tuan Yang di-Pertua, saya hairan-lah  
baharu sa-hari dua ini kita telah ada-  
kan keramaian ia-itu menyambut 35  
tahun usia Askar Melayu di-Raja. Ini  
berma'ana Askar di-Malaysia kita ini  
chuma baharu berusia 35 tahun—  
sangat muda, sama dengan umur sa-  
orang sahaja dan tidak sampai dengan  
umur saya. Jadi, kalau muda bagitu,  
kalau bagitu punya muda, berma'ana  
kita kekurangan pegawai<sup>2</sup>, kita ke-  
kurangan askar<sup>2</sup> dan kekurangan  
barang<sup>2</sup> ini. Jadi, saya nampak oleh  
sebab<sup>2</sup> kekurangan itu tidak patut-lah  
kita beri sa-orang ketua kita yang  
Nombor I berpenchen dalam umur 50  
tahun, sebab muda sangat.

Tuan Yang di-Pertua, pada Perang  
Dunia Yang Kedua kita tengok Jen-  
deral yang besar<sup>2</sup> semua-nya berumur  
di-antara 50 hingga 60 tahun. Jen-  
deral Alexander Montgomery, Jen-  
deral Keitel di-Jerman semua-nya  
berumur 60 tahun. Kalau mereka boleh

sampai 60 tahun, orang yang ber-  
tamaddun, ada askar yang kuat, yang  
besar, kita yang muda ini fasal apa  
yang kita tidak mahu? Saya ingat oleh  
sebab kita muda apabila sa-saorang  
Jeneral kita di-beri dia berpenchen,  
sangat payah hendak menchari ganti-  
nya; oleh sebab itu saya shor-lah  
kapada Kerajaan bahawa kita punya  
Jeneral segala Pegawai yang berpang-  
kat Jeneral patut-lah di-beri tamba-  
han umur-nya untuk bersara sa-hingga  
60 tahun baharu boleh bersara. Jadi,  
tidak payah-lah kita hendak menchari  
Jeneral yang baharu pula dan orang  
yang berpangkat bawah itu boleh-lah  
kita kurangkan sadikit umur-nya untuk  
bersara, ia-itu kapada 55 tahun. Jadi,  
jikalau kita tidak buat bagitu, jadi  
esok kita kurang-lah Jeneral pun  
tidak ada, apa pun tidak ada, kita  
negara yang muda, kemudian tidak  
chepak, hendak mengambil orang ba-  
haru, saya fikir patut-lah sangat per-  
kara ini sungguh pun jawapan dari-  
pada Yang Berhormat Menteri dalam  
perkara itu berkata bahawa Yang di-  
Pertuan Agong ada mempunyai kuasa  
boleh memanjangkan lagi umur itu,  
tetapi oleh sebab<sup>2</sup> yang saya sebutkan  
tadi, tidak patut-lah kita menggunakan  
kuasa itu dan patut-lah Kerajaan mem-  
buat satu ketetapan sa-terus-nya sam-  
pai kapada umur 60 tahun limit-nya  
baharu boleh bersara. Tuan Yang di-  
Pertua . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:**  
Lama lagi Ahli Yang Berhormat  
hendak beruchap<sup>2</sup>?

**Tuan Abdul Samad bin Osman:**  
Panjang lagi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:**  
Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, meshuarat ini  
di-tanggohkan hingga pagi besok pukul  
10.00 pagi.

*Meshuarat di-tanggohkan pada pukul  
4.30 petang.*